IDAMAN ORANG YANG SOLAT

Pengarang
Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani

AL-HIDAYAH PUBLICATION
2010

يغ ملغكاڤي اكن مسائل الدرر واللآلى * كراغن العالم *

يائت توان شيخ داود بن عبد الله الفطاني

غفر الله له آمين

ثم آمين

دان أداله ڤدا آخر كتاب اين ساتو رسالة يغ دنماكن البهجة المرضية

ڤد بچارا موافق دان تخالف مأموم اكن إمام ترجمة الشيخ داود بن عبد الله

الفطاني المذكور، غفر الله له ولوالديه ولجميع المسلمين، آمين.

Pengarang
SYEIKH DAUD BIN ABDULLAH AL-FATHANI
Pengalihan Tulisan Jawi ke Roman
NORAINE ABU

Dengan Nama Allah Yang Maha
Pemurah Lagi Maha Penyayang

Kami adalah **penerbit** dan **pengedar buku-buku Islam** kontemporari dinihari. Bergerak bersama mendokong **kebenaran Al-Quran** dan As-sunnah sebagai teras pengabdian. **Menyebarkan ilmu** di mana dan ke mana saja demi **merealisasikan** cita-cita dan harapan **Membina generasi** di **masa depan.** Pastinya usaha kami **bukan meraih** keuntungan yang sedikit **di dunia** ini tetapi mahu melihat **generasi** dan **negara** ini mencapai mercu kecemerlangan di dunia dan di akhirat. Untuk itu kami sedia **memberi perkhidmatan** yang terbaik untuk keperluan masa **depan anda.**

AL-HIDAYAH PUBLICATION

IDAMAN ORANG YANG SOLAT

Pengarang:
Syeikh Daud Bin Abdullah Al-fathani

Pengalihan Tulisan Jawi Ke Roman:
Noraine Abu

Cetakan Pertama ……… 2010

Diterbitkan Oleh: **AL-HIDAYAH PUBLICATION**
No. 27, Jalan DBP Dolomite Business Park
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-6185 3002, 61857006, 6185 4009
Fax: 03-6185 9008

Diedarkan Oleh: **AR-RISALAH PRODUCT SDN. BHD**
No. 27, Jalan DBP Dolomite Business Park
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-6185 3002, 61857006, 6185 4009
Fax: 03-6185 9008

Dicetak Oleh: **PERCETAKAN ZAFAR SDN. BHD**
Lot 18, Jalan 4/10B, Spring Crest Industrial Park
Batu Caves, 68100 Kuala Lumpur

KATA PENERBIT

Segala puji bagi Allah Ta'ala, Tuhan sekalian alam. Salawat dan salam disampaikan kepada junjungan Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam, keluarga serta sahabat-sahabat baginda.

Dalam usaha untuk menambahkan buku-buku bacaan di kalangan masyarakat sekarang, maka dengan rasa syukur dipanjatkan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpahan rahmatNya kami dapat menerbitkan sebuah lagi buku yang bertajuk **MUNYATUL MUSALLI (IDAMAN ORANG YANG SOLAT)** dan juga sebuah risalah yang bernama **AL-BAHJAH AL-MARDHIYAH** yang dikarang oleh ulama yang terkenal iaitu **Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani**.

Buku ini membicarakan perkara-perkara yang berkaitan tentang sembahyang, kelebihan sembahyang, rupa bentuk sembahyang, persediaan sebelum sembahyang, syarat sah sembahyang, rukun sembahyang, perkara sunat dan makruh dalam sembahyang dan amalan sunat sesudah sembahyang, sembahyang sunat, wirid dan doa selepas sembahyang, kewajipan raja atau pihak berkuasa ke atas rakyat di bawah tanggungjawabnya dan pada akhir kitab ini ada bab yang membicarakan masalah muwafiq dan masbuq.

Buku ini adalah sangat popular di kalangan para pelajar yang mendalami ilmu agama di pondok-pondok, ataupun di surau-surau, masjid-masjid dan juga di pejabat-pejabat. Teks asal buku ini ialah dalam tulisan jawi, tetapi memandangkan kebanyakan generasi sekarang ini yang kurang mahir dalam tulisan jawi, maka untuk membantu mereka yang amat berminat mendalami ilmu agama, maka Ustazah Noraine Abu telah cuba menyalinnya dari tulisan jawi ke tulisan roman tanpa sebarang

pindaan daripada teks asal, agar mudah bagi mereka untuk mengikuti setiap perkataan yang terdapat dalam teks asal.

Akhirnya, pihak kami berdoa kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala semoga pengarang bagi kitab dan risalah ini, keluarga dan para gurunya serta para sahabatnya mendapat ganjaran pahala yang melimpah ruah dari Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana usahanya menyebarkan ilmu Allah di muka bumi ini untuk manfaat manusia keseluruhannya hingga hari kiamat.

Sebagai penerbit, besar harapan kami semoga buku ini akan memberi manfaat dan bimbingan kepada pembaca sekalian. Segala amalan yang baik ini semoga mendapat keredhaan Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Segala kesilapan dan kekurangan adalah kelemahan kami. Oleh itu jika terdapat sebarang kesilapan harap mohon maaf. Teguran yang membina amatlah dialu-alukan untuk membetulkan kesilapan pada cetakan yang akan datang.

Sekalian, Wabillahi Taufiq Wassalamu'alaikum Warah-matullahi Wabarakatuh.

Penerbit,
AL-HIDAYAH PUBLICATION

ISI KANDUNGAN

KATA PENERBIT .... E
ISI KANDUNGAN i
BIOGRAFI RINGKAS SYEIKH DAUD iii
BIN ABDULLAH AL-FATHANI iii
Syeikh Daud dan Ilmu Pengetahuan v
Kewafatan viii
BAB SOLAT 1
Cara Bersembahyang 7
Rupa Sembahyang 7
Kelebihan Sembahyang 9
Syarat Sah Sembahyang 12
Rukun-rukun Sembahyang 15
Amalan-amalan Sunat Dalam Sembahyang 22
Kebesaran Dan Ketinggian Sembahyang 33
Asal-Usul Sembahyang Dan Hikmah Ditentukan Waktu Dan Bilangan Rakaat 34
Perumpamaan Sembahyang 36

12 Perkara Penyempurnaan Sembahyang................................ 37
Huraian Perkara-Perkara Yang Menyempurnakan Sembahyang 38
Pelbagai Kebajikan Pada Perbuatan Sembahyang Dan Zikirnya 42
Karamah Bagi Orang Yang Bersembahyang 47
Jenis Amalan Sunat dan Kepentingannya Dalam Sembahyang 47
Disunatkan Sujud Sahwi Bagi Permasalahan Berikut............. 48
Sunat Yang Dituntut Sebelum Masuk Sembahyang 50
Perkara-Perkara Yang Makruh Dalam Sembahyang.............. 51
Doa-Doa Yang Mujarab 62
Kelebihan Sembahyang Berjemaah 66
Hari Jumaat Adalah Hari Yang Sangat Mulia Di Sisi Allah.... 70
Permasalahan Menta'khirkan Sembahyang Jumaat 70
Syarat Sah Jumaat.. 71
Hukum Mengiringi Sembahyang Zohor Selepas Sembahyang Jumaat 72
Hukum Meninggalkan Sembahyang Lima Waktu 76
Tanggungjawab Orang Yang Berkuasa.................................... 78
Hukum Bagi Orang Yang Luput Sembahyang 80
Memelihara Segala Jenis Sembahyang Sunat 81
1. Sembahyang Sunat Rawatib 81
2. Sembahyang Sunat Witir 83
3. Sembahyang Sunat Dhuha 84
4. Sembahyang Sunat Isyrak.. 85

5. Sembahyang Sunat Awwabin 86
6. Sembahyang Sunat Zawal 86
7. Sembahyang Sunat Tahiyyatul Masjid 86
8. Sembahyang Sunat Wuduk 86
9. Sembahyang Sunat Musafir 87
10. Sembahyang Sunat Qudum 87
11. Sembahyang Sunat Taubat 87
12. Sembahyang Sunat Berkahwin 87
13. Sembahyang Sunat Perhentian 88
14. Sembahyang Sunat Ihram 88
15. Sembahyang Sunat Tawaf 88
16. Sembahyang Istikharah 89
17. Sembahyang Sunat Hajat 90
18. Sembahyang Sunat Tasbih 93
19. Sembahyang Sunat Hari Raya 96
20. Sembahyang Sunat Tarawikh 99
21. Sembahyang Sunat Gerhana Matahari 99
22. Sembahyang Sunat Gerhana Bulan 100
23. Sembahyang Sunat Minta Hujan 101
24. Sembahyang Sunat Tahajjud 103
25. Sembahyang Sunat Mutlak 103
Kesempurnaan Faedah 105
Sultan/Raja Adalah Bayangan Allah Di Bumi Apabila Adil 105

BAHAGIAN KEDUA: RISALAH AL-BAHJAH
AL-MARDHIYAH 124

BAHAGIAN PERTAMA:
KITAB MUNYATUL MUSALLI

BIOGRAFI RINGKAS SYEIKH DAUD BIN ABDULLAH AL-FATHANI

Koleksi Tulisan Allahyarham: WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

Syeikh Daud bin Abdullah (1769 - 1847) ialah seorang tokoh ulama Melayu yang mengembangkan syiar Islam di Nusantara. Kedudukan Nusantara di antara jalan perdagangan tanah Arab dengan negara China merupakan peluang yang membenarkan wilayah ini menjadi satu kuasa bertaraf antarabangsa yang dipengaruhi oleh idea dan kebudayaan daripada bangsa Arab, India dan China.

Nama penuh beliau ialah al-Alim Allamah al-Arif ar-Rabbani Syeikh Wan Daud bin Syeikh Wan Abdullah bin Syeikh Wan Idris (juga dikatakan Wan Senik) al-Fatani. Ibunya bernama Wan Fathimah anak Wan Salamah bin Tok Banda Wan Su bin Tok Kaya Rakna Diraja bin Andi (Faqih) Ali Datok Maharajalela bin Mustafa Datu Jambu (Sultan Abdul Hamid Syah) bin Sultan Muzaffar Waliyullah bin Sultan Abu

Abdullah Umdatuddin.

Beliau yang lebih dikenali dengan panggilan Tok Syeikh Daud Patani ini mempunyai lima beradik iaitu Syeikh Wan Abdul Qadir, Syeikh Wan Abdul Rasyid, Syeikh Wan Idris dan seorang adik perempuan namanya Siti Khadijah bin Abdullah al-Fathani.

Syeikh Daud al-Fathani adalah keturunan Faqih Ali. Rujukan asal yang mengatakan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani berketurunan Faqih Ali diperolehi tulisan Nik Mahmud Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan iaitu: "Syahdan dan pada suatu masa bulan sedang mengambang di tepi langit, tersebutlah cerita anak raja Bugis lari daripada saudaranya menumpang sebuah bahtera sampai ke Johor dan tumpang duduk berkirim diri rumah Laksamana Kota Tinggi, dipanggil Andik Ali.

"Tatkala Laksamana memandang kepadanya berasalah kasihan belas dan dipeliharanya sebagai anak angkatnya sendiri. Tidak berapa tahun kemudian diperjodohkan dengan anaknya Wan Tija. Tidak berapa lama selepas itu Andik Ali serta dengan isterinya pun beredar ke Patani menumpang di rumah Mekong Damit Kampung Bira pada tahun 1049 H.

"Maka kerana lemah-lembut tingkah lakunya dan berpelajaran, orang di Patani memanggilnya Faqih Ali. Di situ ia beristeri kepada Ce' Dewi anak Sri Biji Diraja. Baginda sampai di Patani kira-kira tahun 1637 Masihi".

Berbalik kepada Syeikh Daud al-Fathani, beliau dilahirkan di Kampung Parit Marhum, Kerisek, Patani. Kota Kerisek ini terkenal dalam sejarah kerana di sinilah Maulana Malik Ibrahim iaitu salah seorang Wali Songo pernah tinggal dan mengajar, sebelum berpindah ke Jawa Timur.

Tahun kelahirannya tidak dapat dipastikan kerana terdapat perselisihan pendapat di kalangan penyelidik

mengenainya. Dalam catatan-catatan beberapa keluarga penulis yang ada hubungan dengan beliau, ada yang mencatat tahun 1133 H, 1153 H dan tahun 1183 H.

Syeikh Daud dan Ilmu Pengetahuan

Ayah Syeikh Daud iaitu Syeikh Wan Abdullah dan datuknya Syeikh Wan Idris adalah ulama besar untuk zamannya. Sejak kecil Syeikh Daud al-Fathani ditanam dan dididik dengan ajaran Islam oleh datuk dan ayahnya.

Tambahan pula menjadi tradisi zaman itu di Patani sentiasa diperkenalkan Islam sejak kanak-kanak lagi. Anak-anak yang berumur lima atau enam tahun dipaksa supaya menghafal pengetahuan mengenal Allah (ilmu tauhid), dan seterusnya diberi pelajaran nahwu dan sharaf juga secara menghafal.

Syeikh Daud al-Fathani telah melalui kesemua sistem pendidikan tradisional yang ada di Patani pada ketika itu.

Pada peringkat awalnya Syeikh Daud berguru dengan kaum keluarganya sendiri yang memang terkenal alim. Seorang daripada mereka ialah bapa saudaranya, Syeikh Shafiyuddin.

Ada yang berpendapat bahawa Syeikh Daud al-Fathani menerima pelajaran asasnya di Patani selama lima tahun, kemudian ke Aceh belajar dengan Syeikh Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin al-Asyi selama dua tahun. Sheikh Muhammad Zain al-Asyi adalah seorang ulama terkemuka di Kesultanan Aceh.

Namun yang dapat dipercayai bahawa Syeikh Daud al-Fathani dan kawan-kawannya telah belajar di Mekah selama 30 tahun dan lima tahun di Madinah. Disebabkan masa

belajar yang lama itu beliau digelar al-Alim Allamah al-Arif ar-Rabbani.

Setelah demikian lama beliau menuntut ilmu pengetahuan, maka beliau pulang ke Patani untuk menyebarkan ilmu pengetahuan di negeri tumpah darah sendiri. Namun timbul krisis peperangan antara Patani dengan Siam pada ketika itu.

Diriwayatkan bahawa beliau melibatkan diri dalam peperangan itu, terjun secara langsung di gelanggang jihad fi sabilillah.

Apabila terjadi peperangan tersebut, akhirnya beliau kembali ke Mekah bersama-sama beberapa pelarian politik. Sampai di Mekah, beliau dilantik menjadi Ketua Syeikh Haji dan beliau adalah orang pertama dilantik secara langsung sebagai ketua. Beliau juga melibatkan diri dengan penulisan yang merupakan hobi beliau, di samping mengajar di Masjidil Haram. Karangannya dalam dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Arab.

Karangan beliau dalam bahasa Arab tidak banyak tersebar di Asia Tenggara. Adapun dengan bahasa Melayu tersebar secara meluas, walaupun di zamannya masih merupakan kitab tulisan tangan sahaja kerana belum ada yang bercetak.

Dalam beberapa karyanya, beliau mengupas masalah-masalah keilmuan. Antara lain tulisan beliau: Maka lazimkan olehmu hai saudaraku dengan menuntut ilmu yang fardu ain yang wajib atasmu. Belajar akan dia pada syarak supaya engkau dapat sahkan iktikad kamu dan ibadat kamu. Dan supaya sejahtera daripada seksaNya. Dan supaya engkau akan dapat pahala, keredaan dan kasihNya".

Pada mukaddimah karyanya Bughyatuth Thullab, beliau menulis, ertinya: "Dan adapun kemudian daripada itu maka bahawasanya beberapa nafas yang cerdik-cerdik yang menuntut bagi beberapa martabat yang tinggi-tinggi

sentiasa perangainya itu di dalam menghasilkan beberapa ilmu syarak.

Beliau juga membuat penafsiran dalam beberapa hadis. Antaranya hadis berikut: "Sedikit Fiqhi itu lebih baik daripada banyak ibadat" yang ertinya: "Barang siapa belajar ilmu dan tiada berkehendak dengan dia akan wajah Allah s.w.t., tiada keranaNya melainkan supaya mengena dengan dia akan kehendaknya daripada dunia, tiada akan bilik syurga yang ke atas pada hari kiamat".

Beliau mengulas tentang hadis-hadis tersebut dalam Bughyatuth Thullab seperti berikut: "Maka dapat difahami hadis ini, tiada dipuji daripada kelebihan ilmu itu melainkan jikalau ada qasadnya dan tuntutnya itu berkehendak dengan dia akan wajah Allah Subhanahu wa Ta'ala dan berkehendak ia mengeluarkan dirinya daripada kelam-kabut jahilnya kepada Nur ilmu.

"Maka jika ada qasadnya akan dunia seperti harta atau kebesaran atau gelaran atau kemegahan atau masyhur atau melengkapi muka manusia kepadanya dan lainnya, maka iaitu dicela seperti barang yang tersebut pada hadis itu".

Menurut beliau lagi: "Maka tatkala adalah kelebihan ilmu demikian itu, maka sebenarnya bahawa tiap-tiap orang yang kasih bagi dirinya kebajikan, maka hendaklah ia ijtihad atas kadar kuasa pada menghasilkan dia, kadang-kadang mengaji, kadang-kadang mengajar, kadang-kadang menunjukkan orang yang jahil satu bab daripada masalah memberi manfaat pada agama istimewa pula jikalau lebih lagi".

Daripada kalimat-kalimat beliau itu, dapatlah kita fahami bahawa seseorang Islam yang bertanggungjawab adalah terlebih dahulu memberikan pendidikan agama Islam kepada anak-anaknya. Ini adalah merupakan kewajipan agama Islam.

Adapun pendapat Syeikh Daud al-Fathani, bahkan ulama-ulama di zaman lampau lebih terikat dan menitikberatkan pendidikan Islam berbanding pendidikan lainnya. Menurut Islam, yang utama dipelajari ialah belajar akan memberi faham dua kalimah syahadat, wajib taharah (bersuci), solat, puasa, hukum zakat, hukum berjual-beli menurut Islam dan lain-lainnya, semuanya telah diatur dalam fikah Islam.

Syeikh Daud al-Fathani dalam Bughyatuth Thullab berkata: "Selagi seseorang masih tidak mengerti akan seluk-belok tentang keIslaman, maka seseorang itu tetap masih jahil, walau pengetahuan lain masih dikuasai demikian rupa."

Kewafatan

Syeikh Daud al-Fathani wafat dan dimakamkan di Taif. Kuburnya bersampingan dengan kubur Saiyidina Abdullah bin Abbas iaitu sepupu Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam. Tahun kewafatannya juga belum diketahui dengan pasti. Tetapi ada yang berpendapat beliau wafat sekitar tahun 1847 Masihi, juga ada yang menyebut tahun 1265 Hijrah.

Menurut cerita ibu penulis Hajah Wan Zainab binti Syeikh Ahmad al-Fathani, beliau mendengar daripada ibunya, Hajah Wan Siti Saudah binti Abdullah bahawa jenazah beliau telah dipindahkan oleh Syeikh Nik Mat Kecik al-Fathani ke Mekah, ditanam di bawah pohon Bidara di rumahnya.

Hal ini disebabkan pada zaman itu pihak Wahabi akan membongkar semua kubur yang dikeramatkan termasuk kubur Syeikh Daud al-Fathani.

Bagi penulis, walaupun beliau telah lama meninggal dunia, namun jenazahnya tidak hancur, darah masih berjalan kecuali nafas sahaja yang tiada.

BAB SOLAT

Ku mulai risalah ini dengan nama Allah yang amat murah lagi amat mengasihani akan hambaNya yang mukmin di dalam negeri Akhirat.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ * الَّذِي جَعَلَ الصَّلاَةَ طَرِيْقَةَ الْمُتَّقِيْنَ

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam, Tuhan yang menjadikan sembahyang yakni sembahyang yang lima waktu. Ini jalan segala orang yang muttaqin.

وَجَعَلَ فِيْهَا قُرَّةَ عَيْنِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِيْنَ * وَرُكْنًا مِنْ أَرْكَانِ الدِّيْنِ

Dan Tuhan yang menjadikan di dalam sembahyang itu sejuk mata hati penghulu segala mursalin yakni dijadikan sejuk mata hati Nabi dengan musyahadah akan Tuhannya di dalam sembahyangnya dan menjadikan sembahyang itu satu rukun daripada rukun agama.

وَجَعَلَ فِيْهَا جَنَّةَ الْعَاجِلَةِ لِلْمُحِبِّيْنَ * وَمَعْدِنَ أَسْرَارِ الْعَاشِقِيْنَ

Dan menjadikan padanya dapat lazat manis khidmat di dalam sembahyang yang menempati syurga yang disegerakan di dalam

dunia bagi segala hambaNya yang muhibbin. Dan tempat galian segala rahsia daripada bagi tajalla Allah bagi orang yang 'asyiqin yakni rindu mereka itu akan mahbubnya.

وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ رَسُوْلِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَشَفِيْعِ الْمُذْنِبِيْنَ.

Dan rahmat Allah dan salamNya atas penghulu kita Nabi Muhammad pesuruh Tuhan sekalian alam dan yang memberi syafaat ia akan segala orang yang berdosa pada hari kiamat.

وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَعِتْرَتِهِ الطَّاهِرِيْنَ * صَلاَةً وَسَلاَمًا دَائِمَيْنِ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ

Dan atas segala keluarganya dan segala sahabatnya dan segala ikutannya daripada anak buahnya yang suci mereka itu akan rahmat dan salamnya yang berkekalan keduanya hingga hari kiamat.

وَبَعْدُ فَاعْلَمُوْا يَا مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِيْنَ وَفَّقَنَا اللهُ وَإِيَّاكُمْ وَأَلْهَمَنَا رُشْدَنَا وَأَعَاذَنَا مِنْ شَرِّ أَنْفُسِنَا.

Dan adapun kemudian dari itu, maka ketahui oleh kamu hai segala orang yang muslimin! Telah memberi faham akan kami dan akan kamu Allah Subhanahu wa Ta'ala dan mengilhamkan kami dan kamu cerdik dan dilindungkan daripada kejahatan diri kita.

إِنَّ الصَّلاَةَ عِمَادُ الدِّيْنِ وَأَجَلُّ مَبَانِي الإِسْلاَمِ الْخَمْسِ بَعْدَ الشَّهَادَتَيْنِ.

Bahawasanya sembahyang lima waktu itu tiang agama dan yang terlebih besar kejadian rukun Islam yang lima perkara kemudian daripada mengucap dua kalimah syahadah.

وَمَحَلُّهَا مِنَ الدِّيْنِ مَحَلُّ الرَّأْسِ مِنَ الْجَسَدِ فَكَمَا أَنَّهُ لاَحَيَاةَ لِمَنْ لاَ رَأْسَ لَهُ فَكَذَلِكَ لاَ دِيْنَ لِمَنْ لاَ صَلاَةَ لَهُ، كَذَلِكَ وَرَدَ فِي الأَخْبَارِ.

Dan tempatnya daripada agama seperti tempat kepala daripada tubuh, maka seperti bahawasanya tiada hidup bagi orang yang tiada kepala baginya, maka demikianlah tiada agama bagi orang yang tiada sembahyang baginya. Demikianlah telah datang pada beberapa hadith Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam.

جَعَلَنَا اللهُ وَإِيَّاكُمْ مِنَ الْمُحَافِظِيْنَ عَلَى الصَّلاَةِ الْمُقِيْمِيْنَ لَهَا الْخَاشِعِيْنَ فِيْهَا الدَّائِمِيْنَ عَلَيْهَا فَبِذَلِكَ أَمَرَ اللهُ عِبَادَهُ الْمُؤْمِنِيْنَ فِي كِتَابِهِ وَبِهِ وَصَفَهُمْ فَقَالَ: حَٰفِظُواْ عَلَى ٱلصَّلَوَٰتِ وَٱلصَّلَوٰةِ ٱلْوُسْطَىٰ وَقُومُواْ لِلَّهِ قَٰنِتِينَ ﴿٢٣٨﴾

Telah menjadikan kami Allah Subhanahu wa Ta'ala dan akan kamu daripada orang yang memeliharakan atas sembahyang yang lima waktu dan orang yang mukim bagi sembahyang yakni mendirikan dan memeliharakan dia, lagi orang yang khusyuk padanya yakni tetap hatinya dan anggotanya di dalam sembahyang, lagi yang mengekalkan atas sembahyang yakni tiap-tiap sudah sembahyang, mencita ia hendak mengerjakan sembahyang yang keduanya, demikianlah selama-lamanya. Maka dengan demikian itulah menyuruh Allah Subhanahu wa Ta'ala akan segala hambaNya yang mukmin di dalam kitabNya dan dengan dia memperikan sifat mereka itu, maka

firmanNya: Peliharakan oleh kamu, hai orang yang mukminin atas sembahyang yang lima waktu dan peliharakan sembahyang Wustha dan berdiri kamu bagi Allah Subhanahu wa Ta'ala mengerjakan kamu akan taat.

Maka dikehendak dengan صلوات itu iaitu sembahyang fardhu yang lima waktu iaitu Zohor dan Asar dan Maghrib dan Isyak dan Subuh. Maka demikian itu ialah sembahyang yang tiada diloloskan akan seorang daripada orang Islam meninggalkan satu daripadanya pada satu kelakuan daripada segala kelakuannya, selama ada ia berakal dan jikalau sampailah lemahnya barang yang sampai dan sakitnya kepada sangka-sangka sampainya sekalipun, tiada diuzurkan meninggalkan dia.

Dan dikehendak dengan Solat al-Wustha iaitu sembahyang Asar. Dan adapun sebab ditentukan dengan menyebut akan dia kerana kelebihannya dan mulianya atas yang lainnya. Dan adalah sebab diturunkan ayat ini kerana memudahkan sembahyang tatkala takut. Bahawasanya adalah orang Islam serta Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam pada setengah daripada peperangan, sembahyang Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam sembahyang Zohor atas jalan adatnya dan adalah musyrikun hampir dengan mereka itu melihat ia akan muslimin. Maka tatkala selesai mereka itu daripada sembahyang, kata setengah daripada musyirikin: "Jikalau kamu kerempak (menyerang serentak) atas mereka itu padahal mereka itu di dalam sembahyang mereka itu, nescaya mengena kamu akan mereka itu." Maka berkata setengah yang lainnya bahawasanya bagi mereka itu kemudian daripada sembahyang ini terlebih kasih kepada mereka itu daripada bapa-bapa mereka itu dan daripada anak-anaknya yakni dikehendakinya mereka itu sembahyang Asar, maka turun Jibril 'alaihissalam atas Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam

dengan sembahyang kaifiat شِدَّةُ الْخَوْفِ . Maka tilik olehmu betapa kelebihan sembahyang Asar dan nyatanya hingga mengetahui segala musyrikin kelebihannya.

Dan lagi firman Allah Ta'ala:

۞ مُنِيبِينَ إِلَيْهِ وَٱتَّقُوهُ وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَلَا تَكُونُوا۟ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿٣١﴾

Kembali kamu hai segala mukminin kepada Allah dan takut akan Dia dan dirikan oleh kamu akan sembahyang dan jangan ada kamu daripada orang yang musyrikin. (Surah al-Rum: Ayat 31)

Maka makna: أَنَابَهُ itu "kembali kamu kepada Allah". Dan تَقْوَاهُ itu "takut akan Allah". Dan erti: إِقَامَةُ الصَّلَاةِ iaitu mendatang dengan dia atas wajah yang disuruh Allah Ta'ala.

Dan lagi firmanNya:

قَدْ أَفْلَحَ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ ٱلَّذِينَ هُمْ فِى صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ ﴿٢﴾

Hingga الخ (hingga akhir) firmanNya:

وَٱلَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَٰتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Bahawasanya telah dapat kemenangan segala orang yang mukminun iaitu orang ada mereka itu di dalam sembahyang mereka itu khusyuk yakni tetap anggotanya tatkala sembahyang, (Surah al-Mukminun: Ayat 1-2) hingga akhir firmanNya: Dan segala yang adalah atas sembahyang mereka itu memeliharakan dia. (Surah al-Mukminun: Ayat 9)

Dan lagi firmanNya:

إِلَّا ٱلْمُصَلِّينَ ﴿٢٢﴾ ٱلَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ دَآئِمُونَ ﴿٢٣﴾

Melainkan orang yang sembahyang yang atas mereka itu yang berkekalan memeliharakan dia. (Surah al-Ma'arij: Ayat 22-23)

Maka diistisna' yakni dikeluarkan mereka itu daripada bagai manusia yang dijadikan perangai mereka itu terkejut dan keluh-kesah tatkala mengenakan mereka itu kejahatan dan apabila mengena mereka itu kebajikan, ditegahkan kebajikannya daripada mengerjakan kebaikan, maka seperti bahawasa Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman bahawasanya orang yang sembahyang atas sebenarnya tiada mereka itu daripada yang keluh-kesah dan terkejut apabila menyentuhkan mereka itu kejahatan dan tiada memegang kebajikan apabila datang kebajikan baginya, tetapi ia menafkahkan atas keredhaan Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Dan lagi pula kerana bahawasanya sembahyang yang sebenarnya itu menegahkan daripada fahsya' dan mungkar seperti firman Allah Ta'ala:

وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ ۖ إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ تَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ ۗ وَلَذِكْرُ ٱللَّهِ أَكْبَرُ ۗ ..... ﴿٤٥﴾

Dan dirikan olehmu akan sembahyang bahawasanya sembahyang itu menegahkan daripada kejahatan dan pekerjaan yang mungkar dan sungguhnya zikrullah itu terlebih besar. (Surah al-Ankabut: Ayat 45)

Maka orang yang mendirikan bagi sembahyang seperti yang disuruh Allah Ta'ala dan RasulNya menegahkan dia sembahyangnya daripada mengerjakan yang demikian itu dan daripada segala pekerjaan yang jahat-jahat.

Cara Bersembahyang

Dan sabda Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam:

صَلُّوْا كَمَا رَأَيْتُمُوْنِي أُصَلِّي.

Sembahyang kamu seperti barang yang kamu lihat akan daku sembahyang.

Maka hendaklah kita mengikut akan yang dikerjakan Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam atas jalan yang kita ambil daripada ulama umat ini yang dahulu dan yang kemudian seperti yang disebut di dalam kutub (kitab) mereka itu Radhiyallahu ‘anhum ialah yang dinamakan dan yang dibilangkan daripada orang yang mendirikan sembahyang dan memeliharakan dia.

Rupa Sembahyang

Kemudian maka adalah bagi sembahyang itu adalah baginya rupa yang zahir yang sempurna, maka iaitu:

- Syarat seperti rohnya.
- Maka rukunnya seperti kepalanya dan badannya.
- Dan sunat ab’ad itu seperti anggotanya.
- Dan sunat hai’ah itu seperti segala bulu perhiasannya.

D̂an ada baginya rupa hakikat yang batin dan tiada sempurna bagi sembahyang dan tiada tamamnya (sempurnanya) melainkan dengan mendirikan ia dengan keduanya sekali.

Maka adapun rupanya yang zahir itu, maka iaitu seperti berdiri dan takbir dan membaca fatihah dan rukuk dan iktidal dan dua sujud dan duduk antara keduanya dan duduk

tasyahhud dan tahiyyat dan salam. Inilah daripada segala rukun yang zahir dan sunatnya dan syaratnya.

Adapun hakikat yang batin, maka seumpama khusyuk dan hadir hati dan sempurna ikhlas dan تَذَلُّلاً (merendah diri) dan تَفَهُّمْ (memahami) bagi ma'ani qira'ah (makna bacaan) dan tasbih dan lainnya daripada segala wazifah sembahyang yang batinah, maka zahir sembahyang bahagian badan dan anggotanya dan batin sembahyang bahagian hati dan sir (rahsia). Dan demikian itu tempat tilik hak Allah Subhanahu wa Ta'ala daripada hambaNya iaitu hati dan sir.

Kata Imam al-Ghazzali Rahimahullahu Ta'ala: Umpama orang yang mendirikan rupa sembahyang yang zahirnya jua dan lalai ia daripada hakikatnya yang batin seperti umpama seorang menghadiahkan bagi raja yang amat besar darjatnya akan seorang dayang yang mati tiada roh baginya dan seumpama orang yang mentaqsirkan (mengurangkan) pada mendirikan zahir sembahyang seumpama ia menghadiahkan kepada raja akan seorang dayang yang terpotong anggotanya dan ketiadaan dua matanya, maka adalah ia orang yang menghadiahkan ini dan yang dahulunya melentangkan keduanya itu akan diri keduanya. Bagi raja itu seksa dan murkanya dan marahnya kerana keduanya itu menghinakan bagi hormat kerajaannya dan meringankan oleh keduanya dengan hak kerajaannya.

Kemudian katanya: Maka tilik olehmu akan diri kamu yang kamu hadiahkan sembahyang kamu kepada Tuhan kamu, jangan ada seperti itu. Dan takut olehmu kemudian, maka takut bahawa engkau menghadiahkan dengan sifat ini, maka mewajibkan kamu seksa.

Maka hendaklah engkau ketahui akan kadar sebesar-besar nikmat Allah Ta'ala menghadiahkan dan menganugerahkan Tuhanmu akan segala hambaNya sembahyang lima waktu ini

seperti barang yang disebut pada hadith Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bahawasanya bersabda ia:

مَا أُوْتِيَ عَبْدٌ فِى الدُّنْيَا خَيْرًا مِنْ أَنْ يُؤْذَنَ لَهُ فِي رَكْعَتَيْنِ يُصَلِّيْهِمَا.

Tiada diberi akan seorang hamba di dalam dunia yang terlebih kebajikan daripada diizinkan baginya pada mengerjakan dua rakaat yang disembahyangkan akan keduanya.

فَفِيْهَا يَحْصُلُ لَهُ الْخَلْوَةُ مَعَهُ وَالاِنْفِرَادُ بِهِ وَالْمُجَالَسَةُ لَهُ وَالاِنْقِطَاعُ إِلَيْهِ، وَفِيْهَا تُرْفَعُ عَنْ قُلُوْبِهِمُ الْحُجُبُ وَالأَسْتَارُ وَتُجْلَى فِيْهَا حَقَائِقُ الأَسْرَارِ وَتَشْرُقُ فِيْهَا الأَنْوَارُ، وَفِيْهَا تَكُوْنُ الْمُنَاجَاةُ وَالْمُصَافَاةُ وَهِىَ صِلَةٌ بَيْنَ الْعَبْدِ وَبَيْنَ رَبِّهِ عَزَّ وَجَلَّ.

Maka padanya itu hasillah baginya berkhalwat ia sertaNya dan dapat asing ia dengan Dia dan dapat sekedudukan baginya dan memutuskan dirinya kepadaNya. Dan dapat padanya itu mengangkatkan daripada hati mereka itu akan dinding dan tabir yang antaranya dan antara Tuhannya dan nyatalah padanya itu segala haqa'iq (hakikat) dan asrar (rahsia) dan teranglah padanya cemerlang segala cahaya dan adalah padanya munajat hamba dengan Tuhannya dan jernih hatinya dan sirnya dan ialah perhubungan antara hambaNya dan Tuhannya Azza wa Jalla.

Kelebihan Sembahyang

Kata Muhammad Ibnu Ali Tirmidzi Radhiyallahu ‘anhu: Bermula sembahyang itu عِمَادُ الدِّيْنِ (tiang agama) dan ialah yang pertama yang difardukan dia Allah Ta'ala atas segala

muslimin itu sembahyang.

Bermula sembahyang itu berhadap Allah Ta'ala atas segala hambaNya supaya berhadap segala hamba itu kepadaNya di dalam rupa kehambaan dengan keadaan (تَذَلُّلاً) yakni merendahkan dirinya dan (تَسْلِيْمًا) yakni menyerahkan dirinya bagi Tuhannya dan (تَبَذُّلاً) yakni hina dan (تَخَضُّعًا) yakni dengan khudhu' dan (تَخَشُّعًا) yakni dengan khusyuk dan (تَرَغُّبًا) yakni gemar dan suka dan (تَمَلُّقًا) yakni dengan rindu dendam.

- Maka وُقُوْفٌ itu yakni berdiri itu rupa تَذَلُّلاً)merendahkan diri).
- Dan takbir itu rupa تَسْلِيْمٌ (menyerah diri).
- Dan ثَنَاءٌ (pujian) dan تِلاَوَةٌ (bacaan) itu rupa تَبَذُّلاً (menghina diri).
- Dan rukuk itu rupa تَخَضُّعٌ (khuduk).
- Dan sujud itu rupa تَخَشُّعٌ (khusyuk).
- Dan جُلُوْسٌ (duduk) itu rupa تَرَغُّبٌ (gemar).
- Dan tasyahhud itu rupa تَمَلُّقٌ (rindu dendam).

Maka berhadap segala hamba kepada Allah Ta'ala dengan ini sekaliannya supaya berhadap Allah Subhanahu wa Ta'ala atas mereka itu dengan تَرَاحَمَ yakni dengan kasihanNya dan lemah-lembutNya dan berhadapNya dan diterimaNya dan hampirkan kepadaNya, maka tiada suatu daripada pekerjaan agama yang terlebih besar daripada ini.

Dan sabda Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam: Bermula sembahyang itu nur.

Dan lagi sabdanya: Sentiasa Allah berhadap atas hamba dengan mukaNya selama berkekalan ia di dalam sembah-yangnya dan bahawasanya Allah Subhanahu wa Ta'ala mendirikan mukaNya kepada seorang kamu selama ada berkekalan berhadap ia atasNya.

Dan kerana inilah adalah sembahyang sangat banyak faedahnya lagi ia membukakan bagi hati bagi orang yang kepapaan dan yang mempunyai dharuri daripada Ahli al-Qulub, maka muliakan mereka itu tatkala mendirikan sembahyang, maka hilanglah pada hatinya daripada tiap-tiap yang digemarnya dan yang disukanya dan hilanglah daripada hatinya daripada ingat akan segala yang dikasihnya yang lain daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Dan kerana inilah firman Allah Ta'ala:

وَأۡمُرۡ أَهۡلَكَ بِٱلصَّلَوٰةِ وَٱصۡطَبِرۡ عَلَيۡهَاۖ لَا نَسۡـَٔلُكَ رِزۡقٗاۖ نَّحۡنُ نَرۡزُقُكَۗ .....

Suruh olehmu akan ahli kamu dengan mendirikan sembahyang dan sabar ia atasnya, tiada Kami pinta akan kamu rezeki, Kami yang memberi rezeki akan kamu. (Surah Thaha: Ayat 132)

Maka sebenarlah bahawa adalah ia (sembahyang) tempat sejuk mata hati hamba Allah yang 'arifin. Dan dengan dia (sembahyang) tetap mata hatinya iaitu ibarat daripada suka dan kesenangan dan sempurna nikmat dan lazat yang hasil padanya sehingga muafakat dan berjinak-jinak dengan dirinya, tetapi bersalah-salahan ia sebab bersalah-salahan dengan martabat kelakuan dan maqam mereka itu dengan sekira-kira makrifatnya.

Riwayat daripada Hasan Radhiyallahu 'anhu bahawasanya Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Umpama sembahyang lima waktu itu seumpama sungai yang deras pada pintu seorang kamu, lagi banyak airnya memandi ia padanya tiap-tiap hari lima kali, maka apa yang tinggal atasnya daripada karatnya yakni bahawasanya sembahyang lima waktu itu menyucikan daripada segala dosanya tiada

tinggal satu dosa melainkan diampun akan dia melainkan dosa yang besar-besar, maka berkehendak ia kepada taubat.

Dan riwayat daripada ‘Ubadah Ibnu ash-Shamit, sabda Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam: Lima sembahyang ini difardu Allah akan segala hamba, maka barangsiapa mendatangkan dengan dia sempurna dan tiada dikurangkan haknya yang mengurangkan dia, adalah baginya pada Allah janjiannya bahawa memasukkan dia ke dalam syurga dan barangsiapa meninggalkan dia dan meringankan dia dengan haknya, tiada ada baginya pada Allah Ta’ala itu janjian, jika dikehendak dikasihankan dia, dan jika dikehendak diseksanya.

Dan lagi sabda Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam: Bahawa seorang lelaki sungguhnya ia sembahyang dan kesalahannya dihantarkan di atas kepalanya, maka tiap-tiap sujud, gugur kesalahannya hingga habis dan gugur segala kesalahannya.

Syarat Sah Sembahyang

Ketahui oleh kamu hai orang yang berkehendak kemenangan setengah daripada orang yang muhafiz yakni memeliharakan bagi sembahyang dan mendirikan dia, hendaklah ia memeliharakan segala syaratnya. Maka adalah syarat sembahyang itu sembilan perkara:

Pertama: Mengetahui bagi masuk waktunya dengan yakin atau dengan zhan.

Maka tiada sah orang yang sembahyang yang tiada mengetahui akan masuk waktunya dan tiada dizhannya dan jika jatuh di dalam waktunya sekalipun.

Dan kedua: Berhadap ia akan kiblat yakni akan Kaabah jikalau dengan ijtihadnya sekalipun.

Dan ketiga: Menutup aurat antara pusat dan lutut jika lelaki dan sahaya perempuan dan sekalian tubuhnya jika perempuan dan khunsa yang merdeka yang lain daripada mukanya dan dua tapak tangannya dengan suatu yang menutup dan menegah daripada dilihat warna kulitnya pada pihak atasnya dan kelilingnya, tiada pihak bawahnya dan jikalau dengan dilumur lumpur sekalipun.

Dan keempat: Mengetahui ia akan kaifiat (cara) sembahyang seperti bahawa diketahui akan fardunya dan dibezakan dia daripada sunatnya, bahkan jika ia iktikadkan sekaliannya itu fardu atau setengahnya fardu dan setengahnya sunat dan tiada dibezakan, padahal ia orang awam dan tiada diqasadkan sunat yang fardunya, sahlah sembahyangnya.

Dan Kelima: Suci ia daripada hadas besar dan hadas kecil, maka jika kedatangan hadas di tengah sembahyang, batallah sembahyangnya.

Dan keenam: Suci ia daripada najis yang tiada dimaafkan dia pada tubuhnya dan kainnya dan tempatnya dan janganlah bersentuh sesuatu suku daripada badannya dengan najis pada geraknya dan diamnya, maka tiada sah sembahyang serta suatu daripadanya atau ia menanggung sesuatu yang berhubung dengan najis seperti ia menanggung akan tali yang terikat pada umpama anjing dan lainnya dan tiada mengapa jika berbetulan dengan dia pada ketika bangun dan duduknya dengan ketiadaan bersentuh.

Dan dimaafkan tempat istinja' dengan umpama batu dan sedikit darah dan tahi lalat dan tanah jalan raya yang najis dan darah tuma dan kutu anjing dan darah bisul dan nanah dan danur dan air kuman yang ada baginya baunya. Dan jikalau sembahyang ia dengan najis yang tiada dimaafkan daripadanya dengan tiada mengetahui akan dia atau dengan lupa kemudian teringat, nescaya wajib mengulangi akan dia.

Dan Ketujuh: Meninggalkan berkata-kata dengan sengaja yang bukan Quran atau zikir atau doa. Maka batal sembahyangnya dengan berkata-kata dua huruf sama ada memberi faham perkataannya atau tiada atau dengan satu huruf yang memberi faham seperti (قِ) atau (عِ) kerana makna (قِ) itu daripada وِقَايَةٌ (berjaga-jagalah) dan (عِ) itu daripada وِعَايَةٌ (peliharalah) atau satu huruf yang bermad kerana mad itu ada kalanya alif atau wau atau ya', maka jadi dua huruf, maka batal sembahyangnya dengan yang demikian itu.

Dan kedelapan: Meninggalkan melebihkan rukun فِعْلِي (perbuatan) dengan sengajanya. Maka jika ia sujud tiga kali atau rukuk dua kali seperti ia sujud di atas umpama suatu yang tajam, maka diangkatkan dahinya, maka ia sujud pula, nescaya menambahi sujud jikalau sedikit diangkatkan kepalanya sekalipun, maka dinamakan menambahi rukun فِعْلِي, maka batal sembahyangnya dengan dia.

Dan demikian lagi wajib meninggalkan perbuatan yang bukan daripada jenis sembahyang seperti memukul tiga kali pukul atau melangkah tiga langkah yang berturut-turut atau lainnya daripadanya atau satu langkah yang keji seperti melompat ia, maka batal sembahyang dengan dia.

Tetapi dimaafkan perbuatan yang sedikit jikalau banyak sekalipun seperti menggerakkan anak jarinya membilang tasbih atau menggaru-garu anak jarinya dengan tiada bergerak tapak tangannya, tiada batal sembahyangnya dengan dia.

Dan kesembilan: Jangan mengerjakan sesuatu yang membatalkan puasanya di dalam sembahyang seperti makan dan minum dan memasukkan suatu di dalam rongga yang terbuka seperti memasukkan suatu ke dalam hidungnya dan telinganya sampai kepada batin keduanya dan jikalau dengan digagahkan dia atas perbuatan yang demikian itu sekalipun kerana nadir (jarang) yang demikian itu. Dan dua gerak

atau dua langkah sedikit namanya pada 'uruf, tiada batal sembahyang dengan dia.

Inilah sembilan syarat, maka wajib kita peliharakan dia supaya sah sembahyangnya. Dan jikalau ditinggal satu syarat daripadanya, tiada sah sembahyangnya.

Rukun-rukun Sembahyang

Dan demikian lagi setengah daripada orang yang memeliharakan sembahyang dan mendirikan seperti yang disuruh Allah dan RasulNya, hendaklah ia mengetahui dan mengerjakan daripada segala rukunnya. Maka erti rukun sembahyang itu ibarat daripada sukun (diam) yang ia kejadiannya yang masuk di dalam مَاهِيَةٌnya (diri sembahyang) dan tiada dapat dijabarkan (ditampalkan) dengan sujud sahwi dan segala sunatnya. Maka barang yang dijabarkan dengan sujud daripadanya sunat ab'ad dan barang yang tiada dijabarkan dengan sujud sahwi dinamakan hai'ah. Maka rukunnya itu **tiga belas perkara:**

Pertamanya: Niat.

Maka erti niat itu:

قَصْدُ شَيْءٍ مُقْتَرِنًا بِفِعْلِهِ.

Iaitu menyahaja ia akan suatu hal keadaannya disertakan dengan awal perbuatannya.

Maka tempatnya itu pada hati. Maka jika adalah sembahyang itu fardu yang lain daripada Jumaat dan qasar, hendaklah ia mengqasad dengan hatinya hendak mengerjakan sembahyang dan diتَعَرُّضٌkan fardunya dan diتَعَيُّنٌkan waktunya. Maka yang tiga itu dinamakan قَصْدٌ dan تَعَرُّضٌ dan تَعَيُّنٌ dinamakan niat. Maka hendaklah ia hadirkan yang tiga ini pada takbiratul ihram.

Maka jika ada sembahyang itu Jumaat, ditambahi imam jika imam atau makmum kerana sembahyang Jumaat itu disyaratkan berjemaah daripada awal sembahyangnya.

Dan jika sembahyang qasar bagi orang yang musafir, maka ditambahi qasar pula kerana disyaratkan niat qasarnya itu di dalam takbiratul ihram.

Dan jika ada sembahyangnya itu sunat yang mempunyai waktu atau yang mempunyai sebab, maka disyaratkan adalah niatnya itu dua perkara: **pertama:** Qasad. Dan **keduanya:** Ta'yin, seperti sunat Subuh dan sunat dua hari raya dan sunat gerhana seperti dihadirkan: "Aku sembahyang gerhana matahari atau gerhana bulan" atau "Aku sembahyang hari raya Adha atau fitrah".

Dan jika ada sembahyangnya itu sunat mutlak iaitu yang tiada mempunyai waktu dan sebab, maka memadalah niat itu satu perkara jua iaitu qasad hendak mengerjakan sembahyang. Dan sunat melafazkan niat dengan lidahnya dahulu daripada takbir dan menyebutkan bilang-bilang rakaatnya dan menyebutkan أَدَاءً atau قَضَاءً dan mengidhafatkan (menyandarkan) bagi Allah seperti katanya:

أُصَلِّي فَرْضَ الظُّهْرِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ أَدَاءً لِلّٰهِ تَعَالَى.

Sahaja aku sembahyang fardu Zohor empat rakaat tunai kerana Allah Ta'ala.

Atau ثَلاَثَ رَكَعَاتٍ pada Maghrib,

أُصَلِّي فَرْضَ الْمَغْرِبِ ثَلاَثَ رَكَعَاتٍ أَدَاءً لِلّٰهِ تَعَالَى.

Sahaja aku sembahyang fardu Maghrib tiga rakaat tunai kerana Allah Ta'ala.

Atau رَكْعَتَيْنِ pada Subuh.

أُصَلِّي فَرْضَ الصُّبْحِ رَكْعَتَيْنِ أَدَاءً لِلّٰهِ تَعَالَى.

Sahaja aku sembahyang fardu Subuh dua rakaat tunai kerana Allah Ta'ala.

Keduanya: Takbiratul ihram.

Maka sebab dinamakan takbiratul ihram kerana diharamkan bagi orang yang halal baginya dahulu daripada takbir daripada segala yang membinasakan sembahyang dan tertentulah lafaz takbir atas orang yang kuasa bertutur dengan dia lafaz الله أَكْبَرُ dengan dimulai dengan الله daripada أَكْبَرُnya.

Dan wajib disertakan niat itu yakni قَصْدٌ dan تَعَرُّضٌ dan تَعَيُّنٌ pada sembahyang fardu atau قَصْدٌ dan تَعَيُّنٌ pada sembahyang sunat yang mempunyai waktu dan sebab atau قَصْدٌ hendak sembahyang jua jika sunat mutlak dengan awal takbirnya iaitu alif pada الله dan dikekalkan dia hingga ra' pada أَكْبَرُ, maka adalah مُقَارَنَةٌ itu tiga namanya:

Pertama: مُقَارَنَةٌ كَمَالِيَّةٌ iaitu menghadir yang tersebut itu daripada قَصْدٌ dan تَعَرُّضٌ dan تَعَيُّنٌ pada fardu. Dihadir pada hatinya ketiganya pada alif الله, maka dikekalkan dia hingga ra' pada أَكْبَرُ.

Keduanya: مُقَارَنَةٌ عُرْفِيَّةٌ iaitu menghadirkan niat yang tersebut di dalam takbirnya. Jikalau hadir niat itu pada satu suku daripada takbir sama ada pada الله atau pada أَكْبَرُ atau dikatakan menghadir pada satu suku daripada takbir itu memadalah atau membuangkan ijtihadnya sekira-kira jangan lupa dan lalai daripada mengingatkan niat tatkala mengata الله أَكْبَرُ, itupun dinamakan مُقَارَنَةٌ عُرْفِيَّةٌ jua, sahlah sembahyangnya pada orang yang awam yang banyak.

Ini kata Syeikh Bujairimi: Bermula مُقَارَنَةٌ عُرْفِيَّةٌ bahawa disertakan yang diاسْتِحْضَارٌkan (menghadirkan) yang wajib dengan suatu suku daripada takbir dan yang wajib اسْتِحْضَارٌ

itu iaitu قَصْدٌnya dan تَعَرُّضٌ dan تَعَيُّنٌ pada suatu suku daripada suku takbir seperti barang yang ditakrirkan Syeikh kami al-Hifni daripada Syeikh al-Khulaifi daripada Syeikh Manshur daripada Syeikh Syubari daripada Syeikh Ramli itu.

Ketiganya: مُقَارَنَةٌ تَوْزِيْعِيَّةٌ iaitu mensuku-suku akan suku niat pada suku takbir iaitu dimuqaranahkan (disertakan) قَصْدٌ pada اللَّ dan تَعَرُّضٌ pada é dan تَعَيُّنٌ pada أَكْبَرُ, maka dinamakan تَوْزِيْعِيَّةٌ kerana ia menghampirkan suku niat pada suku takbir, maka adalah muqaranah ini tiada memadai pada niat dengan muafakat ulama padanya, bersalahan yang dua surah (gambaran) dahulu, maka yang pertama itu dengan ittifaq bagi orang yang kuasa dan jika membawakan was-was, maka hendaklah diamalkan مُقَارَنَةٌ عُرْفِيَّةٌ yang muktamad oleh Imam Nawawi dan Imam Ghazzali dan yang lain daripada keduanya. Dan jika lemah ia daripada takbir dengan bahasa arab, hendaklah diterjemahkan dengan bahasa dirinya dan wajib ia berlajar jika ia dapat.

Dan **ketiganya** daripada rukun sembahyang: Qiam yakni berdiri pada sembahyang fardu dan disyaratkan dia dengan dibetulkan tulang belakang dan jikalau dengan bersandar sekalipun, maka jika berdiri cenderung sekira-kira tiada dinamakan berdiri, tiada sah sembahyangnya. Dan jika lemah ia daripada berdiri sekira-kira masyaqqah yang menghilangkan khusyuknya, sah ia sembahyang serta duduk. Dan jika lemah daripada duduk, maka hendaklah ia berguling di atas lambung kanan itu afdhal daripada lambung kiri. Dan jika lemah ia, maka sembahyang dengan melentang di atas belakangnya, maka mengisyarat dengan kepalanya. Dan jika lemah ia dengan yang demikian itu, maka dengan kelopak matanya dan jika lemah ia, maka dengan melakukan rupa sembahyang dengan hatinya, maka tiada gugur sembahyang selama ada akalnya.

Dan **keempatnya:** Membaca fatihah pada tiap-tiap rakaat melainkan rakaat orang yang masbuq. Dan itu satu ayat daripadanya, dan wajib memeliharakan segala hurufnya dan tasydidnya dan tertibnya dan muwalat antara kalimahnya.

Dan **kelimanya:** Rukuk dan sekurangnya tunduk sekira-kira sampai dua tangannya akan dua lututnya dengan tuma'ninah yang menceraikan antara angkatnya dan tunduknya, jangan diqasad yang lain daripada rukuk dan yang akmalnya (sempurnanya) disamakan belakangnya dan tengkuknya dan mendirikan dua lututnya dan dipegangkan keduanya dengan dua tapak tangannya dan menceraikan segala anak jari ke kiblat.

Dan **keenamnya:** Iktidal, jikalau sembahyang sunat sekalipun iaitu kembali ia kepada qiam seperti dahulunya dengan tuma'ninah.

Dan **ketujuhnya:** Sujud dua kali pada tiap-tiap rakaat dengan tuma'ninahnya dan jikalau ia sujud atas suatu yang ia tanggung yang tiada bergerak dengan geraknya sekalipun dan sekurangnya mengenakan suku daripada dahinya dan suku daripada dua lututnya dan dua tapak tangannya atau anak jarinya yang batinnya dan perut anak jarinya atau jari dua kakinya kepada tempat sujud dan wajib menekankan dahinya kepada tempat sujudnya dan meninggikan punggungnya daripada kepalanya dan yang akmalnya bahawa takbir bagi tunduk sujud dengan tiada mengangkatkan dua tangannya kemudian dihantarkan dua lututnya, kemudian dua tapak tangannya menghunjur segala jarinya ke kiblat kemudian menghantarkan dahinya dan hidungnya padahal terbuka keduanya dan menceraikan dua kakinya kadar sejengkal dan merenggangkan dua lengannya daripada dua lambungnya dan mengangkatkan perutnya daripada dua pahanya pada lelaki dan menghimpunkan keduanya pada yang lain daripada

lelaki.

Dan **kelapannya:** Duduk antara dua sujud dan jikalau sembahyang sunat sekalipun dengan tuma'ninahnya dan jangan dipanjangkan dia. Demikian lagi pada iktidal kerana rukun yang pendek keduanya. Dan sunat menghantarkan dua tapak tangannya di atas dua lututnya, dihunjurkan segala anak jarinya. Dan sunat ia duduk istirahah kemudian daripada sujud yang kedua yang hendak berdiri ia daripadanya dan ia bertelekan di atas dua tapak tangannya tatkala berdiri daripadanya.

Kesembilannya: Membaca tasyahhud akhir iaitu:

التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلّٰهِ، السَّلاَمُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ، السَّلاَمُ عَلَيْنَا وَعلَى عِبَادِ اللهِ الصَّالِحِيْنَ، أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ.

Ertinya: Segala penghormatan, keberkatan, sembahyang dan kebaikan itu adalah bagi Allah jua. Wahai Nabi! Semoga engkau mendapat kesejahteraan, rahmat dan keberkatan Allah. Semoga kami dan sekalian hamba Allah yang baik-baik, turut mendapat kesejahteraan. Aku naik saksi bahawa sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Allah dan aku naik saksi bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad itu pesuruh Allah.

Inilah sunat dibacakan pula pada tasyahhud awal.

Kesepuluhnya: Membaca selawat atas Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam pada tasyahhud akhir.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ.

Ertinya: Ya Allah! Kurniakanlah rahmat kepada Nabi Muhammad.

dan yang akmalnya:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ اِبْرَاهِيْمَ فِي الْعَالَمِيْنَ، إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ.

Ertinya: Ya Allah! Kurniakanlah rahmat kepada Nabi Muhammad dan kepada ahli keluarga Nabi Muhammad sebagaimana Engkau kurniakan rahmat kepada Nabi Ibrahim dan kepada ahli keluarga Nabi Ibrahim. Kurniakanlah keberkatan kepada Nabi Muhammad dan kepada ahli keluarga Nabi Muhammad sebagaimana Engkau kurniakan keberkatan kepada Nabi Ibrahim dan kepada ahli keluarga Nabi Ibrahim di seluruh alam. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia.

Kesebelasnya: Duduk bagi tasyahhud dan bagi selawat atas Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam dan bagi salam yang pertama.

Keduabelasnya: Memberi salam yang pertama, sekurangnya:

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ.

dan yang akmalnya:

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ.

Ertinya: Semoga kamu mendapat kesejahteraan dan rahmat Allah.

dua kali, sekali ke pihak kanannya dan sekali ke pihak kiri, berpaling keduanya hingga kelihatan pipinya bagi orang yang duduk di belakangnya.

Dan sunat meniat memberi salam atas orang yang ia berpaling kepadanya daripada malaikat dan yang mukmin إنس (kalangan manusia) dan jin. Dan sunat meniat keluar daripada sembahyang pada salam yang pertamanya, jangan terdahulu dan jangan terkemudian, maka hendaklah niatnya itu berserta dengan alif السَّلاَمُ .

Dan ketigabelasnya: Tertib seperti barang yang telah tersebut yang terkandung atas disertakan niat dengan takbiratul ihram dan berserta keduanya dengan qiam dan fatihah dan tasyahhud dan selawat dan salam berserta dengan duduk pada tasyahhud, maka tertib itu yang lain daripada itu.

Amalan-amalan Sunat Dalam Sembahyang

Sunat Ab'ad

Dan sunat sembahyang yang ab'ad itu yakni yang dijabarkan (ditampal) dengan sujud sahwi sama ada sembahyang fardu atau sembahyang sunat lapan (perkara):

Pertama: Tasyahhud awal.

Dan keduanya: Duduknya.

Dan ketiga: Membaca qunut.

Dan keempat: Berdiri baginya.

Dan kelima: Membaca selawat atas Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam kemudian daripada tasyahhud.

Dan keenam: Selawat atasnya kemudian daripada qunut.

Dan ketujuhnya: Selawat atas آل (keluarga) kemudian daripada tasyahhud akhir.

Dan kelapannya: Selawat atas آل (keluarga) kemudian daripada qunut.

Maka sekalian itu manakala ia meninggalkan satu-satunya, maka sunat dijabarkan dia dengan sujud sahwi dua sujud pada akhir sembahyangnya dahulu daripada salam sudah membaca selawat dan doa tasyahhud.

Sunat Hai'ah

Adapun sunat hai'ahnya yang tiada dijabarkan (ditampalkan) dengan sujud sahwi amat banyak, setengahnya:

1. Hendaklah diangkatkan dua tangannya serta permulaan takbir tahrimnya (takbiratul ihram) berbetulan tapak tangannya dengan bahunya dan hujung anak jarinya dengan cuping telinganya yang di atas dan dua ibu tangannya dengan cuping telinganya, kemudian diturunkan keduanya ditaruh di bawah dadanya dan digenggamkan tapak tangan kanan pada pergelangan tangan kiri kesudahan hantarnya dengan kesudahan takbirnya bersama-sama atas yang dimuktamad pada Syarah Muhazzab dan Syarah Wasith.
2. Dan setengahnya membaca doa iftitah kemudian daripada takbiratul ihram sekurang akmalnya:

   اللّٰهُ أَكْبَرُ كَبِيْرًا، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ كَثِيْرًا، وَسُبْحَانَ اللّٰهِ بُكْرَةً وَأَصِيْلاً.

   Ertinya: Allah Maha Besar sebesar-besarnya, pujian itu bagi Allah sebanyak-banyaknya. Maha sucilah Allah siang dan malam.

   Dan yang akmalnya itu:

   وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِيْ فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضَ حَنِيْفًا

مُسْلِمًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِيْنَ، إِنَّ صَلاَتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ.

Ertinya: Aku menghadapkan mukaku untuk Tuhan yang menjadikan sekalian langit dan bumi dengan keadaan lurus beragama Islam dan aku bukan orang yang mempersekutukan Tuhan. Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku bagi Allah jua yang mentadbir sekalian alam, tiada sekutu bagiNya. Begitulah aku disuruh dan aku adalah sebahagian dari orang-orang Islam.

3. Kemudian maka membaca: أَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ pada tiap-tiap rakaat.
4. Dan setengahnya mengucap آمِيْنٌ kemudian daripada selesai membaca fatihah, dinyaringkan pada sembahyang yang dinyaringkan fatihahnya dan disirkan (diperlahankan) pada sembahyang yang disir.
5. Dan sunat makmum mengucap amin bacaan imamnya bersama-sama dengan ucap imamnya.
6. Dan sunat berhenti saktah antara fatihah dan amin dan antara amin dan surah dan antara surah dan rukuk.
7. Dan setengahnya membaca surah pada imam dan munfarid (sembahyang seorang diri) pada dua rakaat yang pertama dipanjangkan pada sembahyang Subuh dan Zohor kurang sedikit daripadanya dan Asar dan Isyak pertengahan dan Maghrib yang pendeknya dan pada Subuh Jumaat الٓمٓ sajadah (surah sajadah) dan هَلْ أَتَىٰكَ .

8. Dan setengah, mengucap takbir al-Intiqalat yang lima iaitu takbir rukuk dan takbir turun kepada sujud dan takbir bangkit daripadanya dan takbir sujud yang kedua dan takbir bangkit daripada sujud kepada qiam.
9. Dan sunat mengangkatkan kedua tangannya seperti takbiratul ihram tatkala hendak rukuk dan tatkala bangkit daripada rukuk kepada iktidal permulaan angkat keduanya bersama-sama dengan angkat kepalanya.
10. Dan demikian lagi sunat mengangkatkan dua tangannya tatkala bangkit daripada tasyahhud awal kepada qiam.
11. Dan setengahnya mengucap: سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيْمِ وَبِحَمْدِهِ tiga kali di dalam rukuk.
12. Dan: سُبْحَانَ رَبِّيَ الأَعْلَى وَبِحَمْدِهِ di dalam sujud, tiga kali.
13. Dan dilebihkan pada rukuknya kemudian daripada tasbihnya jika orang munfarid:

    اللَّهُمَّ لَكَ رَكَعْتُ، وَبِكَ آمَنْتُ، وَلَكَ أَسْلَمْتُ، خَشَعَ لَكَ سَمْعِي وَبَصَرِي وَمُخِّي وَعَظْمِي وَمَا اسْتَقَلَّتْ بِهِ قَدَمِي.

    Ertinya: Ya Allah! Aku rukuk untukMu, aku beriman kepadaMu dan aku beragama Islam keranaMu. Pendengaranku, penglihatanku, otakku dan tulangku dan apa yang ditanggung oleh kakiku khusyuk kepadaMu.
14. Demikian lagi dilebihkan kemudian daripada tasbih dua sujud:

اللَّهُمَّ لَكَ سَجَدْتُ، وَبِكَ آمَنْتُ، وَلَكَ أَسْلَمْتُ، سَجَدَ وَجْهِيَ لِلَّذِى خَلَقَهُ وَصَوَّرَهُ وَشَقَّ سَمْعَهُ وَبَصَرَهُ تَبَارَكَ اللهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِيْنَ.

Ertinya: Ya Allah! Aku sujud untukMu, aku beriman denganMu dan aku beragama Islam keranaMu. Mukaku sujud kepada Tuhan yang menciptakannya, membentuk rupanya dan memberi pendengaran dan penglihatan kepadanya. Maka berkatlah Allah yang mana Ia adalah sebaik Pencipta.

15. Dan setengahnya sunat mengucap: سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ (Allah mendengar siapa yang memujinya) serta permulaan angkat kepalanya, maka apabila berdiri dibacanya:

رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ مِلْءَ السَّمَاوَاتِ وَمِلْءَ الأَرْضِ وَمِلْءَ مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ.

Ertinya: Wahai Tuhan kami! Pujian itu bagi Engkau jua sepenuh langit dan bumi, juga sepenuh apa jua yang Engkau kehendaki seterusnya.

Dan dilebih orang yang munfarid:

أَهْلُ الثَّنَاءِ وَالْمَجْدِ أَحَقُّ مَا قَالَ الْعَبْدُ وَكُلُّنَا لَكَ عَبْدٌ، لاَ مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ وَلاَ مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ وَلاَ يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ.

Ertinya: Ahli kepujian dan kebesaran, paling berhak apa yang diucapkan oleh si hamba. Sekalian kami adalah

hamba bagiMu. Tiada siapa yang dapat menghalang apa yang Engkau kurniakan dan tiada siapa yang dapat memberi apa yang Engkau halangi dan tiada sebarang usaha yang boleh menghalang habuan seseorang daripada Engkau.

16. Dan setengahnya: Sunat membaca qunut pada rakaat yang kedua daripada Subuh dan pada witir nisfu yang kedua daripada bulan Ramadhan dan pada tiap-tiap sembahyang jika kedatangan bala' atau percubaan iaitu:

    اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيْمَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنِي فِيْمَنْ عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنِي فِيْمَنْ تَوَلَّيْتَ، وَبَارِكْ لِي فِيْمَا أَعْطَيْتَ، وَقِنِي شَرَّ مَا قَضَيْتَ، فَإِنَّكَ تَقْضِي وَلاَ يُقْضَى عَلَيْكَ، وَإِنَّهُ لاَيَذِلُّ مَنْ وَالَيْتَ، وَلاَ يَعِزُّ مَنْ عَادَيْتَ تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ، فَلَكَ الْحَمْدُ عَلَى مَا قَضَيْتَ وَأَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوْبُ إِلَيْكَ وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

    Ertinya: Ya Allah! Tunjukkanlah daku jalan orang yang Engkau telah berikan petunjuk. Afiatkanlah daku sebagaimana orang yang Engkau afiatkan. Kurniakanlah tanggungjawab kepadaku sebagaimana orang yang Engkau kurniakan tanggungjawab. Berkatilah daku pada apa jua yang Engkau kurniakan. Peliharalah daku dari segala kejahatan yang Engkau ciptakan. Sesungguhnya Engkau yang melaksanakan, tiada siapa yang dapat melaksanakan terhadap Engkau. Sesungguhnya tiada siapa yang dapat menghina orang yang Engkau

jadikannya sebagai kawan. Dan tiada siapa yang dapat muliakan orang yang Engkau musuhi. Maha berkatlah Engkau serta Maha Tinggi. Pujian itu bagiMu jua pada apa jua yang Engkau ciptakan. Aku mohon keampunan kepadaMu serta bertaubat terhadapMu. Semoga Allah kurniakan rahmat dan kesejahteraan kepada junjungan kami Nabi Muhammad, ahli keluarganya dan sekalian sahabatnya.

Dan jika imam, dibaca dengan lafaz jama' seperti dibacanya: اللَّهُمَّ اهْدِنَا hingga akhir.

17. Dan setengahnya: Sunat dibaca antara dua sujud:

رَبِّ اغْفِرْلِي وَارْحَمْنِي وَاجْبُرْنِي وَارْزُقْنِي وَاهْدِنِي وَعَافِنِي وَاعْفُ عَنِّي.

Ertinya: Tuhanku! Ampunilah daku, kasihanilah daku, perbaikilah daku. Kurniakanlah daku rezeki, tunjukkanlah daku, afiatkanlah daku dan maafkanlah daku.

18. Dan setengahnya: Sunat membaca doa kemudian daripada tasyahhud dan selawat pada tasyahhud akhir iaitu:

اللَّهُمَّ اغْفِرْلِي مَا قَدَّمْتُ وَمَا أَخَّرْتُ وَمَا أَسْرَرْتُ وَمَا أَعْلَنْتُ وَمَا أَسْرَفْتُ وَمَا أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنِّي أَنْتَ الْمُقَدِّمُ وَأَنْتَ الْمُؤَخِّرُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَسِيْحِ الدَّجَّالِ يَا مُقَلِّبَ الْقُلُوْبِ ثَبِّتْ قَلْبِي عَلَى دِيْنِك.

Ertinya: Ya Allah! Ampunilah daku apa yang terdahulu dan apa yang terkini yang telah aku lakukan, apa yang aku lakukan secara tersembunyi dan secara terang-terangan, apa yang aku lakukan secara berlebihan dan apa yang Engkau lebih mengetahui mengenainya daripada aku. Engkaulah yang terdahulu dan Engkaulah yang terakhir, tiada Tuhan melainkan Engkau. Ya Allah! Sesungguhnya aku berlindung kepadaMu daripada azab kubur, daripada fitnah semasa hidup dan mati, dan juga daripada fitnah Dajjal pembohong. Wahai Tuhan yang membalikkan segala hati, tetapkanlah hatiku terhadap agamaMu.

19. Dan setengahnya: Duduk pada tasyahhud akhir tawarruk iaitu duduk atas dua punggungnya dan dikeluarkan kaki kiri di bawah betis kanannya dan pada tasyahhud awal dan duduk antara dua sujud dan duduk istirahah iftirasy iaitu duduk di atas tapak kaki kirinya dan mendirikan kaki kanannya.
20. Dan setengahnya: Sunat menggenggamkan anak jari tangan kanan tatkala menghantar pada lutut kanan dan dihantarkan jari kiri di atas paha kirinya, berbetulan anak jarinya dengan kepada lututnya kepada kedua tasyahhud. Dan kaifiatnya menggenggamkan tangan kanan itu tiga jari dan dilepaskan telunjuk dan ditaruh ibu tangan di sisi telunjuk dan sunat mengangkatkan telunjuk tatkala mengata: أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ. Dan makruh menggerak-gerak akan dia.
21. Dan setengahnya: Sunat mengekalkan tilik kepada tempat sujud dan mengekalkan khusyuk iaitu menghadirkan hatinya dan tetap segala anggotanya dan tadabbur yakni mengira-ngirakan qira'ahnya dan akan zikirnya.

22. Dan setengahnya: Masuk kepada sembahyang dengan rajin dan selesai hati daripada membimbangkan pekerjaan sama ada dunia atau akhirat.
23. Dan demikian lagi, hendaklah menghadirkan hatinya akan kebesaran Allah Ta'ala, tuhan yang ia sembah dan dinyatakan khusyuk dan tawaduk bagi Allah tatkala rukuknya dan sujudnya dan memenuhkan hati baginya dengan ta'zim bagi Allah dan menyucikan Allah tatkala takbirnya dan tasbihnya dan menjauhkan berfikir akan yang lain daripada yang ada ia padanya dan daripada memikirkan dunia dan akan keinginan hawa nafsunya dan berkhabar-khabar hati tetapi adalah cita itu di dalam sembahyangnya, disimpankan atas mendirikan haknya dan menunaikan dia seperti barang yang disuruh Allah kerana bahawasanya sembahyang itu serta tambatan hatinya orang yang tiada khusyuk dan khuduk hatinya serta Allah tiada memberi manfaat dan tiada faedah tetapi mudharatnya dan seksanya terlebih hampir kepadanya.

Dan kata Hasan Basri Rahimahullahu Ta'ala: Tiap-tiap sembahyang yang tiada hadir hati padanya, maka iaitu kepada seksa itu terlebih hampir. Dan lagi disebut pada hadis: Tiada bagi hamba daripada sembahyangnya melainkan barang yang dikira-kirakan yakni barang yang ada hadir hati serta tuhannya daripada sembahyangnya. Dan bahawasanya orang yang sembahyang sanya sembahyang ia, maka tiada disurat (ditulis) baginya daripada sembahyang sudusnya (satu perenam) dan tiada 'usyur (satu persepuluh) yakni bahawasanya yang disurat baginya daripadanya kadar yang ada padanya hadir hati serta Allah dan kadar khusyuknya bagi Allah pada sembahyangnya. Dan yang demikian itu terkadang sedikit hadirnya dan terkadang banyak dengan kadar lalainya

dan jaganya. Bagi orang yang hadir lagi khasyi' (orang yang khusyuk) pada sekalian sembahyangnya, disurat baginya sekalian pahalanya dan yang lalai pada sekalian sembahyang, tiada disurat baginya suatu.

Maka ijtihad olehmu, hai orang yang berkehendak akan lazat munajat akan Tuhannya, mudah-mudahan dikasihan Allah akan kamu, maka hendaklah kita ijtihad sebolehnya pada khusyuk dan hadir hati dan ikhlaskan dia bagi Allah. Dan hendaklah tadabbur akan barang yang kita bicara daripada kalam Tuhan kita di dalam sembahyang dan jangan bersegera apabila membaca segala bacaannya, maka bahawasanya tiada dapat tadabbur serta bersegera.

Dan apabila rukuk dan sujud, maka hendaklah tetapkan serta tuma'ninah dan jangan engkau pakukkan (patuk) seperti pakuk ayam, maka tiada sah sembahyang kerana tuma'ninah itu rukun sembahyang. Tiada sah sembahyang sama ada fardunya atau sunatnya dengan ketiadaannya kerana orang yang tiada sempurnakan rukuknya dan sujudnya dan khusyuk di dalam sembahyangnya itu ialah yang dinamakan orang yang mencuri seperti barang yang disebut pada hadis.

Dan datang pada hadis bahawasanya orang yang memeliharakan atas sembahyangnya dan menyempurna ia akan rukunnya, keluarlah sembahyangnya putih bercahaya-cahaya, dan berkata ia: Telah memelihara akan dikau Allah seperti barang yang kamu peliharakan kami. Orang yang tiada menyempurna akan sembahyangnya, keluarlah sembahyang itu hitam lagi kelam, dan berkata ia: Telah mensia-sia akan dikau Allah seperti barang yang mensia-sia akan kami, kemudian digulungkan dia seperti menggulung seorang akan kainnya yang buruk, maka dipukul dengan dia akan mukanya.

Dan lagi disebut pada hadis: Sungguhnya sembahyang itu menetapkan segala anggota dan kelakuannya dan mengkhusyukkan dia dan mengkhudukkan dia. Dan tatkala melihat Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam akan seorang lelaki bermain-main dengan janggutnya di dalam sembahyang, maka sabdanya: "Jikalau khusyuk hati lelaki, akan nescaya khusyuk segala anggotanya." Maka menyatakan Nabi bahawasanya khusyuk anggota itu daripada khusyuk hati dan tiada sempurna sembahyang dengan ketiadaannya. Dan adalah salaf yang soleh-soleh sehingga-hingga khusyuk pada sembahyangnya dan menghingga-hinggakan dia sehingga-hingga, hingga adalah setengah mereka itu pada tengah sembahyang, datang burung hinggap ia di atasnya menyangka akan pagar dan sesuatu jamad, kerana tetapnya dan panjang qiamnya dan sujudnya.

Dan adalah setengah daripada mereka itu berkata ia bagi ahlinya dan anaknya: Apabila masuk aku kepada sembahyang, maka perbuat olehmu barang yang nyata kehendak kamu yakni daripada mengangkatkan akan suara dan hingar-bingar, maka aku bahawasanya tiada tahu ia dengan dia.

Dan adalah setengah daripada sahabat Radiyallahu 'anhum sembahyang ia di dalam kebun pohon tamar baginya, maka terbang burung daripada satu pohon kayu kepada satunya dan jadilah ia menilik kepadanya, maka melalaikan dia daripada sembahyangnya, maka tatkala diketahui akan dirinya lalai, sukarlah ia atasnya, maka dijadikan kebunnya sekalian sabilillah kerana ia melalaikan dia daripada sembahyangnya. Demikian lagi kelakuan salaf yang soleh sebab mengetahui mereka itu akan kebesaran kadar sembahyang dan amat ketinggian tempatnya pada Allah dan kadar pada RasulNya.

Kebesaran Dan Ketinggian Sembahyang

Kata setengah ulama: Telah sampai kepada kami khabar bahawasanya Allah Subhanahu wa Ta'ala membahagi akan segala amal sembahyang atas empat puluh saf daripada malaikat. Pada tiap-tiap saf tujuh puluh ribu, sepuluh daripadanya berdiri, tiada rukuk dan sepuluh rukuk, tiada sujud dan sepuluh sujud, tiada angkat kepalanya dan sepuluh duduk, tiada berdiri. Dan dihimpun akan sekalian amal mereka itu bagi hambaNya yang mukmin di dalam dua rakaat yang disembahyangkan keduanya. Maka tilik olehmu akan besar pemberian Allah dan kurniaNya atas segala hambaNya yang mukminin.

Dan pada riwayat Jabir dan Mu'azd Radiyallahu 'anhuma: Tatkala dinaikkan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam ke langit, melihat ia pada langit dunia malaikat berdiri selama-lama dijadikan Allah akan mereka itu menyebut zikir akan dia, tiada rukuk. Dan pada langit yang kedua, rukuk selama-lamanya, tiada mereka itu mengangkatkan kepalanya. Dan pada langit yang ketiganya, sujud akan Allah, tiada mengangkatkan kepalanya melainkan ketika memberi salam Rasulullah akan mereka itu, maka diangkatkan kepalanya kerana menjawab salam Rasulullah, kemudian maka sujud pula selama-lamanya. Maka kerana inilah dituntut dua kali sujud pada tiap-tiap rakaat. Dan pada langit yang keempat, tasyahhud mereka itu selama-lamanya. Dan pada langit yang kelimanya, mengucap tasbih dan berzikir mereka itu selama-lamanya. Dan pada langit yang keenam, mengucap takbir mereka itu selama-lamanya. Dan pada langit yang ketujuh, malaikat mengucap: "Ya Salam, ya salam" masa dijadikan Allah akan mereka itu, maka cita hati Rasulullah dan ingin bahawa dijadikan baginya. Demikian segala ibadat malaikat

yang di dalam langit itu baginya dan bagi umatnya. Maka telah mengetahui oleh Tuhannya yang al-Khallaq al-'Alim akan cita Nabinya serta sudah diketahui pada azalinya, maka dihimpunkan segala ibadat malaikat yang di dalam tujuh petala langit itu di dalam dua rakaat sembahyang kerana memuliakan Nabinya dan umatnya.

Kata Mu'azd dan Jabir: Maka barang siapa berdiri di dalam sembahyang serta membesarkan dia dan ditunaikan segala rukunnya dan rukuk dan sujudnya, adalah baginya pahala malaikat tujuh petala langit dan orang yang di dalamnya daripada segala kejadian Allah Ta'ala.

Asal-Usul Sembahyang Dan Hikmah Ditentukan Waktu Dan Bilangan Rakaat

Kemudian hendaklah ketahui hikmah ditentukan pada waktu yang lima ini dan pada bilang-bilangannya. Telah dikata setengah hukamak: Ditentukan tiap-tiap sembahyang itu menyembahyangkan suatu Nabi daripada Anbiya' Allah pada waktunya.

Maka pertama-tama orang yang sembahyang Subuh itu, Nabi Adam 'alaihissalam tatkala keluar daripada syurga dan melihat ia akan zulumat dan takut ia akan sebagai takut yang sangat, maka tatkala Subuh dan pecah fajar, sembahyang ia dua rakaat. Rakaat yang pertamanya, syukur ia bagi kelepasan ia daripada kelam dan rakaat yang keduanya, syukur ia sebab kembali siang hari.

Dan pertama-tama orang yang sembahyang Zohor itu Nabi Ibrahim 'alaihissalam tatkala menyuruh Allah dengan menyembelih akan anaknya kemudian disuruh pula dengan menyembelih akan penebusan dan adalah seru itu pada

ketika gelincir matahari, maka sembahyang itu empat rakaat, yang pertama syukur bagi penebusnya dan yang kedua bagi membukakan dukacita anaknya dan yang ketiga bagi menuntut keredhaan Allah daripadanya dan yang keempatnya kerana keadaannya sebab diberi penebus yang amat besar seperti firman Allah Ta'ala:

وَفَدَيۡنَٰهُ بِذِبۡحٍ عَظِيمٍ ١٠٧

Dan kami tebus akan dia dengan sembelih kibas yang amat besar, (Surah al-Saffat: Ayat 107)

Iaitu kibas yang dibawa turun daripada syurga iaitu kibas Habil.

Dan pertama-tama orang yang sembahyang fardu Asar itu Nabi Yunus 'alaihissalam ketika dikeluarkan dia daripada perut ikan nun seperti anak burung yang tiada bulu baginya dan adalah ia di dalam empat kelam: Pertama: Kelam zulumat kesalahan. Dan kedua: Kelam air. Dan ketiga: Kelam malam. Dan keempat: Kelam perut ikan. Dan adalah keluarnya itu pada ketika waktu Asar, maka sembahyang ia empat rakaat syukur bagi Allah daripada kelepasan empat zulumat itu.

Dan pertama-tama orang yang sembahyang Maghrib itu Nabi Isa 'alaihissalam tatkala dikeluarkan dia Allah daripada antara kaumnya dan adalah pada ketika jatuh matahari. Maka, pertamanya: Supaya menafikan bagi ketuhanan daripada yang lain daripada Allah Ta'ala. Dan kedua: Bagi menafikan tohmah daripada ibunya daripada dituduh oleh kaumnya. Dan yang ketiganya: Kerana memberi bekas akan ketuhanan itu bagi Allah jua. Kerana inilah dua rakaat yang dahulu itu berhubung keduanya dan yang ketiganya tinggal sendirinya.

Dan pertama-tama orang yang sembahyang Isyak itu Nabi Musa 'alaihissalam ketika sesat jalan waktu keluar ia daripada Madyan dan adalah padanya itu di dalam dukacita isterinya

dan dukacita Harun saudaranya dan dukacita seterunya Firaun dan dukacita beberapa anaknya, maka dilepaskan Allah daripada yang demikian itu sekaliannya dengan janjinya yang sebenarnya. Dan adalah yang demikian itu pada waktu Isyak yang akhir, maka sembahyang ia empat rakaat syukur akan Allah daripada segala dukacita yang empat itu.

Dan pada riwayat yang lain bahawasanya Subuh itu bagi Nabi Adam dan Zohor bagi Nabi Daud dan Asar bagi Nabi Sulaiman dan Maghrib bagi Nabi Ya'qub dan Isyak bagi Nabi Yunus.

Perumpamaan Sembahyang

Dan ketahui olehmu bahawasanya umpama sembahyang itu diumpamakan satu raja memperbuat akan satu balai dan memperbuat ia akan jamuan dan menyediakan akan bagai-bagai makanan dan bagai-bagai minuman dengan bagai-bagai warnanya dengan bagai-bagai lazatnya. Dan pada tiap-tiap warnanya itu baginya manfaat, maka iaitulah sembahyang, kemudian maka menyeru akan segala hambanya merasakan makanannya itu. Demikianlah umpamanya sembahyang itu disuruh Allah Subhanahu wa Ta'ala mengerjakan dia supaya mengambil lazat hambaNya yang kamil daripada bagai-bagai pemberian dan kurniaNya supaya syukurlah hamba itu akan kurnia Tuhannya, maka af'al as-Solah (perbuatan-perbuatan sembahyang) itu seumpama makanan dan zikir dan tasbih dan doa bagai-bagai warnanya minumannya, maka apa makanan dan minuman daripada umpama ini hingga tiada sedar hambaNya yang 'arifin akan dirinya dan sejuk mata hatinya dengan kurniaNya yang tiada dapat diperinya kerana ialah yang dinamakan جَنَّةُ الْعَاجِلَةِ (syurga disegera) seperti firman Allah Ta'ala:

Dan bagi orang yang takut akan maqam Tuhannya itu dua syurga. (Surah al-Rahman: Ayat 46) Syurga disegera di dalam dunia iaitu sejuk mata hatinya dengan syuhud akan Tuhannya dan syurga yang kedua di akhirat di sana.

12 Perkara Penyempurnaan Sembahyang

Dan kata setengah hukamak bahawasanya sembahyang itu menghimpunkan di dalamnya dua belas ribu perkara, kemudian maka disimpankan akan dua belas ribu itu pada dua belas perkara, maka barang siapa yang berkehendak sembahyang, maka tak dapat tiada daripada mengetahui dan mengerjakan dua belas perkara itu supaya sempurnalah sembahyangnya, maka enam perkara dahulu daripada masuk kepada sembahyang dan enam perkara kemudian daripadanya:

Pertama: Ilmu, kerana sabda Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam: Amal yang sedikit yang di dalam pengetahuan itu terlebih baik daripada amal yang banyak di dalam jahil.

Kedua: Wudu’, kerana sabda Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam: Tiada sembahyang itu melainkan dengan thuhur (bersuci).

Ketiga: Pakaian, kerana firman Allah Ta’ala:

..... خُذُواْ زِينَتَكُمْ عِندَ كُلِّ مَسْجِدٍ ..... ﴿٣١﴾

Ambil oleh kamu akan pakaian kamu pada tiap-tiap masjid. (Surah al-A’raf : Ayat 31)

Yakni pakai akan pakaian kamu pada tiap-tiap sembahyang.

Keempat: Memeliharakan waktu.

Kelima: Menghadapkan kiblat.

Keenam: Niat, kerana sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasalam:

إِنَّمَا الأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ.

Sungguhnya segala amal itu dengan niat.

Ketujuh: Takbiratul ihram, kerana sabdanya:

تَحْرِيْمُهَا التَّكْبِيْرُ وَتَحْلِيْلُهَا التَّسْلِيْمُ.

Ertinya: Mengharamkannya dengan takbir dan menghalalkannya dengan memberi salam.

Kedepalan: Berdiri, kerana firman Allah Ta'ala:

Ertinya: Berdirilah untuk Allah dalam keadaan taat. (Surah al-Baqarah: Ayat 238)

Kesembilan: Membaca Qira'ah.

Kesepuluh: Rukuk.

Kesebelas: Sujud dua kali.

Kedua belas: Duduk tasyahhud akhir.

Huraian Perkara-Perkara Yang Menyempurnakan Sembahyang

Adapun ilmu itu atas tiga wajah:

Pertama: Bahawa diketahui fardu daripada sunatnya kerana bahawasanya sembahyang itu tiada sah melainkan

diketahui akan kaifiatnya.

Keduanya: Diketahui barang yang ada pada wuduknya daripada fardu dan sunat. Maka yang demikian itu syarat pula pada sah wuduknya.

Dan **ketiga:** Mengetahui akan tipu daya syaitan supaya dapat ia menjauh akan dia.

Maka adapun kesempurnaan wuduk itu hendaklah dikerjanya tiga perkara:

Pertama: Engkau sucikan hati daripada khianat dan hasad dan بُغْضٍ (marah).

Dan **keduanya:** Engkau suci akan badan engkau daripada dosa.

Dan **ketiga:** Sempurnakan basuh pada anggota wuduk dengan sempurna dengan tiada berlebih-lebihan.

Adapun pakaian itu, maka sempurnanya itu dengan tiga perkara:

Pertama: Bahawa ada ia halal.

Dan **keduanya:** Suci daripada najis yang tiada dimaaf-kan.

Dan **ketiganya:** Bahawa ada ia muafakat dengan sunat dan jangan ada pakaiannya atas jalan takabbur dan ujub dan megah.

Adapun memeliharakan waktu itu, kesempurnaannya di dalam tiga perkara:

Pertama: Bahawa ada ia mata engkau melihat akan matahari dan bulan dan bintang dan engkau amat-amat akan dia bagi hadir waktu.

Keduanya: Telingamu itu mendengar kepada bang.

Dan **ketiga:** Hati kamu memikirkan janjian bagi waktu.

Adapun mengadap kiblat itu kesempurnaannya di dalam tiga perkara:

Pertama: Bahawa engkau hadapkan kiblat dengan dadamu.

Dan **keduanya:** Bahawa engkau hadap kepada Allah dengan hati kamu.

Dan **ketiga:** Bahawa engkau khusyuk dan tawaduk dan tazallul (merendah diri) dengan anggotamu.

Adapun niat, maka kesempurnaannya itu tiga perkara:

Pertamanya: Bahawa engkau ketahui apa sembahyang yang engkau dirikan.

Dan **keduanya:** Bahawa engkau ketahui bahawasanya engkau berdiri antara hadapan Tuhanmu dan Ia melihat akan dikau, maka engkau berdiri dengan hebat dan sakinah (tenang).

Dan **ketiganya:** Bahawa engkau mengetahui bahawasanya ia mengetahui akan barang yang di dalam hatimu, maka selesaikan olehmu daripada membimbangkan pekerjaan dunia.

Adapun takbir itu, maka kesempurnaannya di dalam tiga perkara:

Pertamanya: Bahawa engkau takbir akan sebagai takbir yang sahih lagi jazam.

Keduanya: Bahawa engkau angkatkan dua tangan berbetulan dua telinga.

Dan **ketiganya:** Bahawa adalah hati engkau hadir, maka engkau takbir dengan ta'zim.

Adapun qiam, kesempurnaannya itu di dalam tiga perkara:

Pertama: Bahawa engkau jadikan matamu itu pada tempat sujud kamu.

Keduanya: Bahawa engkau jadikan hati kamu itu kepada Allah.

Dan **ketiganya:** Bahawa jangan berpaling ke kanan dan ke kiri.

Adapun kesempurnaan qira'ah itu tiga perkara:

Pertama: Engkau baca akan bacaan yang sahih dengan tartil dan ketiadaan lahan.

Dan **Kedua:** Engkau baca dengan tafakkur dan tadabbur akan maknanya.

Dan **ketiga:** Bahawa engkau amalkan dengan barang yang engkau baca itu.

Adapun kesempurnaan rukuk itu pada tiga perkara:

Pertama: Bahawa engkau ratakan belakang serta lehermu, maka jangan engkau merendahkan dan tinggikan kepalamu.

Kedua: Bahawa engkau hantarkan dua tapak tanganmu di atas dua lututmu dan engkau jarangkan antara anak jarimu.

Ketiga: Bahawa engkau tuma'ninahkan rukukmu dan dibaca tasbih serta ta'zim dan ketetapan.

Adapun kesempurnaan sujud pada tiga perkara:

Pertama: Bahawa engkau hantar dua tanganmu berbetulan dengan bahumu.

Kedua: Hendaklah engkau renggangkan dua lenganmu daripada dua lambungmu dan jangan kamu hampirkan keduanya kepada bumi.

Ketiga: Bahawa engkau tuma'ninahkan pada sujudmu dan mengucap tasbih kamu serta ta'zim.

Adapun kesempurnaan duduk itu di dalam tiga perkara:

Pertama: Bahawa engkau duduk atas tapak kakimu yang

kiri dan engkau dirikan kakimu yang kanan jika tahiyyat awal dan engkau keluarkan yang kiri di bawah betis kakimu yang kanan pada tahiyyat akhir.

Keduanya: Engkau tasyahhud dengan ta'zim dan engkau selawat akan Nabi dengan sempurna selawat dan akan keluarganya dan sahabat.

Ketiga: Engkau doakan bagi dirimu dan bagi segala mukminin.

Adapun kesempurnaan salam itu bahawa engkau salamkan dengan sempurna bahawa ada ia serta niat yang sebenarnya dan salam engkau itu akan orang yang ada pada kanan engkau daripada malaikat dan mu'minin jin dan إنس (manusia), demikian lagi pada kiri.

Adapun kesempurnaan ikhlas itu pada tiga perkara:

Pertama: Bahawa engkau tuntut dengan sembahyang itu dengan keredhaan Allah dan jangan engkau tuntut akan redha manusia.

Keduanya: Bahawa engkau lihat akan taufik itu daripada Allah.

Dan **ketiga:** Bahawa engkau peliharakan dia hingga hilang dirimu dengan dia.

Pelbagai Kebajikan Pada Perbuatan Sembahyang Dan Zikirnya

Dan sayugianya bagi orang yang sembahyang itu mengetahui akan yang ia hendak perbuat itu dan kadarnya supaya syukurlah ia akan Allah Subhanahu wa Ta'ala atas barang yang diberi taufik akan dia, maka bahawasanya sembahyang itu sanya telah menghimpunkan padanya beberapa bagai daripada segala kebajikan daripada af'al (perbuatan) dan azkar

(zikir).

1. Maka apabila berdiri hamba kepada sembahyang dan berkata ia: اللهُ أَكْبَرُ, maka hendaklah ia muqaranah (menyertakan) niatnya yang dimuktabarkan pada syarak dan serta diketahui pula akan kebesaran Tuhannya yang ia berdiri berkhidmat kepadanya. Maka maknanya اللهُ أَكْبَرُ itu terlebih a'zham (besar) dan ajal (mulia), maka hendaklah benar hatinya. Demikian pula firman Allah Ta'ala: Telah mengetahui hambaKu bahawa Aku yang terlebih besar daripada tiap-tiap sesuatu dan sanya ia telah berhadap atasKu."

2. Maka apabila mengangkatkan dua tangannya kepada kedua telinganya mengisyaratkan ia melepaskan daripada tiap-tiap ma'bud yang lain daripada Allah Ta'ala.

3. Kemudian apabila membaca:

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ.

Yakni: Maha Suci Allah daripada tiap-tiap yang kejahatan dan kekurangan bahawasanya Ia yang mempunyai bagi segala puji.

وَتَبَارَكَ اسْمُكَ.

Yakni: Maha Suci Ia dan berkat pada yang menyebutkan namaNya akan pekerjaan yang dikerjanya.

وَتَعَالَى جَدُّكَ.

Yakni: Maha Tinggi qadar engkau ya Tuhanku dan Maha Besar Engkau.

لاَ إِلَهَ غَيْرُكَ.

Yakni: Tiada yang menjadikan dan yang memberi rezeki dan yang disembah yang lain daripada Engkau, tiada yang dahulu dan yang kemudian.

4. Maka apabila membaca:

أَعُوْذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ.

Yakni: Aku pohonkan Dikau bahawa Engkau lindungkan dan Engkau pelihara akan daku daripada finah syaitan yang kena rejam yakni kena kutuk.

5. Dan apabila dibacanya:

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَـٰنِ ٱلرَّحِيمِ.

Maka maknanya: *Aku minta tolong dengan nama Engkau pada tiap-tiap sesuatu pekerjaanku ialah yang mempunyai lemah-lembut lagi mempunyai kasih sayang atas segala makhluk dengan memberi rezeki lagi kasih sayang akan segala hambaNya yang mukminin.*

6. Dan apabila membaca Fatihah hingga akhirnya maknanya: Segala puji bagi Allah, Tuhan yang tiada menjadikan daku daripada orang yang dimurkakan dan orang yang dustakan iaitu Yahudi dan Nasrani tetapi dijadikan daku di atas jalan anbiya' dan syuhada' dan siddiqin.

7. Maka apabila engkau rukuk, maka fikir di dalam diri engkau, maka seolah-olah engkau berkata: Hai Tuhanku! Bahawasanya aku merendahkan diriku antara hadapanMu dan aku datang dengan diriku yang 'ashi (yang derhaka) ini kepadaMu dan mengikut diriku yang banyak jenayah bagi 'uzmah (kebesaran) Engkau, mudah-mudahan Engkau ampuni akan daku. Dan dibacanya:

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيْمِ وَبِحَمْدِهِ.

Maknanya: Maha Suci Tuhanku, aku merendahkan diriku bagi Tuhan yang 'Azim dan Maula yang Karim.

8. Kemudian engkau angkatkan kepalamu kepada iktidal dan mengucap:

سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ.

Maknanya: *Telah mengampuni Allah Ta'ala bagi orang yang mengEsakan Dia dan mengerjakan taat akan Dia.*

Kemudian mengucap:

رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ.

Maknanya: *Tuhan kami, bagiMu segala kepujian kerana Engkau yang memberi taufik akan kami bagi ini.*

9. Kemudian maka engkau sujud, maknanya aku cenderungkan diriku dengan dalil dan menyerahkan diriku kepadaMu, Engkau yang mempunyai karam (kemurahan) dan ampun.

10. Dan apabila engkau duduk antara dua sujud mengucap:

رَبِّ اغْفِرْلِي وَارْحَمْنِي وَارْزُقْنِي وَاجْبُرْنِي وَاهْدِنِي وَعَافِنِي وَاعْفُ عَنِّي.

Maknanya: *Ampunkan daku, hai Tuhanku akan kesalahanku dan kasihani olehMu akan hambaMu yang* خَاطِئَةٌ *(bersalah) dan beri rezekikan olehMu akan daku dan jabarkan dhaifku dan tunjuki akan daku jalan yang sebenarnya dan afiat akan daku dan maafkan daripada aku.*

11. Maka apabila engkau duduk tasyahhud dan membaca tahiyyat, maka engkau baca:

التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلّٰهِ.

Maknanya: Kekal kerajaan selama-lamanya itu bagi Allah yang mempunyai sembahyang yang lima waktu, tiada sayugianya bahawa disembahyangkan melainkan bagiNya.

السَّلاَمُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Sejahtera atasmu Ya Rasulullah, seperti engkau sampaikan pesuruh Tuhan engkau dan engkau nasihat bagi umat engkau warahmatullah (dan rahmat Allah) dan ridwan (keredhaan) bagimu wajib dan berkat atasmu dan atas ahlimu yakni segala isi rumahmu.

السَّلاَمُ عَلَيْنَا وَعلى عِبَادِ اللهِ الصَّالِحِيْنَ.

Yakni: *Ampun Allah atas kami dan atas segala orang yang dahulu daripada Nabiyyin dan siddiqin dan orang yang berjalan akan jalan mereka itu hingga hari kiamat.*

أَشْهَدُ أَنْ لآ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ.

Yakni: *Tiada ma'bud (Tuhan yang disembah) di dalam langit dan bumi yang lainnya ialah Tuhan yang wahdaniah (Esa).*

وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.

(Ertinya: *Dan aku naik saksi bahawa Nabi Muhammad itu adalah hamba Allah dan pesuruhNya*)

Ialah khatim an-Nabiyyin (penutup segala Nabi) dan mursalin dan safiyyah rabbi al-'Alamin dan pilihan daripada segala makhluk.

12. Kemudian selawat atas Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam. (Sekurang-kurangnya: اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ)

13. Kemudian meminta doa bagi dirimu dan bagi segala mukminin dan mukminat.

14. Kemudian memberi salam pada pihak kananmu dan kirimu. (Sekurang-kurangnya: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ)

Ertinya: Hai segala saudaraku! Kamu sejahtera daripada kejahatanku dan khianatku apabila keluarku daripada masjid.

Karamah Bagi Orang Yang Bersembahyang

Riwayat daripada Hasan Basri Radiyallahu 'anhu daripada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bahawasanya bersabda bagi orang yang sembahyang itu tiga karamah: Pertama: Bertabur kebajikan di atas kepalanya daripada langit hingga kepalanya dan malaikat berkeliling padanya daripada dua kakinya hingga kepada langit dan malaikat menyeru ia dengan katanya: Jikalau mengetahui oleh hamba serta orang yang ia munajat dengan dia, nescaya tiada berpaling ia daripada sembahyangnya. Maka inilah karamah yang dimulia Allah akan orang yang sembahyang.

Jenis Amalan Sunat dan Kepentingannya Dalam Sembahyang

Maka inilah segala sunat yang tersebut itu kesempurnaan sembahyang dan adalah adab yang dituntut memeliharakan dia supaya dinamakan dia orang yang memeliharakan sembahyang dan mendirikan haknya.

Ketahui olehmu sunat hai'ah itu tiada dituntut dijabarkan (ditampalkan) sujud sahwi orang yang meninggalkan dia. Dan sunat ab'ad itu apabila ditinggalkannya akan dia sama ada dengan lupa atau dengan sengaja, sunat dijabarkan dia dengan sujud sahwi iaitu yang delapan (8) perkara yang telah

tersebut dahulu iaitu: Tasyahhud awal atau qunut Subuh atau Witir dan selawat atas Nabi pada keduanya seperti dahulu sebut kenyataannya.

Disunatkan Sujud Sahwi Bagi Permasalahan Berikut:

1. Maka sunat ia sujud sahwi apabila ia meninggalkan akan salah suatu daripada yang delapan (8) itu.

2. Atau ia mengerjakan seperti perbuatan yang membatalkan sembahyang dengan sengaja, tiada membatalkan dengan lupa seperti memanjangkan rukun yang pendek iaitu iktidal dan duduk antara dua sujud dan seperti berkata-kata dengan sedikit dan makan yang sedikit atau melebihkan rakaatnya dengan lupa, maka sunat sujud sahwi.

3. Atau memindahkan rukun qauli yang tiada membatalkan dia seperti membaca Fatihah di dalam rukuk atau di dalam sujud atau membaca tahiyyat pada qiamnya, maka sunat ia sujud sahwi.

4. Dan jikalau tiada membatalkan sembahyangnya dengan sengajanya sekalipun sebab ia meninggalkan tahaffuz (berhati-hati) di dalam sembahyang atau kerana syak pada meninggalkan sunat ab'ad yang tertentu seperti qunut atau tasyahhud awal seperti syak adakah ia baca qunut atau tiada, maka sunat ia sujud sahwi.

5. Dan demikian lagi jikalau syak ia adakah ia sembahyang tiga rakaat atau empat rakaat, maka wajib ia datangkan serakaat lagi kerana asalnya ketiadaan ia mengerjakan dia dan sunat ia sujud sahwi. Dan jika hilang syaknya itu dahulu daripada salamnya adalah ia rakaat yang keempatnya sekalipun kerana taraddud (berbelah-bahagi) pada lebihnya.

6. Dan demikian lagi sunat sujud sahwi jikalau ia tinggalkan tasyahhud awal, maka berdiri ia sebelum lagi betul sekira-kira sampai ia kepada had rukuknya dan lebih sebelum lagi betul dirinya yang memadai pada qiam atau ia tinggalkan qunut, maka kembali ia sebelum sempurna sujudnya seperti belum lagi ia menghantarkan dahinya kepada tempat sujud, maka sunat sujud sahwi pada segala surah (gambaran) yang tersebut itu jikalau dengan lupanya atau jahilnya.

Dan jika kembali ia kepada qunut atau kepada tasyahhud awal, padahal sudah hampir kepada qiamnya atau hampir kepada sujud pada qunut, batallah sembahyangnya jika sengaja ia meninggalkan keduanya, tetapi sunat sujud sahwi jika belum lagi bangunnya berdirinya jika yang meninggalkan tasyahhud awal sampai kepada had rukuk atau turunnya pada yang meninggalkan qunut kerana sedikit perbuatannya.

Maka segala surah yang tersebut itu jika imam atau orang sembahyang sendirinya. Maka jikalau yang sembahyang itu makmum, maka tiada tafsil lagi, hanya wajib ia kembali mengikut imamnya pada barang yang tempat imamnya melainkan jika perbuatan imamnya itu tersalah ia mengerjakan suatu yang membatalkan sembahyangnya seperti ia qiam sudah betul tempat perdiriannya, maka kembali pula ia kepada duduk membaca tasyahhud atau sujud ia sudah sempurna menghantar anggotanya yang tujuh, maka kembali pula kepada qunut, maka tiada harus makmum mengikut kembali berserta dengan imamnya tetapi hendaklah menanti berdiri imamnya jika sudah ia berdiri serta imamnya pada surah meninggalkan tasyahhud awal atau belum lagi berdiri ia, maka kembali imamnya duduk tasyahhud padahal ia sudah berdiri betul, wajib makmum itu berdiri jangan ia duduk berserta dengan imamnya.

Demikian lagi jika sujud imam pada hal sebelum lagi tunduk sujud makmum kemudian kembali imam qunut, maka tiada harus makmum itu qunut serta imamnya tetapi wajib ia turun sujud, maka adalah dua surah ini tiada harus makmum mengikut imamnya kerana imamnya itu tiada sunyi daripada kembalinya itu jika tersalah sebab lupanya, tiada batal sembahyangnya, maka adalah orang lupa tiada harus kita ikut akan dia dan jikalau tiada batal sembahyangnya sekalipun atau sengajanya, maka batal itu tiada harus kita ikut akan dia.

Bermula sujud sahwi, dua sujud jua dan jikalau banyak lupanya sekalipun, wajib ia meniatkan sujud sahwi. Dan tempatnya dahulu daripada salam, kemudian daripada tasyahhud dan selawat seperti sujud sembahyang pada syaratnya dan segala sunatnya tetapi sunat dibacanya padanya:

سُبْحَانَ مَنْ لاَ يَنَامُ وَلاَ يَسْهُوْ.

Ertinya: *Maha sucilah Tuhan yang tidak tidur dan tidak lupa.*

Maka jika memberi salam dengan sengaja, luputlah sujudnya tiada dapat lagi ia sujud kemudian daripadanya atau lupa dan panjang perceraiannya. Demikian jua, tiada dapat lagi ia sujud atau hampir perceraiannya, maka sunat sujud sahwi dan apabila sujud ia, jadilah ia kembali kepada sembahyang, maka wajib mengulangi salam lain dan apabila berhadas, nescaya batal sembahyang.

Sunat Yang Dituntut Sebelum Masuk Sembahyang

Dan adapun sunat yang dituntut dahulu daripada masuk kepada sembahyang iaitu bang dan iqamah dan ia menyahaja

pada tempat yang ada sutrahnya seperti jidar (dinding) atau tiang atau suatu yang tinggi dua sepertigaan (2/3) hasta atau dihamparkan sejadah atau digores di hadapannya daripada tumitnya hingga kadar tiga hasta ke hadapannya dan adalah suatu daripada sutrah itu antaranya dan sesuatu jangan lebih daripada kadar tiga hasta tetapi jangan dijadikan berhadap pada mukanya sesuatu itu tetapi dijadikan sebelah kanannya atau kirinya.

Perkara-Perkara Yang Makruh Dalam Sembahyang

Dan yang makruhnya pada sembahyang itu amat banyak, setengah daripadanya, berpaling ke kanan atau ke kiri dengan mukanya atau melihat ke langit kerana yang demikian itu permainan syaitan.

Dan setengah daripadanya, menutup mulutnya dengan umpama kain melainkan menguap, maka sunat ditutup mulutnya dengan tangannya kerana disebut pada hadis apabila menguap seorang kamu, maka hendaklah memegangkan dengan tangannya atas mulutnya, maka bahawasanya syaitan masuk pada mulutnya.

Dan setengah daripadanya, menyingkapkan rambutnya atau kainnya kerana ditegah pada hadis dan dimaafkan pada perempuan tiada mengapa ia sembahyang dengan sanggulnya atau dengan jalin rambutnya kerana kesukaran atasnya membukakan sanggulnya.

Dan setengah daripada makruh, ia berludah tengah sembahyang di hadapan atau di kanannya, hanya apabila hendak berludah, berludah sebelah kirinya atau di bawah kakinya ini, jika bukan masjid. Adapun jika di dalam masjid, maka iaitu haram kerana disebut pada hadis: Berludah di dalam

masjid itu خَاطِئَةٌ (kesalahan) dan kifaratnya ditanamnya.

Dan setengah daripadanya, bertelekan pada pinggangnya kerana ditegah pada hadis dan kerana menyerupa dengan orang yang takbur dan syaitan dan demikian lagi ahli neraka apabila mengambil kesenangan dikerjakan yang demikian itu.

Dan setengah daripadanya, merendahkan kepalanya daripada belakangnya pada rukuknya.

Dan setengah daripadanya, ia sembahyang serta berkehendak berhadas sama ada ia hendak buang air kecil atau besar atau angin, maka sunat ia selesaikan daripadanya, kemudian ia sembahyang selama belum picik waktunya, hendaklah ia sembahyang sertanya.

Dan demikian lagi, makruh sembahyang di hadapan makanan atau minuman yang ingin ia kepadanya kerana disebut pada hadis: Tiada sembahyang (ertinya yang kamil) di hadapan makanan.

Dan setengah daripadanya sembahyang di hamam dan pada tempat jurang bukit dan tengah jalan dan tempat buang tahi dan tempat menyembah berhala.

Dan setengah daripadanya, sembahyang pada tempat perhimpunan unta dan pada penjeratan sama ada dibongkarnya atau tiada tetapi jika dibongkar tak dapat tiada dengan dilapiknya dan jika tiada, maka tiada sah sembahyangnya.

Dan demikian lagi, makruh ia sembahyang pada Kanisah iaitu tempat ibadat Yahudi atau Bi'ah iaitu tempat ibadat Nasara atau di Hop Sami, maka sekaliannya itu makruh sembahyang padanya.

Sunat-Sunat Yang Patut Dikerjakan Sesudah Sembahyang

Adapun sunat yang dikerjakan kemudian daripada sembahyang, maka adalah Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam apabila selesai daripada sembahyang, menyapu dengan tangannya di atas kepalanya dan dibacanya:

بِسْمِ اللهِ الَّذِي لاَ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيْمُ، اللَّهُمَّ أَذْهِبْ عَنِّي الْهَمَّ وَالْحَزَنَ.

Ertinya: *Dengan nama Allah yang tiada Tuhan melainkan Dia, Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Ya Allah! Hilangkanlah segala kesusahan dan kedukacitaan daripadaku.*

Kemudian membaca kemudian daripada sembahyang Subuh dan Maghrib:

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيْتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ.

Ertinya: *Tiada Tuhan melainkan Allah jua, tiada sekutu bagiNya. Sesungguhnya segala kerajaan dan pujian itu bagiNya jua. Dialah yang menghidupkan dan mematikan sesuatu dan Dia amat berkuasa ke atas segala-galanya.* (Sepuluh kali).

Dan dibaca kemudian daripadanya:

أَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ.

Ertinya: *Aku memohon keampunan kepada Allah yang Maha Besar.* (Tiga kali).

Kemudian dibacanya:

اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلاَمُ، وَمِنْكَ السَّلاَمُ، فَحَيِّنَا رَبَّنَا بِالسَّلاَمِ، وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ دَارَ السَّلاَمِ، تَبَارَكْتَ يَا ذَا الْجَلاَلِ وَالإِكْرَامِ.

Ertinya: *Ya Allah! Engkau adalah sejahtera, dari Engkau datangnya sejahtera. Oleh itu wahai Tuhan kami, hidupkanlah kami dengan sejahtera dan masukkanlah kami ke dalam taman syurga sejahtera. Maha berkatlah Engkau, wahai Tuhan yang Maha Besar lagi Maha Pemurah.*

Dan dibaca pula ayat al-Kursi:

ٱللهُ لَآ إِلَـٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

Ertinya: *Allah itu tiada Tuhan melainkan Dia, yang Maha Hidup lagi Maha Mengurus. Tidak pernah mengantuk dan tidak pernah tidur. BagiNya apa yang ada pada sekalian langit dan bumi. Tiada siapa yang dapat memberi syafaat melainkan dengan izinNya. Dia mengetahui apa yang ada di hadapan dan di belakang mereka. Tiada siapa yang dapat menguasai ilmuNya kecuali apa yang dikehendakiNya. KerusiNya amat luas mencakupi seluruh langit dan bumi. Dia tidak penat*

menjaga keduanya. Dan Dialah Tuhan yang Maha Tinggi lagi Maha Besar.

dan ayat:

شَهِدَ ٱللَّهُ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ وَٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ وَأُوْلُواْ ٱلۡعِلۡمِ قَآئِمَۢا بِٱلۡقِسۡطِۚ
لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ﴿١٨﴾ إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلۡإِسۡلَٰمُۗ
..... ﴿١٩﴾ قُلِ ٱللَّهُمَّ مَٰلِكَ ٱلۡمُلۡكِ تُؤۡتِي ٱلۡمُلۡكَ مَن تَشَآءُ وَتَنزِعُ
ٱلۡمُلۡكَ مِمَّن تَشَآءُ وَتُعِزُّ مَن تَشَآءُ وَتُذِلُّ مَن تَشَآءُۖ بِيَدِكَ ٱلۡخَيۡرُۖ إِنَّكَ
عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ﴿٢٦﴾ تُولِجُ ٱلَّيۡلَ فِي ٱلنَّهَارِ وَتُولِجُ ٱلنَّهَارَ فِي ٱلَّيۡلِۖ
وَتُخۡرِجُ ٱلۡحَيَّ مِنَ ٱلۡمَيِّتِ وَتُخۡرِجُ ٱلۡمَيِّتَ مِنَ ٱلۡحَيِّۖ وَتَرۡزُقُ مَن
تَشَآءُ بِغَيۡرِ حِسَابٖ ﴿٢٧﴾

Ertinya: *Allah naik saksi dengan adilnya bahawa sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Dia, juga para malaikat dan para ilmuan turut naik saksi tiada Tuhan melainkan Dia yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. Sesungguhnya agama di sisi Allah ialah Islam. Katakanlah: Ya Allah, Tuhan yang memiliki kerajaan. Engkau kurniakan kerajaan daripada siapa yang Engkau kehendaki, Engkau muliakan siapa yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakan siapa yang Engkau kehendaki. Segala kebaikan itu berada padaMu jua. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa dalam segala perkara. Engkau masukkan malam ke dalam siang dan Engkau masukkan siang ke dalam malam, Engkau keluarkan hidup daripada mati dan Engkau keluarkan mati daripada*

hidup. Dan Engkau kurniakan rezeki yang tidak terfikir kepada siapa yang Engkau kehendaki. dan mengucap:

سُبْحَانَ اللهِ.

Ertinya: *Maha Suci Allah.* (tiga puluh tiga kali) dan:

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ.

Ertinya: *Segala puji bagi Allah*. (Tiga puluh tiga kali) dan:

اللهُ أَكْبَرُ.

Ertinya: *Allah Maha Besar*. (Tiga puluh empat kali), kemudian dibacanya:

لاَ إِلٰهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيْتُ وَهُوَعَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ.

Ertinya: *Tiada Tuhan melainkan Allah jua, tiada sekutu bagiNya, kerajaan dan pujian itu bagiNya jua. Dialah yang menghidup dan mematikan sesuatu dan Dia amat berkuasa ke atas segala-galanya.*

Dan:

اللَّهُمَّ لاَ مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ وَلاَ مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ وَلاَ يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ

Ertinya: *Ya Allah! Tiada siapa yang dapat menegah pada apa yang Engkau kurniakan dan tiada siapa yang dapat memberi pada apa yang Engkau menegahnya dan tiada suatu usaha yang dapat menghalang seseorang daripada menerima habuannya daripada Engkau.*

Kemudian dibacanya doa:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مُوْجِبَاتِ رَحْمَتِكَ وَعَزَائِمَ مَغْفِرَتِكَ وَالْغَنِيْمَةَ مِنْ كُلِّ بِرٍّ وَالسَّلاَمَةَ مِنْ كُلِّ إِثْمٍ وَالْفَوْزَ بِالْجَنَّةِ وَالنَّجَاةَ مِنَ النَّارِ، اللَّهُمَّ اغْفِرْلَنَا وَارْحَمْنَا وَارْضَ عَنَّا وَتَقَبَّلْ مِنَّا، وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ وَنَجِّنَا مِنَ النَّارِ، وَأَصْلِحْ لَنَا شَأْنَنَا كُلَّهُ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الثَّبَاتَ فِي الأَمْرِ وَالْعَزِيْمَةَ وَالرُّشْدَ وَأَسْأَلُكَ شُكْرَ نِعْمَتِكَ وَحُسْنَ عِبَادَتِكَ وَأَسْأَلُكَ لِسَانًا صَادِقًا وَقَلْبًا سَلِيْمًا، وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا تَعْلَمُ وَأَسْتَغْفِرُكَ مِمَّا تَعْلَمُ، إِنَّكَ أَنْتَ عَلاَّمُ الْغُيُوْبِ، وَصَلَّى اللّٰهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُوْنَ، وَسَلاَمٌ عَلَى الْمُرْسَلِيْنَ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

Ertinya: *Ya Allah! Sesungguhnya aku bermohon kepadaMu perkara-perkara yang memestikan aku mendapat rahmat serta keampunanMu, faedah dalam setiap kebajikan, keselamatan daripada segala dosa, kejayaan mendapat syurga, dan kelepasan daripada neraka. Ya Allah! Ampunilah kami, kasihanilah kami, redhailah kami, terimalah segala permohonan kami, masukkanlah kami ke dalam syurga, lepaskanlah kami daripada neraka dan perbaikilah segala keadaan pada diri kami. Ya Allah! Sesungguhnya aku bermohon kepadaMu ketetapan, keteguhan dan petunjuk dalam urusan agama dan aku bermohon kepadaMu supaya aku bersyukur terhadap nikmatMu, memperelokkan ibadat terhadapMu dan aku bermohon lidah yang sentiasa bercakap benar dan hati yang sentiasa sejahtera. Dan aku berlindung*

padaMu daripada kejahatan yang Engkau mengetahuinya dan aku memohon keampunanMu daripada segala dosa yang Engkau mengetahuinya. Sesungguhnya Engkau adalah Tuhan yang Maha Mengetahui segala yang ghaib. Rahmat Allah dan kesejahteraanNya ke atas penghulu kami Muhammad, ahli keluarganya dan sahabatnya. Maha Sucilah Tuhanmu, Tuhan Yang Maha Mulia itu, daripada apa yang disifatkan oleh mereka, serta salam sejahtera ke atas sekalian rasul dan segala puji itu bagi Allah Tuhan sekalian alam.

Kemudian dibaca mu'awwidzataini:

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَـٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿١﴾

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ ٱلْفَلَقِ ﴿١﴾ مِن شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿٢﴾ وَمِن شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ﴿٣﴾ وَمِن شَرِّ ٱلنَّفَّـٰثَـٰتِ فِى ٱلْعُقَدِ ﴿٤﴾ وَمِن شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ﴿٥﴾

Ertinya: *Katakanlah (wahai Muhammad): Aku berlindung kepada Tuhan yang menguasai Subuh. Daripada segala kejahatan makhlukNya. Dan daripada kejahatan malam apabila telah gelap gelita. Dan daripada kejahatan wanita-wanita tukang sihir yang menghembus pada simpulan. Dan daripada kejahatan orang yang dengki apabila dia dengki*. (Surah al-Falaq: Ayat 1-5)

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَـٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿١﴾

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ ٱلنَّاسِ ﴿١﴾ مَلِكِ ٱلنَّاسِ ﴿٢﴾ إِلَـٰهِ ٱلنَّاسِ ﴿٣﴾ مِن شَرِّ ٱلْوَسْوَاسِ ٱلْخَنَّاسِ ﴿٤﴾ ٱلَّذِى يُوَسْوِسُ فِى صُدُورِ ٱلنَّاسِ ﴿٥﴾ مِنَ ٱلْجِنَّةِ وَٱلنَّاسِ ﴿٦﴾

Ertinya: *Katakanlah (Wahai Muhammad)! Aku Berlindung kepada Tuhan (yang memelihara dan menguasai) manusia, raja yang menguasai sekalian manusia. Sembahan (Tuhan yang berhak disembah oleh sekalian) manusia. Daripada kejahatan (bisikan) syaitan biasa bersembunyi.Yang membisikkan (kejahatan)ke dalam dada manusia. Dari (golongan) jin dan manusia.* (Surah al-Nas: Ayat 1-6)

Dan dibaca kemudian daripada sembahyang Subuh dan Maghrib:

رَضِيْتُ بِاللهِ رَبًّا وَبِالإِسْلاَمِ دِيْنًا وَبِمُحَمَّدٍ نَبِيًّا.

Ertinya: *Aku redha dengan Allah sebagai Tuhan, Islam sebagai agama dan Muhammad sebagai Nabi.* (Tiga kali) dan dibaca:

اللَّهُمَّ أَجِرْنَا مِنَ النَّارِ.

Ertinya: *Ya Allah! Tarikkanlah kami daripada api neraka.* (Tiga kali) dan:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْجَنَّةَ.

Ertinya: *Ya Allah! Sesungguhnya aku memohon syurga dariMu*. (Tiga kali) dan:

أَعُوْذُ بِكَلِمَاتِ اللهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ.

Ertinya: *Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna, daripada segala kejahatan makhlukNya*. (Tiga kali) dan:

بِسْمِ اللهِ الَّذي لاَ يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الأَرْضِ وَلاَ فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.

Ertinya: Dengan nama Allah, yang tiada suatu pun di bumi dan di langit, dapat memberi kemudharatan berserta namaNya. Dan Dialah Tuhan yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (Tiga kali) dan:

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ أَبُوْءُ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوْءُ لَكَ بِذَنْبِي فَاغْفِرْلِي، فَإِنَّهُ لاَ يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ إِلاَّ أَنْتَ.

Ertinya: *Ya Allah! Engkau adalah Tuhanku. Tiada Tuhan melainkan Engkau. Engkau telah menjadikan aku dan aku adalah hambaMu. Dan aku sentiasa berpegang kepada janjiMu sedaya upayaku. Aku berlindung denganMu daripada kejahatan yang aku telah lakukan. Aku kembali kepadaMu dengan nikmat yang Engkau kurniakan kepadaku, juga aku kembali kepadaMu dengan dosaku. Oleh itu ampunilah daku. Sesungguhnya tiada siapa yang dapat mengampuni dosa-dosa itu melainkan Engkau.*

Dan demikian lagi sayugianya diamalkan beberapa aurad (wirid) ini kerana faedahnya amat besar dan mewajibkan yang mengamalkan dia husnu al-khatimah iaitu dibaca pada pagi-pagi kemudian daripada sembahyang Subuh dan Maghrib:

سُبْحَانَ الدَّائِمِ الْقَائِمِ، سُبْحَانَ الْقَائِمِ الدَّائِمِ، سُبْحَانَ الْحَيِّ الْقَيُّوْمِ، سُبْحَانَ اللهِ الْعَظِيْمِ وَبِحَمْدِهِ سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْقُدُّوْسِ، سُبْحَانَ رَبِّ الْمَلاَئِكَةِ وَالرُّوْحِ.

Ertinya: *Maha Sucilah Tuhan yang Maha Kekal Berdiri, Maha Sucilah Tuhan yang Maha Berdiri berkekalan. Maha Sucilah*

Tuhan yang Maha Hidup lagi Maha Mengurus. Maha Sucilah Allah yang Maha Besar berserta dengan segala kepujianNya. Maha Sucilah Raja yang Qudus. Maha Sucilah Tuhan yang menjaga para malaikat dan Roh (Jibril). (Tiga kali). Dan demikian lagi:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْمَكْرِ وَالاِسْتِدْرَاجِ.

Ertinya: *Ya Allah! Sesungguhnya aku berlindung denganMu daripada penipuan dan putar belit seseorang.* (Tiga kali).

Dan demikian lagi istighfar al-'Arif al-Amjad al-Saiyid Al-Syarif 'Abdullah Ibnu al-Alawiy al-Haddad عليه من الله توالى الأمداد setengah daripada yang mewajibkan husnu al-khatimah tatkala hendak mati, dibaca kemudian daripada Maghrib empat kali:

أَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ الَّذِي لاَ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيْمُ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ الَّذِي لاَ يَمُوْتُ وَأَتُوْبُ إِلَيْهِ رَبِّ اغْفِرْلِي.

Ertinya: *Aku memohon keampunan kepada Allah yang Maha besar, yang tiada Tuhan melainkan Dia, Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, Maha Hidup lagi Maha Mengurus, yang tidak mati dan aku bertaubat kepadaNya. Wahai Tuhanku! Ampunilah daku.*

Dan demikian lagi barang yang dinaqal daripada Arif al-Bakri berkata ia: Barang siapa membaca akan selawat ini di dalam umurnya dan jikalau sekali sekalipun, dipeliharakan dia daripada api neraka dan mewajibkan bagi husnu al-Khatimah iaitu:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْفَاتِحِ لِمَا أُغْلِقَ وَالْخَاتِمِ لِمَا سَبَقَ وَالنَّاصِرِ الْحَقَّ بِالْحَقِّ وَالْهَادِي إِلَى صِرَاطِكَ الْمُسْتَقِيْمِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ حَقَّ قَدْرِهِ وَمِقْدَارِهِ الْعَظِيْمِ

Ertinya: *Ya Allah! Kurniakanlah rahmat ke atas Nabi Muhammad pembuka bagi apa yang diselak, penutup bagi perkara yang terdahulu, pemenang kebenaran dengan kebenaran, penunjuk ke jalan Engkau yang lurus. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atasnya serta ahli keluarga dan sahabatnya mengikut kedudukannya yang sebenar dan kadar kebesaran darjatnya.*

Doa-Doa Yang Mujarab

Faedah setengah daripada perkara yang sudah mujarab barang yang disebut oleh Saiyidi Muhammad Ghauthullah pada kitabnya yang bernama Jawahir: Bahawasanya barang siapa membaca pada hari 'Asyura tujuh puluh kali:

حَسْبِيَ اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ نِعْمَ الْمَوْلَى وَنِعْمَ النَّصِيْرُ.

Ertinya: *Aku cukup dengan Allah, sebaik-baik wakil, sebaik-baik tuan dan sebaik-baik pemberi pertolongan.*

Kemudian dibacanya akan doa ini kemudian daripadanya tujuh kali, nescaya tiada mengenai mati pada demikian tahun itu dan jika hampir ajalnya tiada diberi taufiq pada membacanya iaitu:

سُبْحَانَ اللهِ مِلْءَ الْمِيْزَانِ وَمُنْتَهَى الْعِلْمِ وَمَبْلَغَ الرِّضَى وَزِنَةَ الْعَرْشِ، لاَ مَلْجَأَ وَلاَ مَنْجَا مِنَ اللهِ إِلاَّ إِلَيْهِ، سُبْحَانَ اللهِ عَدَدَ الشَّفْعِ وَالْوِتْرِ

وَعَدَدَ كَلِمَاتِهِ التَّامَّاتِ كُلِّهَا، أَسْأَلُكَ السَّلاَمَةَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ وَلاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ، وَهُوَ حَسْبِي وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ نِعْمَ الْمَوْلَى وَنِعْمَ النَّصِيْرُ وَصَلَّى اللهُ عَلَى نَبِيِّنَا خَيْرِ خَلْقِهِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Ertinya: *Maha Suci Allah sepenuh timbangan, sehabis ilmu, setinggi keredhaan, seberat 'Arasy, tiada jalan melepas dan tiada jalan menyelamat diri daripada Allah melainkan kembali kepadaNya jua. Maha Suci Allah sebanyak bilangan yang genap dan ganjil dan sebanyak bilangan kalimah-kalimahNya yang sempurna sekaliannya. Aku bermohon kepadaMu keselamatan menerusi rahmatMu, wahai Tuhan yang amat penyayang tiada daya dan upaya kecuali dengan Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Besar. Dialah pencukupku, sebaik-baik wakil, sebaik-baik tuan dan sebaik-baik penolong. Rahmat Allah ke atas Nabi kami sebaik makhluk, penghulu kami Muhammad serta keluarga dan sahabatnya sekalian.*

Dan demikian lagi setengah daripadanya kata al-'Arif Billah Saiyidi al-Sanusi pada risalahnya yang bernama Mujarrabat نَفَعَنَا اللهُ بِبَرَكَتِهِ. Barang siapa membaca akan doa ini pada tiap-tiap hari dan tiap-tiap malamnya, tiada mengena akan dia anak panah dan tiada pedang dan tiada mencapai akan dia daripada seteru suatu yang dibencinya dan tiada mengena akan dia padah dan tiada mati selama ada ia membaca akan dia, maka jika dikehendak Allah akan sampai takdirnya, nescaya dilupa akan dia daripada membacanya dan iaitu:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ، وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ تَسْلِيْمًا دَائِمًا حَرَسْتُ نَفْسِي وَأَهْلِي وَمَالِي وَمَا حَضَرَنِي أَوْ غَابَ عَنِّي بِالْحَيِّ الْقَيُّوْمِ الَّذِي لاَ يَمُوْتُ وَأَلْجَأْتُ ظَهْرِي فِي حِفْظِ ذَلِكَ لِلْحَيِّ الْقَيُّوْمِ وَأَصْبَحْتُ وَأَمْسَيْتُ فِي جِوَارِ اللهِ الَّذِي لاَ يُرَامُ وَلاَ يُضَامُ وَلاَ يُسْتَبَاحُ وَفِي ذِمَّتِهِ وَضَمَانِهِ الَّذِي لاَ يَخْفِرُ ضَمَانَ عَبْدِهِ وَاسْتَمْسَكْتُ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَى رَبِّي وَرَبِّ كُلِّ شَيْءٍ وَرَبِّ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ لاَ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ فَاتَّخِذْهُ وَكِيْلاً تَوَكَّلْتُ عَلَى اللهِ وَاعْتَصَمْتُ بِاللهِ وَفَوَّضْتُ أَمْرِي إِلَى اللهِ نِعْمَ الْقَادِرُ اللهُ فَاللهُ خَيْرٌ حَافِظًا وَهُوَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِيْنَ، إِنَّ وَلِيِّيَ اللهُ الَّذِي نَزَّلَ الْكِتَابَ وَهُوَ يَتَوَلَّى الصَّالِحِيْنَ، وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ تَسْلِيْمًا عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَاءَ نَفْسِهِ وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَدَوَامَ مُلْكِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ، لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُوْلٌ مِنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيْزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيْصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِيْنَ رَءُوْفٌ رَحِيْمٌ، فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللهُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيْمِ.

Ertinya: *Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Rahmat Allah ke atas penghulu kami Muhammad*

serta keluarga dan sahabatnya serta ucapan salam yang berterusan. Aku kawal diriku, ahli keluargaku, hartaku dan apa yang hadir padaku ataupun apa yang ghaib daripadaku dengan Tuhan yang Maha Hidup lagi Maha Mengurus yang tidak mati. Aku lepaskan bahuku dalam memelihara semua itu kepada Tuhan yang Maha Hidup lagi Maha Mengurus. Pada waktu pagi dan petang aku berada dalam jagaan Allah yang tidak boleh dilontar, dizalimi dan diperlakukan sesuka hati, dan juga berada di dalam tanggungan dan jaminannya yang tidak dapat dilindungi oleh jaminan hambaNya. Dan aku berpegang dengan tali yang kukuh. Tuhanku, Tuhan setiap perkara dan Tuhan sekalian langit dan bumi, tiada Tuhan melainkan Dia. Maka jadikanlah Dia sebagai tempat berserah. Aku berserah kepada Allah dan berpegang denganNya. Aku lepaskan urusanku kepada Allah. Sebaik-baik yang berkuasa itu ialah Allah. Maka Allahlah penjaga yang paling baik dan Dialah yang paling Penyayang. Sesungguhnya Tuhanku ialah Allah yang menurunkan kitab Quran dan Dia menjadikan orang-orang soleh itu sebagai orang-orangNya. Rahmat Allah ke atas penghulu kami Nabi Muhammad serta keluarga dan sahabatnya serta salam sejahtera sebanyak bilangan makhlukNya, keredhaan diriNya, seberat timbangan 'ArasyNya, selama pemerintahanNya, dan sebanyak dakwat kalimah-kalimahNya. Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari jenis kamu yang amat bertanggungjawab di atas penderitaan kamu, sangat berusaha untuk kebaikan kamu, amat pemaaf dan penyayang terhadap orang-orang mukmin. Jika mereka itu berpaling tadah, maka katakanlah: Allah itu pencukup bagiku, tiada tuhan melainkan Dia, kepadaNya aku berserah dan Dialah Tuhan yang mentadbir 'Arasy yang Maha Besar.

Maka diulangkan:

فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللهُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيْمِ.

tujuh kali.

Kelebihan Sembahyang Berjemaah

Dan demikian lagi setengah daripada orang memeliharakan sembahyang dan yang mendirikan baginya, ia mengekalkan dan menyungguhkan atas mengerjakan dia dengan berjemaah kerana bahawasanya:

1. Orang yang sembahyang berjemaah itu lebih atas sembahyang seorang dirinya dengan dua puluh tujuh darjat seperti barang yang datang pada hadis. Maka orang yang memudahkan dengan laba ini dibangsakan laba pada agama lagi ukhrawi, pada hal tiada payah pada menghasilkan dia dan tiada patut pada mencapaikan dia, maka adalah orang itu orang yang memudahkan agamanya dan orang yang tiada menghiraukan dia.

2. Dan lagi kerana kata setengah ulama: Ia fardu kifayah, diperang akan orang yang meninggalkan dia.

3. Dan lagi pula kerana memeliharakan mazhab yang mengatakan orang yang jiran masjid, tiada harus sembahyang melainkan di dalam masjid jemaah.

3. Kata setengah ulama, membandingkan sembahyang berjemaah itu seperti air yang banyak tiada menajiskan dia kedatangan najis melainkan berubah rasanya atau warnanya atau baunya bersalahan air yang sedikit jadi najis dengan

kedatangan najis jikalau tiada berubah rasanya atau baunya sekalipun.

4. Dan demikian lagi, syaitan kuat ia atas orang yang sembahyang sendirinya itu tiada kuat ia atas orang yang sembahyang berjemaah.

5. Dan lagi orang yang sembahyang sendirinya itu tiada disurat melainkan barang yang diaqalkan dia dan sembahyang di dalam jemaah itu disuratkan baginya sembahyang yang sempurna jika tiada diaqalkan.

6. Dan lagi sembahyang berjemaah itu tali Allah yang disuruh kita berpegang dengan dia yang di dalam firman Allah Ta'ala:

وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا ..... ﴿١٠٣﴾

Berpegang kamu sekaliannya dengan tali Allah. (Surah Ali-'Imran: Ayat 103)

Maka tiap-tiap orang yang lalai akan dia itu, sungguhnya sangatlah besar ia lupa akan maslahah agamanya dan sedikit gemar ia daripada menyungguhkan pekerjaan akhirat. Maka tiada diketahui orang yang menuntut akan dunia menanggung ia akan penat dan payah ia kerjakan yang berat, berjaga malam dan berpanas ia sehari-hari. Manakala hasillah baginya maksudnya sesuku sejempol daripada labanya, nescaya lupa ia daripada menanggungkan akan payah-payah dan dimudahkan segala yang payah-payah dan membilangkan barang yang tercapai daripada laba dunia yang fani (binasa) itu akan tuannya yang amat besar.

7. Dan barang siapa tiada mengira-gira akan pekerjaan ini bagi dirinya bahawa adalah ia pada Allah dibilangkan daripada orang yang munafik, bahkan melainkan nyata ada padanya daripada uzur yang mengharuskan meninggalkan jemaah sebab maslahah pada agama atau pada dunianya.

8. Qaul yang mengatakan wajib ambil akan seorang sembahyang bersama-sama pada rumahnya supaya sejahtera daripada dosanya. Qaul yang mengatakan wajib atau lepas daripada makruh dan supaya mencapai dengan pahala jemaah.

9. Dan hasillah jemaah itu imam dan satu makmum jikalau dengan anaknya atau isterinya atau gundiknya atau khadamnya dan tiap-tiap banyak jemaah, banyak afdhal dan banyak pahalanya kerana diberi pahala dengan sebilang-bilang orang yang bersama-sama ia sembahyang dengan dia.

10. Dan bertambah labanya dan suci sembahyangnya istimewa jika ada imam itu orang yang soleh dan ahli al-Khair dan solah (baik).

11. Dan lagi disebut pada beberapa hadis bahawasanya tiap-tiap langkah yang dilangkahkan oleh hamba padanya berjalan menuntut berjemaah pahala yang amat besar iaitu disurat sepuluh kebajikan dan dihapuskan sepuluh kejahatan.

12. Dan yang menanti sembahyang kemudian daripada sembahyang itu setengah daripada yang mendatangkan dirinya kepada Allah umpama ia sembahyang Maghrib kemudian ia duduk menanti sembahyang Isyak dan yang menanti bagi sembahyang dibilangkan dia pada Allah orang yang sembahyang.

13. Dan orang yang duduk pada tempat sembahyang sentiasa malaikat minta ampunkan baginya dan didoakan dia hingga berhadas atau berkata perkataan yang tiada ta'luq padanya kebajikan.

14. Dan demikian lagi setengah daripada pekerjaan yang dicita-cita akan dia, duduk ia pada saf awal dan memenuhkan dia dan meratakan dia kerana besar fadhilatnya.

15. Maka yang terlebih mu'akkad yang dituntut itu berjemaah pada sembahyang Jumaat kerana wajib 'aini, kemudian berjemaah pada sembahyang Subuh dan pada Isyak, kemudian pada Asar, kemudian pada Zohor, kemudian pada Maghrib.

16. Maka apabila kita ketahui daripada kejahatan orang yang meninggalkan sembahyang berjemaah daripada janjian yang amat sangat, istimewa pula orang yang meninggalkan sembahyang Jumaat disuruh perang dan bakar rumah dan barang sebagainya.

Maka yang terlebih keji dan jahat, orang yang meninggalkan dia kerana ia setengah daripada fardu ain dengan muafakat Jumhur Ulama, haram dan dosa orang yang meninggalkan dia kerana sabda Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam:

مَنْ تَرَكَ ثَلاَثَ جُمَعٍ مِنْ غَيْرِ عُذْرٍ طَبَعَ اللهُ عَلَى قَلْبِهِ.

Barang siapa meninggalkan tiga Jumaat daripada ketiadaan diuzurkan dia, nescaya dimenterai Allah Ta'ala atas hatinya.

Dan ditanya orang akan Saiyidina Abdullah bin Abbas daripada seorang lelaki berdiri malam dan puasa siang hari dan tetapi tiada ia hadir akan Jumaat dan jemaah, maka jawabnya: Ia di dalam neraka.

Dan lagi sabda Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam:

مَنْ تَرَكَ الْجُمُعَةَ ثَلاَثًا مِنْ غَيْرِ عُذْرٍ فَقَدْ نَبَذَ الإِسْلاَمَ وَرَاءَ ظَهْرِهِ.

Barang siapa meninggalkan sembahyang Jumaat tiga kali daripada ketiadaan uzur, maka sanya telah melontarkan Islam di belakangnya.

Hari Jumaat Adalah Hari Yang Sangat Mulia Di Sisi Allah

Ketahui olehmu! Bahawasanya adalah hari Jumaat itu hari yang sangat mulia pada Allah kerana:

1. Ia penghulu segala hari.
2. Dan padanya dijadikan Adam 'alaihissalam.
3. Dan padanya berdiri hari kiamat.
4. Dan pada satu riwayat yang lain, dan sebaik-baik hari yang naik matahari daripadanya, dimerdeka Allah Ta'ala padanya enam ratus ribu pemerdekaan daripada api neraka. Barang siapa mati padanya, disurat Allah baginya pahala syahid dan dipeliharakan daripada fitnah kubur.
5. Dan sunat membanyakkan membaca selawat pada harinya dan malamnya dan membaca surah al-Kahfi.
6. Dan sunat mandi meniatkan bagi sunat Jumaat dan berpagi-pagi kepadanya dan membanyakkan mendengar kepada khutbah.

Permasalahan Menta'khirkan Sembahyang Jumaat

1. Dan setengah daripada bid'ah menta'khir Jumaat kerana menanti ahli pekan dan segala orang yang mempunyai pekerjaan mereka yang wajib atas mereka itu Jumaat.
2. Dan wajib atas orang yang memerintah pekerjaan bahawa keras atas mereka itu dan ditakutkan akan mereka itu takut orang yang ketinggalan daripada Jumaat kemudian daripada disuruh dan takut akan mereka itu dan tiada mudah atas wali al-Amri pada meninggalkan daripada menyuruh dan menakut akan mereka itu supaya dapat menyatakan syiar yakni zahir tanda agama Islam.

3. Dan dikeraskan dia supaya mendirikan fardu dan disuruh menjauhkan daripada yang diharamkan, jangan dimudahkan oleh mereka itu akan pekerjaan agama, maka jika tiada menghiraukan dia oleh wali al-Amri, maka dosanya itu atasnya sebab meninggalkan أَمْرٌ بِالْمَعْرُوْفِ dan نَهْيٌ عَنِ الْمُنْكَرِ.

4. Maka telah maklumlah sembahyang Jumaat itu, tiada dapat Jumaat melainkan ia dapat serakaat serta imam seperti dapat orang yang masbuk akan imam di dalam rukuknya serta tuma'ninah ia serta imam pada rakaat yang keduanya, maka didapatnya Jumaat, maka ia tambah serakaat lagi, dinyaringkan bacaannya. Dan jika dapat kemudian daripada rukuknya daripada rakaat yang kedua seperti ia dapat akan imamnya pada iktidal atau pada sujud pada rakaat yang kedua atau pada tahiyyat, maka luputlah Jumaatnya, maka wajib ia tamamkan sembahyang Zohor empat rakaat dengan diperlahankan bacaannya, bersalahan sembahyang berjemaah, ia dapat jemaahnya selama belum lagi memberi salam imamnya.

Dan demikian lagi, dapat Jumaat orang yang masbuk kepada orang yang mendapat serakaat serta imam Jumaat didapatnya pada rakaat yang keduanya atau pada rukuknya serta didapat tuma'ninah ia di dalam rukuknya serta imam, maka dapat Jumaat pula baginya.

Syarat Sah Jumaat

Dan telah maklumlah syarat sah Jumaat itu berjemaah dan sekurang-kurangnya empat puluh orang yang kamil yakni orang yang aqil baligh lagi merdeka, lagi mastautin lagi disyaratkan pula empat puluh orang yang sah sembahyang dirinya.

Maka jika ada di dalam empat puluh itu yang tiada sah sambahyangnya seperti ada setengahnya tiada tahu membaca fatihah yakni tiada kena membaca setengah daripada huruf fatihahnya jika taqsir (malas atau tidak bersungguh-sungguh) pada belajarnya, maka iaitu tiada sah sembahyang dirinya atau orang yang ummi yang taqsir pada belajar. Demikian jua tiada sah sembahyang dirinya, maka tiada dapat mereka itu dibilangkan empat puluh dengan ittifaq (sepakat) Syeikh Ibnu Hajar dan Syeikh Ramli.

Dan jika tiada taqsir pada belajarnya seperti belajar tiada dapatnya sekira-kira tiada boleh lagi dengan bersungguh ia sekira-kira lemahlah ia daripadanya dan tiada taqsir pada belajarnya, maka sahlah sembahyang dirinya. Maka kata Syeikh Ramli: Sahlah dibilangkan empat puluh dengan mereka itu apabila ada khatibnya dan imamnya itu qari yang kena membaca fatihah dan segala bacaannya yang wajib daripada tahiyyat dan takbiratul ihram dan lainnya. Kata Syeikh Ibnu Hajar: Tiada sah Jumaat dengan ummi dan orang yang tiada kena bacaannya yang wajib dibilangkan empat puluh dengan mereka itu jikalau bukan imam dan khatib sekalipun.

Dan sah dibilangkan orang yang mengiktikadkan sekaliannya perbuatan Jumaat daripada rukunnya dan syaratnya dan sunatnya, wajib sekaliannya atau setengahnya wajib dan setengahnya sunat tetapi jangan dibeza akan setengah daripada setengahnya sekira-kira ada iktikad yang wajib itu dikatakan sunat dengan ittifaq dua Syeikh itu.

Hukum Mengiringi Sembahyang Zohor Selepas Sembahyang Jumaat

Maka manakala diperoleh segala syarat Jumaat, maka sahlah Jumaatnya, maka manakala sahlah Jumaatnya, jangan lagi ia

iringkan dengan Zohor kemudian daripadanya. Dan tiada dituntut lagi sembahyang Zohor kerana Jumaat itu ganti Zohor. Maka tiada dituntut di dalam satu waktu dua fardu tetapi haram perbuatannya, tiada dapat pahalanya tetapi berdosa ia kerana tiada dikerjanya yang demikian itu pada zaman Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam dan pada zaman segala Khulafa' Ar-Rasyidin dan orang mutaqaddimin dan muta'akhirin dan orang yang mempunyai ilmu.

Dan tiada pula satu negeri yang muktabar seperti Mekah dan Madinah dan hanya dikerjakan di dalam negeri Mesir sembahyang Jumaat kemudian diiringkan dengan sembahyang Zohor kemudian daripadanya dengan sebab sangat banyak berbilang padanya beberapa tempat dan adalah pada negerinya beberapa mazhab ahlinya, ada Syafi'i dan Hanafi dan Maliki dan lagi pula sangat banyak makhluk sekira-kira tiada dapat berhimpun satu tempat dan dua tiga tempat.

Maka pada mazhab Imam Hanafi, sah berbilang Jumaat pada satu negeri dan satu dusun dan jikalau ketiadaan sesak sekalipun, maka tatkala itu berkehendaklah oleh orang yang mazhab Syafi'i mengulangi sembahyang Zohor kemudian daripada sembahyang Jumaat sebab berbilang Jumaat pada satu tempat dengan ketiadaan sesak atau sebab banyak berbilang-bilang kerana memeliharakan qaul yang mengata tiada sah berbilang Jumaat pada satu negeri sekali-kali, sama ada sesak pada satu masjid atau tiada.

Maka hasilnya pada masalah Jumaat yang berbilang pada satu negeri atau satu dusun, tiada sunyi daripada dua perkara, ada kalanya kerana hajat sesak, maka diharuskan berbilang kadar hajatnya atas qaul yang muktamadnya. Maka sahlah segala Jumaatnya sama ada yang dahulunya atau yang kemudian atau bersamaan tetapi sunat diiringi dengan Zohor yang jatuh kemudian atau bersamaan kerana hendak

memeliharakan qaul yang tiada mengharuskan berbilang-bilang sekali-kali. Dan yang jatuh dahulunya itu haram ia iringkan Zohor kemudian daripada Jumaatnya kerana sah Jumaatnya dengan tiada ada khilaf lagi padanya, maka tatkala itu tiada sah sembahyang Zohornya yang kemudian daripada Jumaat yang sah dengan ittifaq ulama padanya.

Dan jika kita kata sebab diiringi Zohor kemudian daripada Jumaat serta diperoleh bilang-bilangannya kerana banyak yang tiada tahu rukun sembahyang dan banyak yang tiada kena fatihahnya supaya ihtiyath (berhati-hati) pada ibadat, maka adalah yang demikian itu tiada disuruh mengulangi Zohor kemudian daripada Jumaat, sebab adalah yang demikian itu syak pada bilang-bilangan yang dimuktabarkan oleh syarak iaitu diperoleh orang yang kamalnya empat puluh. Maka tiada sah Jumaatnya dengan syak pada bilang-bilangan Jumaat muktabarnya, maka tiada harus ia kerjakan Jumaat tetapi haram lagi tiada sah Jumaatnya, maka sembahyang Zohornya itu wajib kemudian daripadanya.

Maka jika dikata orang: Hanya hamba taklid pada qaul qadim atau taklid pada satu mazhab daripada mazhab yang mengharuskan kurang bilangannya daripada empat puluh, maka yang demikian itu sah Jumaatnya di atas qaul itu, maka jadilah sembahyang Zohor kerana memeliharakan khilaf orang yang tiada mengesahkan dia.

Maka kita jawab katanya: Adapun taklid akan qaul qadim, maka adalah qaul qadim yang mengata sah tiga orang atau empat orang wajib Jumaat itu khilaf ulama yang menyabitkan qaul itu daripada mazhab imam kita Syafi'i.

Dan jika kita fardukan thabitnya qaul itu daripada mazhab Syafi'i, maka tempatnya harus itu jikalau tiada ada di dalam dusun itu melainkan yang kurang daripada empat puluh tiada yang lainnya, maka hendak ia sembahyang Jumaat juga, maka

haruslah ia taklid sebab tiada ada maujud empat puluh orang sekali-kali padanya.

Maka adalah pada masalah ini kita kata jawabnya: Taklid itu sungguhnya harus jua, tiada sunat dan tiada wajib taklidnya. Maka kita peliharakan qaul yang mengata tiada sah Jumaatnya dengan yang kurang bilang-bilangannya daripada empat puluh, lagi haram mendirikan terlebih aula lagi terlebih afdhal kita peliharakan daripada mengerjakan yang haram daripada memeliharakan qaul yang mengharuskan taklid jua yang iaitu qaul dhaif.

Dan lagi adalah yang demikian orang yang memudahkan agama Islam sebab tiada ia أَمْرٌ بِالْمَعْرُوْفِ (menyuruh mengerjakan perkara yang baik) dan نَهْيٌ عَنِ الْمُنْكَرِ (melarang mengerjakan perkara yang mungkar), maka yang demikian itu dosanya amat besar lagi balanya umum. Maka wajib atas orang yang kuasa daripada raja-raja dan hulu balang dan lainnya bahawa menyuruh mereka itu belajar dengan dikeras dan dengan menakut akan mereka itu dan jikalau dengan perang sekalipun kerana mereka itu pada hukum syarak ia meninggalkan sembahyang kerana sembahyang tiada sah sebab tiada tahu rukun sembahyangnya atau sebab tiada kena huruf fatihah bacaannya dan tiada ia belajar mereka itu dan berdosa segala orang yang kuasa menyuruh mereka itu ia belajar dan wajib atas segala orang yang tahu mengajar mereka itu kerana terhenti sah Jumaat dengan dia, maka wajib pula.

Maka inilah setengah daripada sebesar-besar mungkarat, maka tiada diuzur pada kita meninggal dia. Dan tiap-tiap orang yang tiada mengikut, maka wajiblah oleh raja-raja menjanji seksa akan mereka itu dengan perang dan lainnya. Maka wajib kita marahkan akan sehingga-hingga marah seperti kita marahkan akan orang yang membinasakan harta kita dan lebih lagi, maka tatkala itu wajib kita sembahyang Zohor

jua, sebab tiada diperoleh syarat sah Jumaat dan tiada berdosa ia meninggalkan Jumaat pada masa itu, tetapi hendaklah ia sungguh-sungguh menyuruh akan mereka itu belajar malam dan siang dan haram ia dirikan Jumaat, sebab tiada diperoleh empat puluh. Maka kita mengeras أَمْرٌ بِالْمَعْرُوْفِ itu terlebih aula dan afdhal kerana wajib lagi fardu ain atas orang yang kuasa daripada kita duduk berbuat ibadat yang ada yang mengata haram mengerjakan dia.

Istimewa lagi, tiada sah sembahyang Jumaat atas qaul yang muktamad yang difatwakan dengan ittifaq segala ulama Syafi'i daripada kita memeliharakan qaul dhaif yang adalah padanya ikhtilaf ulama menyabitkan dia daripada Syafi'i dan yang kebanyakannya tiada menyabitkan qaul yang mengesahkan dia pada mazhab Syafi'i.

Dan jika dikata: Hamba taklid Imam Abu Hanifah yang mengharuskan dengan tiga orang atau taklid Imam Maliki yang mengharuskan delapan (8) orang atau dua belas orang atau dua puluh orang itu pun tiada sah pula taklidnya kerana tiada orang yang tahu hukum pada dua imam itu apa yang wajibnya dan syaratnya. Dan tiada dapat tiada pada keduanya supaya kita peliharakan jangan jadi talfiq hukum atas segala orang yang awam dan orang yang khawas, tiada tahu pula tetapi mazhab dirinya ia tiada tahu, maka betapa mazhab orang lain pula.

Hukum Meninggalkan Sembahyang Lima Waktu

Maka hasillah pekerjaan ini keberatan atas wali al-Umur dan dosa yang besar-besar atasnya jika tiada mereka itu menghiraukan pekerjaan agama istimewa sembahyang yang lima waktu dan mendirikan dia dengan berjemaah dan mendirikan sembahyang Jumaat seperti yang disuruh syarak.

Maka adalah ia daripada yang terlebih diingkar daripada segala yang mungkar dan terlebih akbar daripada kaba'ir dan terlebih afhasy daripada segala muharramat.

Dan telah datang hadis daripada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dengan mengkufurkan orang yang meninggalkan sembahyang. Sabda Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam:

الْعَهْدُ الَّذِي بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمُ الصَّلاَةُ فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ كَفَرَ.

Bermula janjian yang antara kami dan antara mereka itu sembahyang, maka barang siapa meninggalkan dia, maka sanya telah kufur ia.

Dan lagi sabda Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam:

مَنْ تَرَكَ الصَّلاَةَ مُتَعَمِّدًا فَقَدْ كَفَرَ جِهَارًا.

Barang siapa meninggalkan sembahyang dengan sengajanya, maka sanya telah kufur hal keadaannya nyata.

Dan pada hadis yang lain:

مَنْ تَرَكَ الصَّلاَةَ فَقَدْ بَرِئَتْ مِنْهُ ذِمَّةُ اللهِ تَعَالَى وَذِمَّةُ رَسُوْلِهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Barang siapa meninggalkan sembahyang, maka sungguhnya telah lepaslah ia daripadanya janjian Allah Ta'ala dan janjian RasulNya.

Dan lagi sabda Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam:

مَنْ حَافَظَ عَلَى الصَّلاَةِ كَانَتْ لَهُ نُوْرًا وَبُرْهَانًا وَنَجَاةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Barang siapa memeliharakan atas sembahyang adalah ia baginya nur dan burhan yakni petunjuk dan kelepasan pada

hari kiamat.

وَمَنْ لَمْ يُحَافِظْ عَلَيْهَا لَمْ يَكُنْ نُوْرًا وَلاَ بُرْهَانًا وَلاَ نَجَاةً وَكَانَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَعَ فِرعَوْنَ وَقَارُوْنَ وَهَامَانَ وَأُبَيِّ بْنِ خَلَفٍ.

Dan barang siapa tiada memeliharakan atasnya, tiada ada nurnya dan burhan dan kelepasan dan adalah pada hari kiamat serta Fir'aun dan Qarun dan Haman dan Ubai anak Khalaf.

Maka sungguhnya telah dinaskan daripada beberapa hadis Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dengan kufur yang meninggalkan sembahyang.

Dan demikian lagi datang daripada beberapa sahabat dan salaf yang soleh-soleh hingga berkata setengah daripada mereka itu: "Tiada aku dengar akan sahabat berkata mereka itu pada sesuatu daripada segala amal jika meninggalkan dia jadi kafir melainkan sembahyang," maka takut olehmu kemudian, maka takut pada meninggalkan sembahyang atau meninggalkan suatu daripadanya, maka bahawasanya jika tiada engkau perbuat seperti yang demikian itu, maka sungguhnya binasalah engkau setengah daripada orang yang binasa dan rugilah engkau dunia dan akhirat. Maka yang demikian itu ialah orang yang kerugian yang amat nyata.

Tanggungjawab Orang Yang Berkuasa

Dan demikian lagi wajib atas kita bahawa kita keraskan atas ahli dan anak kita dan orang yang di bawah hukum kita pada mendirikan sembahyang dan jangan kita tinggalkan bagi mereka itu uzur daripada meninggalkan dia dan orang yang tiada mendengar dan tiada mengikut, maka hendaklah kita takutkan dan kita marahkan atas mereka itu sangat-sangat

marah dan sangat kita luatkan mereka itu dan bencikan seperti kita marahkan mereka itu jika ia membinasakan harta kita dan lebih lagi pula kita ingkar akan mereka itu kerana Allah Ta'ala. Maka jika tiada kita kerjakan yang demikian itu, maka adalah kita jumlah daripada orang yang memudahkan agama dan memudahkan tuntutan Allah Ta'ala dan suruhNya. Dan barang siapa yang tiada menerima akan suruhNya dan tiada memberi bekas suruhNya, maka diseksa akan dia. Dan jika tiada memberi faedah barang yang kita takut akan dia, maka hendaklah kita suruh jauh daripada kita dan halau akan dia daripada kita, maka bahawasanya ia syaitan, tiada kebajikan daripadanya dan tiada berkat beserta kita dengan mereka itu. Dan haramlah kita berkasih-kasih dan sekedudukan serta mereka itu, maka wajib kita berseteru akan dia dan memutuskan daripada berkenal-kenalan dengan dia kerana ia melawan akan hukum Allah dan RasulNya seperti firman Allah Ta'ala:

لا تَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْأَخِرِ يُوَآدُّونَ مَنْ حَآدَّ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَلَوْ كَانُوٓا۟ ءَابَآءَهُمْ أَوْ أَبْنَآءَهُمْ ..... ﴿٢٢﴾

hingga akhir ayat.

Ertinya: *Tiada engkau dapat akan kaum yang percaya mereka itu dengan Allah dan percaya mereka itu akan hari yang kemudian berkasih mereka itu akan orang yang menyalahi akan Allah Ta'ala dan RasulNya dan jikalau adalah mereka itu bapa-bapa mereka itu dan anak-anak mereka itu* ….. hingga akhir ayat.

Maka menafikan iman daripada orang yang berkasih dengan orang yang menyalahi bagi Allah dan bagi RasulNya, jikalau ada mereka itu orang yang terlebih hampir daripada segala keluarganya dan sehingga barang yang dimaafkan bagi orang yang awam yang lalai yang terkelam di dalam lalainya.

Hukum Bagi Orang Yang Luput Sembahyang

Manakala luput akan dia sembahyang, hendaklah diqada'kan dengan bersegera, kemudian taubat ia daripada kembali kepada umpama yang demikian itu. Adapun yang mensia-siakan dia, maka tiada jalan sekali-kali, maka betapa dan jikalau ada ia keluarkan sembahyang daripada waktunya yang lain daripada ketidurannya, dosa yang amat besar dan jikalau ada ia bersegera mengqada' akan dia sekalipun dan tiada diuzurkan membimbangkan dengan dunia dan lainnya daripada sembahyang melainkan kerana ketiduran atau lupa jua, maka hanyalah.

Dan wajib atas orang memerintah pekerjaan muslimin bahawa menyuruh dan menanggungkan akan segala umat yang umum atas mengerjakan sembahyang yang lima waktu dan jemaah dan Jumaat demikian jua. Dan wajib pula atas mereka itu bahawa diseksa akan mereka itu akan orang yang mengeluarkan sembahyang daripada waktunya sebab segan bukan kerana ingkar, disuruh taubat dan sembahyang. Jikalau tiada mengikut, dibunuhnya akan dia atau diperangnya atau lainnya hingga mereka itu mengerjakan dia. Dan haram lagi berdosa apabila diam oleh orang yang memerintahkan pekerjaan umat daripada orang yang besar-besar seperti raja jika mengetahui akan mereka itu tiada mengerjakan yang tersebut itu dan tiada dimudahkan atasnya daripada melalaikan pekerjaan umat ini. Dan demikian lagi pada segala pekerjaan agama mereka itu daripada zakat dan puasa dan lainnya seperti sembahyang jua.

Memelihara Segala Jenis Sembahyang Sunat

Dan setengah daripada kesempurnaan orang yang memeliharakan atas sembahyang dan mendirikan dia, membaikkan memeliharakan segala sunat rawatibnya dan segala sunat yang dituntut oleh syarak mengerjakan dia dahulu daripada sembahyang fardu dan yang kemudiannya kerana adalah yang demikian itu segala sunat ia menampalkan kekurangan fardunya, maka apabila jatuh pada fardu kekurangannya atau cedera sebab sedikit khusyuknya dan ketiadaan hadir hati lalainya daripada yang demikian itu adalah segala sunatnya itu menyempurnakan bagi demikian kurangnya dan membaikkan bagi demikian cedera itu. Dan jikalau tiada sunatnya, maka tinggallah sembahyang fardunya itu kurang dan cedera dan luputlah ia daripada fadhilat yang amat besar yang dijanji bagi orang yang mengerjakan dia. Dan bagi orang yang mengerjakan dia, dapat darajat yang tinggi.

Dan lagi adalah segala sunat itu labanya dan fardu itu kepala modalnya. Dan apa faedah orang yang berniaga yang tiada dapat laba kerana fardu itu Allah Subhanahu wa Ta'ala fardukan dia dan sunatnya itu ia mendatangkan dirinya lagi menuntut dikasih dan diredhaNya akan dia dan sungguhnya telah datang bahawasanya pertama-tama sesuatu yang dihisab atasnya akan hambaNya itu sembahyang, maka apabila didapatnya kurang, dikatakan tilik oleh kamu adakah baginya daripada yang sunat yang disempurnakan dengan dia akan sembahyangnya.

1. Sembahyang Sunat Rawatib

Dan adalah rawatib itu terbahagi ia atas dua bahagi:

Pertamanya: Rawatib yang mu'akkad.

Iaitu dua rakaat dahulu daripada Subuh dan dua rakaat dahulu daripada Zohor dan dua rakaat kemudian daripadanya. Bermula sembahyang Jumaat demikian jua seperti Zohor dan dua rakaat kemudian daripada Maghrib dan dua rakaat kemudian daripada Isyak iaitu sepuluh rakaat.

Dan yang keduanya: Sunat rawatib ghair mu'akkad.

Iaitu dua belas rakaat, dua rakaat dahulu daripada Zohor dan Jumaat dan dua rakaat kemudian daripada keduanya dan empat rakaat dahulu daripada Asar dan dua rakaat dahulu daripada Maghrib dan dua rakaat dahulu daripada Isyak.

Maka dinamakan sunat yang mu'akkad dan ghair mu'akkad sekaliannya rawatib dan tawabi' bagi fara'idh. Maka wajib disebutkan rawatib yang ada qabliyyah dan yang ba'diyyah itu disebutkan akan qabliyyah dan ba'diyyah dan yang tiada ba'diyyah, tiada disebut akan qabliyyah seperti dikatanya:

أُصَلِّي سُنَّةَ الصُّبْحِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى.

Sahaja aku sembahyang sunat Subuh dua rakaat kerana Allah Ta'ala.

Atau:

أُصَلِّي سُنَّةَ الْعَصْرِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى.

Sahaja aku sembahyang sunat Asar dua rakaat kerana Allah Ta'ala.

Dan pada Zohor atau Maghrib atau Isyak:

أُصَلِّي سُنَّةَ الظُّهْرِ قَبْلِيَّةً لِلّٰهِ تَعَالَى.

Sahaja aku sembahyang sunat Zohor qabliyyah kerana Allah Ta'ala.

Atau:

أُصَلِّي سُنَّةَ الظُّهْرِ بَعْدِيَّةً لِلّٰهِ تَعَالَى.

Sahaja aku sembahyang sunat Zohor ba'diyyah kerana Allah Ta'ala.

Maka qiaskan pada Maghrib dan Isyak seperti yang demikian itu jua.

2. Sembahyang Sunat Witir

Dan setengah daripada sunat yang mu'akkad dikerjakan dan dikekalkan mengerjakan dia, sembahyang witir. Sabda Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam:

الْوِتْرُ حَقٌّ فَمَنْ لَمْ يُوْتِرْ فَلَيْسَ مِنَّا.

Bermula sembahyang witir sebenarnya, maka barang siapa tiada mengerjakan witir, maka tiadalah daripada kami.

Dan sebanyak-banyak sembahyang witir itu sebelas rakaat dan sekurang-kurangnya serakaat tetapi sayugianya jangan dikerjakan dia serakaat jua kerana khilaf al-aula. Dan tiada mengapa ia simpankan sekurang-kurang akmalnya tiga rakaat, dibaca ayatnya pada rakaat yang pertama kemudian daripada fatihah:

سَبِّحِ ٱسْمَ رَبِّكَ ٱلْأَعْلَى ﴿١﴾

Dan pada rakaat yang keduanya kemudian daripada fatihah:

قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿١﴾

Dan pada rakaat yang ketiganya kemudian daripada fatihah:

قُلۡ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾

Demikianlah lafaz niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ الْوِتْرِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى.

Sahaja aku sembahyang sunat witir dua rakaat kerana Allah Ta'ala.

Dan pada lafaz niat yang serakaat itu demikian bunyinya:

أُصَلِّي سُنَّةَ الْوِتْرِ رَكْعَةً لِلّٰهِ تَعَالَى.

Sahaja aku sembahyang sunat witir satu rakaat kerana Allah Ta'ala.

3. Sembahyang Sunat Dhuha

Dan setengah daripada sembahyang sunat yang mu'akkad pada Dhuha, sabda Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam:

مَنْ حَافَظَ عَلَى شَفْعَةِ الضُّحَى غُفِرَتْ لَهُ ذُنُوْبُهُ وَإِنْ كَانَتْ مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ.

Barang siapa memeliharakan atas dua rakaat Dhuha, diampunkan baginya segala dosanya dan jikalau ada ia seumpama buih di laut.

Dan lagi sabda Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam: *Berpagi-pagi atas tiap-tiap segala sendi daripada seorang kamu berkehendak sedekah, maka tiap-tiap tasbih sedekah dan tiap-tiap tahmid sedekah dan tiap-tiap tahlil sedekah dan tiap-tiap takbir sedekah dan menyuruh dengan ma'ruf sedekah dan tegah*

daripada munkar sedekah.

Dan memadai daripada yang demikian dua rakaat yang disembahyangkan keduanya daripada sunat Dhuha. Maka adalah sekurang-kurangnya dua rakaat, demikian lafaz niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ الضُّحَى رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى.

Sahaja aku sembahyang sunat Dhuha dua rakaat kerana Allah Ta'ala.

Dan sebanyaknya delapan (8) rakaat. Kata qil: Dua belas rakaat. Waktunya: Kemudian daripada naik matahari segalah dan yang afdhalnya serubu' hari. Dan dibacakan surah kemudian daripada fatihah pada rakaat yang pertama:

وَٱلشَّمْسِ وَضُحَىٰهَا ﴿١﴾

Dan pada rakaat yang kedua kemudian daripada fatihah:

وَٱلضُّحَىٰ ﴿١﴾ وَٱلَّيْلِ إِذَا سَجَىٰ ﴿٢﴾

4. Sembahyang Sunat Isyrak

Dan sunat pula memeliharakan sunat Isyrak dua rakaat. Waktunya: Naik matahari sekira-kira lepas waktu karahiyah. Dan lafaz niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ الإِشْرَاقِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى.

Aku sembahyang sunat Isyrak dua rakaat kerana Allah Ta'ala.

Dan dibaca ayatnya:

قُلْ يَـٰٓأَيُّهَا ٱلْكَـٰفِرُونَ ﴿١﴾

Dan:

قُلۡ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾

5. Sembahyang Sunat Awwabin

Dan demikian lagi, sunat memeliharakan Awwabin iaitu dua puluh rakaat dan sekurang-kurangnya dua rakaat, dan waktunya antara Maghrib dan Isyak. Demikian lafaz niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ الأَوَّابِينْ رَكْعَتَيْنْ لِلّٰهِ تَعَالَى.

Aku sembahyang sunat Awwabin dua rakaat kerana Allah Ta'ala.

6. Sembahyang Sunat Zawal

Dan demikian lagi sunat Zawal, demikian lafaz niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ الزَّوَالِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى.

Aku sembahyang sunat Zawal dua rakaat kerana Allah Ta'ala.

7. Sembahyang Sunat Tahiyyatul Masjid

Dan demikian lagi, dua rakaat sunat tahiyyatul masjid. Lafaz niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ تَحِيَّةِ الْمَسْجِدِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى.

Sahaja aku sembahyang sunat tahiyyatul masjid dua rakaat kerana Allah Ta'ala.

8. Sembahyang Sunat Wuduk

Dan sunat wuduk. Lafaz niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ الْوُضُوْءِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى.

Sahaja aku sembahyang sunat wuduk dua rakaat kerana Allah Ta'ala

9. Sembahyang Sunat Musafir

Dan dua rakaat sunat orang yang hendak pergi-pergian. Demikian lafaz niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ السَّفَرِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى.

Aku sembahyang dua rakaat sunat as-Safar kerana Allah Ta'ala.

10. Sembahyang Sunat Qudum

Dan demikian lagi sunat qudum, demikian lafaz niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ الْقُدُوْمِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى.

Sahaja aku sembahyang sunat qudum dua rakaat kerana Allah Ta'ala.

11. Sembahyang Sunat Taubat

Dan dua rakaat sunat taubat, demikian lafaz niatnya:

أُصَلِّي رَكْعَتَيْنِ سُنَّةَ التَّوْبَةِ لِلّٰهِ تَعَالَى.

Aku sembahyang dua rakaat sunat taubat kerana Allah Ta'ala.

12. Sembahyang Sunat Berkahwin

Dan dua rakaat sunat berkahwin, demikian lafaz niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ الْعَرُوْسِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى.

Sahaja aku sembahyang dua rakaat sunat berkahwin kerana Allah Ta'ala.

13. Sembahyang Sunat Perhentian

Dan dua rakaat sunat perhentian bagi orang yang musafir, demikian lafaz niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ الْمَنْزِلِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى.

Sahaja aku sembahyang sunat perhentian dua rakaat kerana Allah Ta'ala.

14. Sembahyang Sunat Ihram

Dan dua rakaat sunat Ihram, demikian lafaznya:

أُصَلِّي رَكْعَتَيْنِ سُنَّةَ الإِحْرَامِ رَكْعَتَنْ لِلّٰهِ تَعَالَى.

Sahaja aku sembahyang dua rakaat sunat Ihram kerana Allah Ta'ala.

Sama ada ihram haji atau umrah.

15. Sembahyang Sunat Tawaf

Dan dua rakaat sunat tawaf, demikian lafaz niatnya:

أُصَلِّي رَكْعَتَيْنِ سُنَّةَ الطَّوَافِ لِلّٰهِ تَعَالَى.

Sahaja aku sembahyang dua rakaat sunat tawaf kerana Allah Ta'ala.

16. Sembahyang Istikharah

Dan dua rakaat sunat Istikharah bagi orang yang kesamaran antara dua pekerjaan. Pinta Allah Subhanahu wa Ta'ala memilih kebajikan baginya. Demikianlah lafaz niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ الاِسْتِخَارَةِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى. اللهُ أَكْبَرُ.

Sahaja aku sembahyang dua rakaat sunat Istikharah kerana Allah Ta'ala. Allahu Akbar.

Maka dibacanya surah kemudian daripada fatihah pada rakaat yang pertama:

قُلۡ يَـٰٓأَيُّهَا ٱلۡكَـٰفِرُونَ ١

Dan pada rakaat yang kedua kemudian daripada fatihah:

قُلۡ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ١

Kemudian daripada memberi salam, dibacanya akan doa yang dibaca oleh Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam iaitu:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْتَخِيرُكَ بِعِلْمِكَ وَأَسْتَقْدِرُكَ بِقُدْرَتِكَ، وَأَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ الْعَظِيْمِ فَإِنَّكَ تَقْدِرُ وَلاَ أَقْدِرُ وَتَعْلَمُ وَلاَ أَعْلَمُ وَأَنْتَ عَلاَّمُ الْغُيُوْبِ، اللَّهُمَّ إِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنَّ هَذَا الأَمْرَ خَيْرٌ لِّي فِي دِيْنِي وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ أَمْرِي عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ فَاقْدُرْهُ لِي وَيَسِّرْهُ لِي ثُمَّ بَارِكْ لِي فِيْهِ وَإِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنَّ هَذَا الأَمْرَ شَر لِّي فِي دِيْنِي وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ أَمْرِي عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ فَاصْرِفْهُ عَنِّي وَاقْدُرْلِي الْخَيْرَ حَيْثُ كَانَ ثُمَّ

أَرْضِنِي بِهِ.

Ertinya: *Ya Allah! Sesungguhnya aku memohon pemilihanMu menerusi pengetahuanMu dan aku memohon kekuatanMu menerusi kudratMu serta aku minta padaMu sebahagian dari limpah kurniaMu yang sangat besar. Sesungguhnya Engkau amat berkuasa sedangkan aku tidak berkuasa. Engkau amat mengetahui sedangkan aku tidak mengetahui dan sesungguhnya Engkau amat mengetahui segala yang ghaib. Ya Allah! Kiranya Engkau mengetahui bahawa perkara ini adalah baik bagiku dalam urusan agamaku, juga dalam urusan penghidupanku serta natijah pada urusanku, kini dan akan datang, maka tetapkanlah ia bagiku dan permudahkanlah ia untukku, serta berkatilah daku padanya. Dan kiranya Engkau mengetahui bahawa perkara ini membawa kejahatan kepadaku dalam urusan agamaku, juga dalam urusan penghidupanku dan natijah urusanku, kini dan akan datang, maka elakkanlah ia dariku dan tetapkanlah kebaikan untukku sebagaimana sepatutnya, kemudian jadikanlah daku meredhainya*. (Riwayat Bukhari).

Maka disebut akan hajatnya pada katanya:

إِنَّ هَذَا الأَمْرَ.

pada dua tempat itu.

17. Sembahyang Sunat Hajat

Dan setengah daripadanya sunat sembahyang hajat dua rakaat, demikian lafaz niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ الْحَاجَةِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى. اللهُ أَكْبَرُ.

Sahaja aku sembahyang sunat hajat dua rakaat kerana Allah Ta'ala.

Maka dibacakan ayatnya:

قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿١﴾

pada rakaat yang pertama dan:

قُلْ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾

pada rakaat yang keduanya. Dan kemudian daripada salam dibacanya:

الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا يُوَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِئُ مَزِيْدَهُ يَارَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيْمِ سُلْطَانِكَ.

Pujian itu bagi Allah, pujian yang akan menyempurnakan nikmatNya dan menjaminkan pertambahannya. Wahai Tuhan kami! Pujian itu bagi Engkau sebagaimana yang selayaknya bagi kemuliaan wajah Engkau dan kebesaran kekuasaan Engkau.

Kemudian maka ia selawat akan Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam seperti selawat yang di dalam tasyahhud akhir:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ فِي الْعَالَمِيْنَ، إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ.

Ya Allah! Rahmatilah Nabi Muhammad serta ahli keluarga Nabi Muhammad, sebagaimana Engkau rahmati Nabi Ibrahim dan ahli keluarga Nabi Ibrahim. Dan berkatilah Nabi Muhammad serta ahli keluarga Nabi Muhammad sebagaimana Engkau berkati Nabi Ibrahim dan ahli keluarga Nabi Ibrahim di seluruh alam. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia.

Kemudian memohonkan Allah Ta'ala akan hajatnya, maka selawat pula:

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

Moga-moga Allah mencucuri rahmat dan kesejahteraan ke atas penghulu kami Nabi Muhammad serta ahli keluarga dan sahabat-sahabatnya.

kemudian maka dibacanya:

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُوْنَ وَسَلاَمٌ عَلَى الْمُرْسَلِيْنَ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

Maha sucilah Tuhan Engkau, Tuhan yang Mulia itu daripada apa yang mereka sifatkan. Dan selamat sejahteralah sekalian Rasul dan pujian itu bagi Allah, Tuhan yang mentadbir sekalian alam.

atau dibacanya kemudian daripada salam:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ، سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِيْنَ، حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ، إِنِّي مَسَّنِيَ الضُّرُّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِيْنَ، وَأُفَوِّضُ أَمْرِي إِلَى اللهِ إِنَّ اللهَ بَصِيْرٌ بِالْعِبَادِ، يَا مَنْ ذِكْرُهُ شَرَفُ الذَّاكِرِيْنَ، يَا مَنْ طَاعَتُهُ نَجَاةُ الطَّائِعِيْنَ، وَيَا مَنْ رَأْفَتُهُ مَلْجَأُ الْعَالَمِيْنَ، وَيَا مَنْ لاَ يَخْفَى عَلَيْهِ نَبَأُ ارْحَمْنِي بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

Dengan nama Allah Tuhan yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Tiada Tuhan kecuali Allah. Maha suci Engkau, sesungguhnya aku adalah dari kalangan orang-orang yang zalim. Cukuplah daku dengan Allah dan Dia adalah sebaik-baik wakil untuk berserah. Sesungguhnya aku telah ditimpa kesusahan sedang Engkau adalah Tuhan yang amat mengasihani, aku menyerahkan urusanku ini kepada Allah. Sesungguhnya Allah itu amat melihat pada sekalian hamba. Wahai Tuhan yang zikirNya adalah semulia para penzikir, wahai Tuhan yang ketaatanNya menyelamatkan sekalian orang yang taat, wahai Tuhan yang belas kasihanNya dapat melepaskan sekalian makhluk dan wahai Tuhan yang segala perkhabaran tidak terlepas daripada pengetahuanNya. Wahai Tuhan yang Maha Pengasih, kasihanilah daku dengan rahmatMu.

18. Sembahyang Sunat Tasbih

Dan setengah daripadanya sunat kita mewadzabahkan yakni mengekalkan dan mengamalkan sembahyang tasbih kerana amat besar fadhilatnya lagi amat besar kadarnya pada Allah Ta'ala serta muafakat segala ulama pada suruh mengerjakan dan mengekalkan dia pada tiap-tiap hari jika kuasa, maka jika tiada, maka tiap-tiap Jumaat dan jika tiada, maka tiap-tiap bulan dan jika tiada, maka tiap-tiap tahun sekali dan jika tiada, maka di dalam seumur hidup sekali. Maka diampunkan dia Allah dosanya jikalau ada barang ada dan jikalau sebilang-bilang buih di laut dan kersik (pasir) di pantai dan sama ada dosanya yang disengajanya atau tersalahnya dan yang lamanya dan baharunya dan nyatanya dan sembunyinya. Demikianlah yang tersebut pada hadis iaitu empat rakaat dengan satu salam atau dua salam, demikian lafaz niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ التَّسْبِيْحِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى. اللهُ أَكْبَرُ.

Sahaja aku sembahyang sunat Tasbih dua rakaat kerana Allah Ta'ala. Allahu Akbar.

Kemudian dibaca surah:

إِذَا زُلۡزِلَتِ ٱلۡأَرۡضُ زِلۡزَالَهَا ۝١

pada rakaat yang pertamanya dan surah:

وَٱلۡعَٰدِيَٰتِ ضَبۡحٗا ۝١

pada rakaat yang kedua dan surah:

أَلۡهَىٰكُمُ ٱلتَّكَاثُرُ ۝١

pada yang ketiganya dan:

قُلۡ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ۝١

pada yang keempatnya.

Maka adalah ia dua kaifiat:

۞ Yang pertama: Dibacakan tasbihnya pada tiap-tiap rakaat kemudian daripada fatihah dan surah 15 kali. Atau dibaca tasbihnya 15 kali dahulu daripada membaca fatihah dan surah dan 10 kali kemudian daripada keduanya atas kaifiat yang keduanya, jadi 25 tasbih di dalam tiap-tiap qiam. Dan atas kata yang dahulu adalah tasbihnya di dalam tiap-tiap qiam 15 kali jua, dan tasbihnya itu:

سُبْحَانَ اللهِ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ وَلاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ، وَلاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ.

Maha suci Allah, pujian itu untuk Allah, tiada Tuhan melainkan Allah dan Allah itu Maha Besar. Tiada daya dan upaya melainkan dengan Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Besar.

- Dan 10 kali di dalam tiap-tiap rukuk kemudian daripada tasbih rukuknya.
- Dan 10 kali di dalam tiap-tiap iktidal.
- Dan 10 kali di dalam tiap-tiap sujud kemudian daripada tasbihnya.
- Dan 10 kali di dalam tiap-tiap duduk antara dua sujud.
- Dan 10 kali di dalam sujud yang kedua dan 10 kali di dalam duduk istirahah atau duduk tasyahhud atas kaifiat yang pertama yang dibaca 15 kali jua tiap-tiap qiam.

Adapun atas kaifiat yang membaca 25 kali, tiada lagi dibaca tasbihnya di dalam duduk istirahah atau di dalam tasyahhud. Maka jadilah perhimpunan tasbihnya 300 kali. Dan jika dikehendak membaca doa Qutub ini pada akhir tasyahhud dan selawat dahulu daripada salam maka iaitu terlebih akmal (sempurna) iaitu:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ تَوْفِيْقَ أَهْلِ الْهُدَى وَأَعْمَالَ أَهْلِ الْيَقِيْنِ وَمُنَاصَحَةَ أَهْلِ التَّوْبَةِ وَعَزْمَ أَهْلِ الصَّبْرِ وَجِدَّ أَهْلِ الْخَشْيَةِ وَطَلَبَ أَهْلِ الرَّغْبَةِ وَتَعَبُّدَ أَهْلِ الْوَرَعِ وَعِرْفَانَ أَهْلِ الْعِلْمِ حَتَّى أَخَافَكَ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مَخَافَةً تَحْجُزُنِي عَنْ مَعَاصِيْكَ حَتَّى أَعْمَلَ بِطَاعَتِكَ عَمَلاً أَسْتَحِقُّ بِهِ رِضَاكَ وَحَتَّى أُنَاصِحَكَ فِي التَّوْبَةِ خَوْفًا مِنْكَ وَحَتَّى أُخْلِصَ لَكَ فِي النَّصِيْحَةِ حُبًّا لَكَ وَحَتَّى أَتَوَكَّلَ عَلَيْكَ فِي الأُمُوْرِ كُلِّهَا حُسْنَ ظَنٍّ

بِكَ سُبْحَانَ خَالِقِ النُّوْرِ.

Ertinya: *Ya Allah! Sesungguhnya aku bermohon ke hadratMu petunjuk orang yang mendapat petunjuk, amalan orang yang yakin, kesucian orang yang bertaubat, keteguhan orang yang bersabar, kesungguhan orang yang takut, tuntutan orang yang ingin, pengabdian orang yang warak, kearifan orang yang berilmu, sehinggalah aku berasa takut terhadap Engkau. Ya Allah! Sesungguhnya aku bermohon ke hadratMu perasaan takut yang dapat melindungi daku dari menderhakaiMu, sehingga aku dapat beramal dengan mentaatiMu dengan suatu amalan yang aku berhak mendapat keredhaanMu, sehingga aku dapat menyucikan taubatku terhadapMu kerana takut kepadaMu, sehingga aku dapat mentulusi penyucian itu terhadapMu kerana kasih kepadaMu dan sehingga aku berserah kepadaMu dalam semua urusanku kerana sangkaan baikku terhadapMu. Maha sucilah Tuhan yang menjadikan cahaya yang dapat memberi petunjuk.*

Kemudian maka memberi salam ia.

19. Sembahyang Sunat Hari Raya

Dan setengah daripada sunat mu'akkad, sembahyang hari raya kedua iaitu hari raya haji dan hari raya fitrah, maka lafaz niatnya keduanya:

أُصَلِّي سُنَّةَ عِيْدِ الأَضْحَى رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى. اللهُ أَكْبَرُ.

Sahaja aku sembahyang sunat hari raya 'Udhiyyah (Qurban) dua rakaat kerana Allah Ta'ala. Allahu Akbar.

أُصَلِّي سُنَّةَ عِيْدِ الْفِطْرِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى. اللهُ أَكْبَرُ.

Sahaja aku sembahyang sunat hari raya Fitrah dua rakaat kerana Allah Ta'ala. Allahu Akbar.

Kemudian ia baca doa iftitah, kemudian maka takbir 7 kali serta mengangkatkan dua tangannya seperti takbiratul ihram 7 kali pada rakaat yang pertamanya dan 5 kali pada rakaat yang keduanya dahulu daripada membaca fatihah, kemudian dibacanya fatihah dan surah:

سَبِّحِ ٱسْمَ رَبِّكَ ٱلْأَعْلَى ۝١

pada rakaat yang pertama dan surah:

هَلْ أَتَىٰكَ حَدِيثُ ٱلْغَٰشِيَةِ ۝١

pada rakaat yang kedua kemudian daripada fatihah. Dan sunat diselangi antara takbir yang tujuh dan antara takbir yang lima itu dengan:

سُبْحَانَ اللهِ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ وَلاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ.

Maha Suci Allah, pujian itu bagi Allah, tiada Tuhan melainkan Allah dan Allah Maha Besar.

Kemudian jika sembahyang berjemaah, maka sunat dibaca khutbah kemudian daripada sembahyang kedua hari raya itu, dimulai pada awal khutbah yang pertama dengan takbir 9 kali berturut-turut dan pada khutbah yang keduanya 7 kali berturut-turut. Adalah kedua khutbahnya itu seperti khutbah Jumaat, maka dinyatakan di dalam kedua khutbah itu hukum bicara korban pada khutbah hari raya korban dan bicara hukum zakat fitrah pada hari raya fitrah.

Dan sunat takbir pada dua malam hari raya keduanya takbir yang mutlak (takbir semata-mata) hingga masuk kepada sembahyang, maka habislah takbir yang mursal (takbir yang tidak mengiringi sembahyang) pada kedua hari itu dengan

takbir imam jika sembahyang berjemaah atau takbir dirinya, jika sembahyang seorang dirinya.

Dan sunat takbir muqaiyad (takbir yang mengiringi sembahyang fardhu atau sunat) pada hari raya haji, dimulai daripada Subuh hari Arafah hingga akhir Asar hari Tasyrik, kemudian daripada tiap-tiap sembahyang. Dan jika orang haji, maka sunat dimulai takbirnya yang muqaiyad daripada Zohor hari raya haji hingga Subuh akhir hari Tasyrik yakni hingga Subuh hari yang ketiga belas dan lafaz takbirnya iaitu:

اللهُ أَكْبَرُ اللهُ أَكْبَرُ اللهُ أَكْبَرُ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ اللهُ أَكْبَرُ وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ.

Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, tiada Tuhan melainkan Allah dan Allah Maha Besar, Allah Maha Besar dan pujian itu bagi Allah jua.

(tiga kali), kemudian sunat ditambah kemudian daripada tiga kali dengan:

اللهُ أَكْبَرُ كَبِيْرًا وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ كَثِيْرًا وَسُبْحَانَ اللهِ بُكْرَةً وَأَصِيْلاً، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَلاَ نَعْبُدُ إِلاَّ إِيَّاهُ مُخْلِصِيْنَ لَهُ الدِّيْنَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُوْنَ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ صَدَقَ وَعْدَهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ وَهَزَمَ الأَحْزَابَ وَحْدَهُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ.

Allah Maha Besar sebesar-besarnya. Pujian itu bagi Allah sebanyak-banyaknya. Maha Suci Allah itu waktu siang dan malam, tiada Tuhan melainkan Allah, kami tidak menyembah kecuali kepadaNya dengan keadaan tulus beragama kepadaNya,

walaupun dibenci oleh orang kafir. Tiada Tuhan melainkan Allah sahaja yang menepati janji, menolong hambaNya dan mengalahkan musuh-musuh tanpa bantuan sesiapa. Tiada Tuhan melainkan Allah dan Allah Maha Besar.

Maka waktunya itu iaitu keluar matahari hingga gelincir matahari tetapi dita'khirkan hingga naik matahari segalah itu afdhal.

20. Sembahyang Sunat Tarawikh

Dan setengah daripada sunat yang mu'akkad sembahyang tarawikh. Demikian lafaz niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ التَّرَاوِيْحِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى. اللهُ أَكْبَرُ.

Sahaja aku sembahyang sunat tarawikh dua rakaat kerana Allah Ta'ala. Allahu Akbar.

Iaitu dikerjakan pada tiap-tiap malam bulan Ramadhan. Waktunya: Kemudian daripada sembahyang Isyak hingga keluar fajar. Adalah ia dituntut berjemaah iaitu dua puluh rakaat. Tiap-tiap dua rakaat membaca tahiyyat dan memberi salam. Maka tiada sah dikerjakan empat rakaat dengan satu salam dan sunat dinyaringkan bacaannya. Maka tiap-tiap empat rakaat dinamakan satu tarawikh, kemudian disembahyang witir kemudian daripadanya. Dan sunat dibawa qunut pada witir nisfu yang keduanya daripada Ramadhan.

21. Sembahyang Sunat Gerhana Matahari

Dan setengah daripadanya sunat mu'akkad, sembahyang gerhana matahari. Sekurang-kurang ia sembahyang seperti sunat Zohor jua iaitu dua rakaat, dua rukuk dan empat sujud. Dan yang akmal (sempurna) daripadanya, ia sembahyang dua rakaat tetapi dua qiam dan dua rukuk dan dua iktidal dan yang

akmalnya ia sembahyang dua rakaat tetapi dua qiamnya dan dua rukuk dan dua iktidal dan dua sujud dipanjangkan pada tiap-tiap qiamnya dan rukuknya dan dua sujudnya. Demikian lafaz niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ كُسُوْفِ الشَّمْسِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى. اللهُ أَكْبَرُ.

Sahaja aku sembahyang sunat gerhana matahari dua rakaat kerana Allah Ta'ala. Allahu Akbar

Maka dibaca doa iftitah dan أَعُوْذُ بِاللهِ dan fatihah dan surah al-Baqarah atau umpamanya dan pada surah kemudian daripada fatihah pada qiam yang keduanya surah Ali-'Imran atau kadarnya dan pada qiam yang ketiga surah al-Nisa' atau kadarnya dan pada qiam yang keempat surah al-Ma'idah atau kadarnya dan pada rukuknya yang pertama dan sujudnya yang pertama kadar seratus ayat daripada surah al-Baqarah dan pada rukuk yang keduanya dan sujud yang kedua kadar delapan puluh ayat daripadanya dan pada rukuk yang ketiga dan sujudnya yang ketiga kadar tujuh puluh ayat daripadanya dan pada rukuk yang keempat dan sujud yang keempat kadar lima puluh ayat daripadanya dan sunat disirkan (diperlahankan) bacaannya.

22. Sembahyang Sunat Gerhana Bulan

Dan demikian lagi sunat mu'akkad pula disembahyang gerhana bulan, demikian lafaz niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ خُسُوْفِ الْقَمَرِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى. اللهُ أَكْبَرُ.

Sahaja aku sembahyang sunat gerhana bulan dua rakaat kerana Allah Ta'ala. Allahu Akbar.

Maka kaifiatnya seperti kaifiat sembahyang gerhana matahari pada sekurang-kurang dan akmalnya.

Dan sunat membaca khutbah pada kedua gerhana itu jika ia sembahyang berjemaah dan disuruh di dalam keduanya taubat kepada Allah dan mengembali akan menzalim dan memerdekakan dan sedekah dan mendirikan taat akan Allah Ta'ala dan lainnya. Maka khutbahnya seperti khutbah hari raya tetapi tiada takbir pada awal khutbah keduanya.

23. Sembahyang Sunat Minta Hujan

Dan setengah daripada sunat, sembahyang minta hujan apabila berhajat kita kepadanya dan diulang-ulangi hingga turun hujan iaitu dua rakaat seperti sembahyang hari raya dan waktunya seperti waktu sembahyang hari raya pada afdhalnya, maka harus ia sembahyang barang waktu malam dan siang dan lafaz niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ الاِسْتِسْقَاءِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى اللهُ أَكْبَرُ.

Sahaja aku sembahyang sunat minta hujan dua rakaat kerana Allah Ta'ala. Allahu Akbar.

Dan sunat takbir pada sembahyangnya pada rakaat yang pertama 7 kali dan pada rakaat yang kedua 5 kali. Dan dibaca antara dua takbirnya seperti yang dibaca pada takbir antara hari raya. Dan sunat dibaca istighfar pada awal khutbah yang pertama 9 kali dan pada khutbah yang kedua 7 kali berturut-turut dan lafaznya yang afdhal:

أَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ الَّذي لاَ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ وَأَتُوْبُ إِلَيْهِ.

Aku meminta ampun kepada Allah yang Maha Besar yang tiada Tuhan melainkan Dia, yang Maha Hidup dan Maha Mengurus dan aku bertaubat kepadaNya.

Dan sunat dibaca tatkala guruh dan kilat:

سُبْحَانَ مَنْ يُسَبِّحُ الرَّعْدُ بِحَمْدِهِ وَالْمَلاَئِكَةُ مِنْ خِيْفَتِهِ.

Maha Sucilah Dia yang mana guruh dan kilat bertasbih memujiNya, juga para malaikat kerana takut terhadapNya.

Dan jangan mengikut matanya akan kilat dan sunat dibacanya tatkala hujan:

اللَّهُمَّ صَيِّبًا نَافِعًا.

Ya Allah! Turunkan hujan yang bermanfaat.

Dan apabila kebanyakan hujan yang memberi mudharat dengan dia dibacanya:

اللَّهُمَّ حَوَالَيْنَا وَلاَ عَلَيْنَا اللَّهُمَّ عَلَى الآكَامِ وَالظِّرَابِ وَبُطُوْنِ الأَوْدِيَةِ وَمَنَابِتِ الشَّجَرِ.

Ya Allah! Palingkan dari kami dan jangan menyusahkan kami. Ya Allah! Tempatkan ia di bukit-bukau, di tanah-tanah tinggi, di dasar-dasar wadi dan di tempat-tempat pertumbuhan pokok-pokok.

Peringatan

Dan adalah setengah daripada sembahyang sunat yang tersebut itu dituntut berjemaah iaitu sembahyang tarawikh dan witir pada bulan Ramadhan dan sembahyang dua hari raya dan sembahyang gerhana keduanya dan sembahyang minta hujan dan yang lain daripada yang tersebut itu tiada dituntut berjemaah.

24. Sembahyang Sunat Tahajjud

Dan demikian lagi setengah daripada sunat yang tiada dituntut berjemaah, sembahyang tahajjud iaitu sembahyang malam kemudian daripada tidur sekurang-kurangnya dua rakaat atau empat rakaat atau enam rakaat atau delapan rakaat, afdhal daripada dua rakaat dengan niat tahajjud dan lafaz niatnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ التَّهَجُّدِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى اللهُ أَكْبَرُ.

Sahaja aku sembahyang sunat tahajjud dua rakaat kerana Allah Ta'ala. Allahu Akbar.

25. Sembahyang Sunat Mutlak

Dan demikian lagi setengah daripada sunat, ia mengerjakan sembahyang sunat mutlak pada malam atau siang yang tiada mempunyai waktu. Dan sebab bermula sembahyang sunat mutlak yang pada malam itu afdhal daripada sunat mutlak pada siang hari dan jika sembahyang pada malam diperbuat dua rakaat. Demikian lafaz niatnya:

أُصَلِّي رَكْعَتَيْنِ سُنَّةً لِلّٰهِ تَعَالَى اللهُ أَكْبَرُ.

Sahaja aku sembahyang sunat dua rakaat kerana Allah Ta'ala. Allahu Akbar.

Maka sayugianya kita memeliharakan segala sembahyang yang tersebut itu barang sedapatnya. Istimewa pula pada saat-saat kita kerjakan sembahyang malam kerana ia terlebih sangat berat sesuatu atas nafsu. Dan sungguhnya jadi ringan apabila dikekalkan atasnya dan sabar atas kepayahannya dan dengan melawan akan hawa nafsunya pada permulaannya, kemudian daripada yang demikian itu jadi dibukakan dia pintu berjinak-

jinak ia dengan Allah Azza Wajalla. Dan manis munajat dan lazat ia bersunyi dengan Tuhannya dan pada ketika yang demikian itu tiada kenyang seorang daripada berdiri malam istimewa pula berat atau segan (malas) seperti barang yang jatuh setengah daripada orang yang salihin seperti beberapa riwayat yang masyhur daripada hal mereka itu. Setengah daripadanya orang yang sembahyang Subuh dengan air sembahyang Isyak, mereka itulah orang yang dapat petunjuk daripada Allah, maka dengan petunjuk mereka itu kita ikut. Dan jika lemah daripada banyak, maka kerjakan sedikit barang kuasanya, maka datang pada hadis bahawasanya orang yang banyak tidur malam itu datang pada hari kiamat fakir dan lagi orang yang banyak tidur menghilangkan berkat umurnya dan sia-sia waktunya yang ia mudanya.

Ketahui olehmu sedikit amal yang berkekalan terlebih baik daripada banyak yang putus, sabda Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam:

أَحَبُّ الأَعْمَالِ إِلَى اللهِ أَدْوَمُهَا وَإِنْ قَلَّ.

Yang terlebih kasih amal kepada Allah Ta'ala itu yang dikekalkan dia dan jika sedikit sekalipun.

Dan sunat mengqada'kan sembahyang sunat yang tersebut itu apabila luput.

اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا مِنَ الْمُحَافِظِيْنَ وَالْمُقِيْمِيْنَ الصَّلاَةَ الْمُخْلِصِيْنَ لِوَجْهِكَ الْكَرِيْمِ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ.

Ya Allah! Jadikanlah kami orang yang memelihara dan tetap mengerjakan sembahyang, tulus terhadap wajahMu yang tersangat mulia itu. Wahai Tuhan yang mentadbir sekalian alam.

Kesempurnaan Faedah

Sultan/Raja Adalah Bayangan Allah Di Bumi Apabila Adil

Ini kesempurnaan faedah pada menyatakan yang bergantung dengan raja dan barang yang bergantung dengan dia. Kata Ibnu Abbas Radiyallau 'anhuma, sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam:

وَقِّرُوْا السُّلْطَانَ وَأَجِلُّوْهُ فَإِنَّهُ عِزُّ اللهِ وَظِلُّهُ فِي الأَرْضِ إِذَا كَانَ عَدْلاً.

Muliakan oleh kamu akan sultan dan besarkan kamu akan dia, maka bahawasanya ia ketinggian Allah Ta'ala dan bayang-bayangNya di dalam bumi apabila adil.

Dan daripada Umar Radiyallahu 'anhu, kataku bagi Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam: "Khabarkan daku ya Rasulullah daripada ini sultan yang hebatlah segala manusia baginya dan rendah baginya segala tubuh manusia apa ia." Maka sabdanya: "Iaitu bayang-bayang Allah pada bumi, maka apabila baik ia, maka baginya pahala dan atas segala kamu syukur dan apabila jahat, maka atasnya dosa dan atas kamu sabar."

Dan daripada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam: "Siapa-siapa yang memeliharakan rakyat dan tiada dipeliharakan dengan amanah dan nasihat daripada belakangnya, nescaya memicit (sempit) atasnya rahmat Allah Ta'ala yang luas bagi tiap-tiap sesuatu."

Kata Malik bin Dinar: Aku dapat setengah yang diturun daripada langit. Firman Allah Ta'ala: Aku raja bagi segala raja-raja hati, segala raja pada tanganKu, maka barang siapa taat akan Daku, Aku jadi akan mereka itu atasnya rahmat

dan barang siapa maksiat akan Daku, Aku jadikan mereka itu atasnya seksaKu, maka jangan membimbang akan kamu akan lidah kamu dengan memaki raja-raja dan tetapi taubat kamu kepada Allah bahawa dilembut akan hati mereka itu atas kamu.

Dan sayugianya bagi raja-raja mengingatkan dirinya dan mengira-girakan ayat Quran ini iaitu firman Allah Ta'ala:

يَٰدَاوُۥدُ إِنَّا جَعَلْنَٰكَ خَلِيفَةً فِى ٱلْأَرْضِ فَٱحْكُم بَيْنَ ٱلنَّاسِ بِٱلْحَقِّ وَلَا
تَتَّبِعِ ٱلْهَوَىٰ فَيُضِلَّكَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ..... ﴿٢٦﴾

Hai Daud! Bahawasanya Kami jadikan dikau khalifah pada bumi, maka hukumkan oleh kamu antara manusia dengan hukum yang sebenarnya dan jangan mengikut hawa nafsunya, maka jadi sesat engkau daripada jalan Allah Ta'ala. (Surah Shad: Ayat 26)

Dan setengah daripada orang yang mengikut hawa nafsu itu iaitu bahawasanya jika hadir dua orang yang berbantah-bantah atau dua orang berkelahi pada hadapannya, maka berkehendak pada hatinya yang benar itu bagi orang yang dikasihnya tertentu. Dan kerana inilah sebab ditinggalkan kerajaan Nabi Sulaiman bin Daud 'alaihimassalam. Dan yang demikian itu bahawasanya beberapa manusia daripada ahli Jaradah yakni isi negeri isterinya Nabi Allah Sulaiman namanya Jaradah. Maka adalah ia terlebih kasih perempuan kepadanya, berhukum mereka itu kepada Nabi Sulaiman serta orang lain, maka kasih bahawa dimenang bagi isi negeri Jaradah sebenarnya, maka menghukumkan bagi mereka itu, maka dibalakan dia dengan ditinggalkan kerajaannya.

Dan kata Mu'aqqal Ibnu Yasar: Aku dengar akan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Tiada daripada

seorang hamba yang diberi memeliharakan rakyatnya, tiada memberi nasihat akan rakyatnya, tiada mencium ia akan bau syurga. Dan riwayat pada hadis sabda Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam: Barang siapa memerintahkan pekerjaan muslimin sesuatu, kemudian tiada diberi akan mereka itu nasihat seperti ia nasihat kepada isi rumahnya, maka ia menyediakan tempatnya di dalam neraka.

Dan riwayat daripada Abdul Rahman Ibnu Samurah katanya, sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam: Bagiku jangan kamu pinta jadi wali memerintahkan manusia, maka bahawasanya jika diberi akan dia bagi engkau dengan tiada meminta, ditolong Allah akan dikau atasnya dan jika diberi akan dia dengan meminta, diserahkan dikau kepadanya.

Ada pun kelebihan adil, ketahui olehmu bahawasanya adil Malik (raja) itu mewajibkan kita kasih akan dia dan zalimnya mewajib bercerai-cerai daripadanya dan afdhal zaman itu, zaman raja adil. Sabda Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam: Bahawasanya amal imam yang adil pada rakyatnya sehari terlebih afdhal daripada amal orang yang adil pada ahlinya seratus tahun.

Dan lagi sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam: Adil imam sesaat terlebih kebajikan daripada ibadat enam puluh tahun. Dan lagi doa imam yang adil tiada ditolak.

Dan daripada Umar bin al-Khaththab Radiyallahu 'anhu bahawasanya berkata ia bagi Ka'ab: Khabarkan olehmu daripada syurga Jannah 'Adn, maka berkata ia: Hai Amirul Mu'minin, tiada duduk padanya melainkan Nabi atau siddiq atau syahid atau imam yang adil. Kata Umar: Tiada aku Nabi dan sanya aku benar akan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dan tiada aku imam adil dan bahawasanya aku harap bahawa tiada aku zalim dan ada pun syahid, maka di mana bagiku dengan dia? Kata Hasan: Maka dijadikan dia Allah siddiq dan

syahid yang menghukumkan dengan adil. Bertanya Iskandar akan hukamak ahli Babil (sebuah kota dekat Sungai Furat di Iraq): Apa yang terlebih baik pada kamu, berani atau adil? Jawab mereka itu: Apabila dipakainya akan kami adil, terkaya kami daripada berani.

Telah memberi surat setengah daripada ‘ummal (pegawai) Umar bin Abdul Aziz mengadu-ngadu kepadanya daripada binasa negeri dan memohon akan dia harta supaya dibaiki akan dia, maka dibalasnya oleh Umar bin Abdul Aziz akan suratnya. Adapun surat kamu telah aku faham, maka apabila engkau bacakan suratku, maka baikkan olehmu akan negeri kamu dengan adil dan engkau bersihkan dia daripada segala zalim, maka bahawasanya ialah pembaiki negeri kamu. Wassalam.

Dan kata Kisra: Tiada kerajaan melainkan dengan tenteranya dan tiada tentera melainkan dengan harta dan tiada harta melainkan dengan negeri dan tiada negeri melainkan dengan rakyat dan tiada rakyat yakni yang memeliharakan melainkan dengan adil.

Kata Syuraij Ibnu Ubaid: Tiada ada pada Bani Israel seorang raja-raja melainkan ada sertanya seorang lelaki yang satu bicaranya yang halim (santun), apabila dilihatnya marah, disurat pada kertas dan pada tiap-tiap kertas katanya:

ارْحَمِ الْمُسْلِمِيْنَ وَخَفِ الْمَوْتَ وَاذْكُرِ الآخِرَةَ.

Yakni: *Kasihani olehmu akan orang muslimin dan takuti olehmu akan mati dan ingatkan olehmu akan akhirat.*

hingga hilang marah yakni diberikan segala suratannya itu satu, kemudian satu hingga hilang marahnya. Dan adalah setengah daripada raja yang dahulu serta menyurat ia pada tiga kertas dan berkata ia bagi wazirnya: Apabila engkau lihat

akan daku marah, maka beri olehmu kepada aku satu keping kertas itu, kemudian satu yang lainnya, maka adalah di dalam kertas yang pertama:

إِنَّكَ لَسْتَ بِإِلَهٍ وَإِنَّكَ سَتَمُوْتُ وَتَعُوْدُ إِلَى التُّرَابِ فَيَأْكُلُ بَعْضُكَ بَعْضًا.

Bahawa engkau tiada Tuhan dan bahawasanya engkau lagi akan mati dan kembali kepada tanah, maka memakan setengah kamu akan setengahnya.

Dan kertas yang keduanya:

ارْحَمْ مَنْ فِي الأَرْضِ يَرْحَمْكَ مَنْ فِي السَّمَاءِ.

Kasihani olemu akan orang yang pada bumi, nescaya dikasihani akan kamu oleh orang yang pada langit.

Dan pada kertas yang ketiganya:

اقْضِ بَيْنَ النَّاسِ بِحُكْمِ اللهِ فَإِنَّهُ لاَ يُصْلِحُهُمْ إِلاَّ ذَلِكَ.

Hukumkan olehmu antara manusia dengan hukum Allah, maka bahawasanya tiada patut akan mereka itu melainkan yang demikian itu.

Dan dikatakan orang: Apabila tiada meramaikan raja di dalam kerajaannya dengan insaf, nescaya binasa negerinya dengan maksiat. Dan datang seorang Yahudi bagi Abdul Malik bin Marwan, maka berkata ia: Hai Amirul Mu'minin! Setengah daripada orang besar kamu menzalimkan daku, maka jika insafkan daku daripadanya dan rasakan kami manis adil, maka tiada berpaling ia kepadanya, kemudian maka diulang perkataannya baginya kedua kalinya, maka tiada berpaling ia kepadanya, maka tatkala adalah pada kali

yang ketiganya, maka berkata ia: Hai Amirul Mu'minin! Kami dapat di dalam Taurat yang diturunkan atas Kalimullah Musa bahawasanya imam tiada sayugianya bersekutu pada menzalimkan seorang, maka diangkat kepadanya, maka jika tiada ia menghilangkan dia, maka sanya telah bersekutu akan dia pada zalimnya, maka tatkala mendengar Abdul Malik akan perkataannya, maka terkejut ia dan bangkit ia pada ketika itu jua kepada orang yang menzalimkan dia, maka diturunkan daripada memerintahkan dan dikembalikan hak Yahudi dan mengambil ia akan haknya.

Dan adalah al-Iskandar berkata ia: Hai hamba Allah! BahawasanyaTuhan kamu Allah yang tiada Tuhan hanya Ia, telah menolongkan Nuh kemudian daripada beberapa masa dan yang menurunkan hujan akan minuman kamu tatkala berkehendak kamu kepadanya dan kepadanya tempat kembali tatkala kekeruhan. Demi Allah! Tiada sampai akan daku bahawasanya Allah Ta'ala kasih akan sesuatu melainkan aku kasih akan dia dan aku kerjakan dia hingga sampai kepada ajalku dan tiada sesuatu yang dibenci melainkan aku benci akan dia dan aku jauh akan dia hingga sampai kepada ajalku dan sanya telah dikhabarkan daku bahawasanya Allah Ta'ala kasih ia akan adil pada hambaNya dan benci Ia akan zalim setengah akan setengahnya, maka binasalah bagi orang yang zalim daripada engkau dan kerasku (kemurkaanku). Dan barang siapa yang adil daripada orang yang aku besarkan, maka hendaklah ia duduk bertelekan di dalam majlisku, betapa kehendaknya dan dicitanya atasku apa yang dikehendaknya, maka tiada aku salahi akan citanya. Bermula Allah Ta'ala yang membalaskan akan tiap-tiap seseorang akan perbuatannya.

Dan kata Walid bahawasanya binasa rakyat sanya dengan binasa wali dan baik mereka itu dengan baik wali. Dan kata Wahab Ibnu Munabbih: Apabila mencita-cita wali yakni raja-

raja dengan zalim atau dikerjakannya dengan dia, dimasukkan Allah kekurangan pada ahli mamlikahnya (wilayah pemerintahannya) dan pada pekannya dan tanamannya dan pada abingnya (kantung susu kambing perahan) dan pada tiap-tiap suatu dan apabila mencita-cita dengan kebajikan dan adil atau digemarkannya, memasuk Allah berkat pada ahli mamlikahnya yakni akan segala tempat kerajaannya pada segala yang tersebut itu.

Dan kata setengah ahli al-Tawarikh bahawa Malik daripada Muluk, yakni bahawasanya satu raja daripada raja-raja keluar ia berjalan di dalam mamlikahnya hal keadaannya memyembunyikan dirinya, maka turun ia atas seorang lelaki ada baginya satu lembu perahannya sekali perah umpama tiga puluh lembu yang lain. Maka takjub raja itu bagi yang demikian itu dan mengkhabar-khabarkan pada dirinya dengan mengambil akan dia, maka datang ia pada pagi-pagi maka diperah baginya setengah daripada barang yang memerah hari yang dahulunya, maka berkata raja: Apa hal perahannya daripada hari yang dahulu, adakah kamu peliharakan bukan tempatnya yang dahulu? Katanya: Tiada dan tetapi adaku sangka bahawasanya raja kami mencita-cita ia dengan zalim, maka jadi kurang labannya, maka kerana bahawasanya raja apabila zalim atau cita-cita dengan dia, hilang berkatnya, maka taubatlah raja itu dan berjanji ia pada hatinya akan Tuhannya bahawa tiada ia mengambil akan dia, maka pergi ia pada pagi-pagi, maka diperahnya seperti adatnya.

Dan setengah daripadanya pada bumi Maghrib bahawasaya sultan mendengar khabar bahawasanya seorang perempuan ada baginya kebun, ada padanya tebu yang sangat manis bahawasanya tiap-tiap satu batang daripadanya dapat perahannya satu qadah. Maka mencita-cita sultan atas mengambil ia akan dia, kemudian maka datang ia akan dia dan

ditanyai akan dia daripada yang demikian itu. Maka katanya: Bahkan, maka diperahnya satu batang, maka tiada sampai setengah batang yang dahulu. Maka berkata sultan bagi perempuan itu: Di mana yang dikata orang bagian-bagian? Maka berkata perempuan: Iaitu seperti barang yang sampai akan dikau khabarnya melainkan bahawa adalah sultan sanya telah mencita atas mengambil akan dia, maka terangkat berkat daripadanya. Maka taubat sultan pada ketika itu dan menjanji ia akan Tuhannya pada dirinya bahawa tiada mengambil akan dia daripadanya selama-lamanya dan ikhlaskan niatnya kemudian, maka menyuruh perah pula, maka diperahnya satu batang, maka datang memenuh qadahnya.

Dan hikayat daripada Saiyidi Abu Bakar at-Turtusi pada kitab Siraj al-Muluk katanya, telah cerita akan daku setengah daripada syuyukh (syeikh-syeikh) daripada orang yang dahulu-dahulu bahawasanya adalah di Mesir pada negeri Sa'idi satu batang tamar berbuah ia sepuluh ardab (satu ardab menyamai 24 gantang) tamar dan tiada ada pada demikian zaman itu satu pohon tamar berbuah setengah yang demikian itu, maka dirampas akan dia sultan, maka tiada berbuah satu biji pada demikian tahun itu.

Dan demikian lagi katanya: Aku lihat pada Iskandariyah pada satu teluk tepi laut, mengambil tiap-tiap yang berkehendak akan ikan padanya, maka adalah ikan bergelegak-gelegak air sebab kebanyakan ikannya dan adalah kanak-kanak mengambil dengan kainnya jua, kemudian ditahan oleh walinya yang memerintahkan tempat itu dan menegahkan ia akan manusia daripada mengambil daripadanya, maka hilanglah ikan itu daripada tempatnya hingga tiada hampir didapatnya seekor hingga sekarang.

Inilah segala perkara yang memberi bekas dan melalui oleh rahsia segala raja-raja dan citanya dan yang tersembunyi

di dalam hati mereka itu kepada rakyatnya. Jika baik, jadi baik mamlikahnya dan jika jahat, maka jahat pada segala mamlikahnya (pemerintahannya).

Cerita ahli al-Tarikh di dalam kitab mereka itu adalah segala manusia apabila berpagi-pagi pada zaman Hajjaj, bertanya-tanya mereka itu siapa-siapa kena bunuh semalam ini dan siapa orang yang kena sulanya dan siapa orang yang kena pukul dan yang seumpamanya. Dan adalah pada zaman Walid, suka ia kepada kebun dan rumah, maka adalah segala manusia pada zamannya bertanya-tanya mereka itu pada pagi-pagi daripada kerja rumah, siapa yang berbuat kebun dan siapa yang membelah sungai dan siapa yang bertanam kayu.

Dan adalah pada zaman Sulaiman anak Abdul Malik dan adalah ia sukakan makan makanan dan berkahwin dan adalah segala manusia berkhabar-khabar pada makanan yang indah yang baik-baik dan memahalkan isi kahwin dan harga sahaya dan meramaikan tempat kedudukan mereka itu dengan berkhabar-khabar akan yang demikian itu.

Dan tatkala pada zaman Umar bin Abdul Aziz adalah segala manusia bertanya-tanya mereka itu beberapa engkau hafaz Quran dan engkau hafaz wirid tiap-tiap malam dan beberapa si anu hafaz kitab dan beberapa sehari ia membaca Quran dan beberapa puasa daripada sebulan dan umpama yang demikian itu.

Maka sayugianya bagi raja-raja bahawa adalah ia atas jalan sahabat dan salaf yang dahulu–dahulu yang salihin Ridwanullahu ‘alaihim ajmain dan mengikut dengan mereka itu pada perbuatannya dan perkataannya dan kelakuannya, maka orang yang menyalahi pada yang demikian itu, maka iaitu tiada mustahil yakni tiada jauh daripada binasanya.

Dan tiadalah di atas sultan yang adil melainkan Nabi yang mursal atau malaikat yang muqarrabin dan sanya telah dikatakan orang adalah seumpama sultan yang adil seperti angin yang mengembangkan segala bunga dan menyubur bagi segala roh hamba Allah.

Maka sayugianya bagi raja jangan ditaruh akan hijab (sekatan) jadi kesakitan orang yang kena zalim daripada masuk mengadu dan jangan ditaruh akan bawwab (penjaga pintu) yang menegahkan orang dhaif sampai kepadanya. Riwayat daripada Maimun bin Mahran katanya: Adalah aku duduk pada Umar bin Abdul Aziz, maka berkata ia: Siapa pada pintu? Maka jawabnya: Seorang lelaki turunkan untanya menyangka bahawasanya ia anak Bilal mu'azzin Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam mengizinkan ia baginya dengan masuk dan berkata ia: Telah mencerita akan daku bapaku bahawasanya Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Barang siapa memerintahkan suatu daripada pekerjaan umat, kemudian maka ditaruh orang hijab yang menegahkan mereka itu daripadanya melainkan mendinding Allah daripadanya pada hari kiamat." Maka tatkala mendengar ia berkata ia bagi orang yang menunggu pintunya: "Pergilah kamu duduk di rumah kamu." Maka tiada dilihat akan seorang kemudian daripada itu duduk pada pintunya.

Dan kata Khalid bin Abdullah al-Qusyairi berkata ia bagi hajibnya (pengawalnya): Apabila duduk aku pada tempat dudukku, maka jangan engkau tahan seorang masuk kepada aku, maka bahawasanya wali yang memerintahkan pekerjaan orang tiada menegah orang masuk kepadanya melainkan tiga perkara: orang dungu yang benci ia sertanya melihat atas seorang atau pekerjaan yang syak atau jahat yang ditakut daripada bahawa dinyatakan kepada orang atau orang bakhil benci ia minta-minta orang padanya sesuatu.

Dan sayugianya bagi raja mengambil wazirnya itu orang kepercayaan pada agamanya, benar pada lidahnya, adil pada agamanya, kepercayaan perangainya lagi mempunyai tilik pada pekerjaan rakyat lagi mempunyai insaf dan syafaqah (belas kasihan) kepada makhluk Allah, maka jauhkan orang yang lemah mentadbir akan umat dan sejahat-jahat ditaruh akan wazir orang yang la'im yang tiada pemalu dan yang kurang bangsanya dan yang kurang bicaranya kerana adalah pekerjaan raja-raja dan perintahnya sekaliannya, kembali kepada wazir dan ikutan raja-raja itu pada tangan wazir.

Dan diumpamakan sultan seperti kampung dan wazir itu pintunya, maka barang siapa yang datang kepada kampong, maka berkehendak daripada ia datang memukul ia akan pintunya dan barang siapa datang akan dia bukan pintunya terkejut tiada dapat masuk dan adalah tempat jatuh wazir daripada tempat kerajaan raja-raja seumpama cermin bagi muka seperti tiada melihat padanya tiada dilihat akan keelokkan mukanya dan jahatnya dan kecelaannya.

Demikian lagi sultan tiada sempurna pekerjaannya melainkan baik akal wazirnya dan sihat fahamnya dan bersih hatinya. Dan sayugianya bagi raja-raja dan orang besar-besar dan yang lain daripada keduanya mengetahui akan kejahatan zalim dan celakanya supaya terkejut takut daripada mendatangkan dia seperti firman Allah Ta'ala:

..... أَلَا لَعۡنَةُ ٱللَّهِ عَلَى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٨﴾

Ingatlah, laknat Allah (ditimpakan) atas orang yang zalim. (Surah Hud: Ayat 18)

*Perhatian: Lafaz ayat daripada kitab asal tiada ditemui dalam Al-Quran.

Dan lagi firmanNya:

وَلَا تَحْسَبَنَّ ٱللَّهَ غَٰفِلًا عَمَّا يَعْمَلُ ٱلظَّٰلِمُونَ ..... (٤٢)

Dan jangan kamu sangka Allah Ta'ala lalai daripada barang yang dikerjakan oleh orang yang zalim. (Surah Ibrahim: Ayat 42)

Yakni tiada lalai daripada barang yang dikerjakan oleh orang yang zalim lagi akan diseksaNya.

Dan lagi firmanNya:

..... إِنَّآ أَعْتَدْنَا لِلظَّٰلِمِينَ نَارًا أَحَاطَ بِهِمْ سُرَادِقُهَا ..... (٢٩)

Ertinya: *Bahawasanya Kami sediakan bagi orang yang zalim itu api neraka yang meliputi dengan mereka itu kelilingnya.* (Surah al-Kahfi: Ayat 29)

Dan sabda Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam:

مَنِ انْقَطَعَ حَقَّ امْرِئٍ مُسْلِمٍ أَوْجَبَ اللهُ لَهُ النَّارَ وَحَرَّمَ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ، فَقَالَ رَجُلٌ: يَا نَبِيَّ اللهِ وَلَوْ كَانَ يَسِيْرًا، قَالَ: وَلَوْ كَانَ قَضِيْبًا مِنْ أَرَاكٍ.

Ertinya: *Barang siapa memutuskan hak seorang yang muslim, telah diwajibkan Allah baginya api neraka dan diharamkan atasnya syurga, maka sembah seorang lelaki: Ya Nabi Allah! Dan jikalau ada ia sedikit. Sabdanya: Dan jikalau ada ia sepotong kayu sugi sekalipun.*

Dan lagi sabda Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam:

مَا مِنْ عَبْدٍ مَظْلُوْمٍ فَشَخَصَ بِبَصَرِهِ إِلَى السَّمَاءِ إِلاَّ قَالَ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ لَبَّيْكَ عَبْدِي حَقًّا عَلَيَّ لأَنْصُرَنَّكَ وَلَوْ بَعْدَ حِيْنٍ.

Tiada daripada seorang hamba yang dizalimkan oleh orang, maka melihat dengan matanya ke langit melainkan firman Allah Azza wa Jalla: Bahkan, hai hambaKu! Sebenarnya atasKu sungguhnya Aku tolongkan dikau dan jikalau lama masanya.

Dan lagi sabda Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam:

أَلاَ وَإِنَّ الظُّلْمَ ثَلاَثَةٌ: ظُلْمٌ لاَ يُغْفَرُ وَظُلْمٌ لاَ يُتْرَكُ وَظُلْمٌ مَغْفُوْرٌ، فَأَمَّا الظُّلْمُ الَّذِي لاَ يُغْفَرُ فَالشِّرْكُ بِاللهِ، قَالَ اللهُ تَعَالَى: إِنَّ اللهَ لاَ يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُوْنَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَأَمَّا الظُّلْمُ الَّذِي لاَ يُتْرَكُ فَظُلْمُ الْعِبَادِ بَعْضِهِمْ لِبَعْضٍ، وَأَمَّا الظُّلْمُ الَّذِي يُغْفَرُ فَظُلْمُ الْعَبْدِ لِنَفْسِهِ.

Ertinya: *Ketahui olehmu bahawasanya zalim itu terbahagi ia atas tiga bahagi: Pertama: Zalim yang tiada diampun. Dan keduanya: Zalim yang tiada ditinggalkan. Dan ketiga: Zalim yang diampunkan. Maka adapun zalim yang tiada diampunkan dia itu sekutu dengan Allah yakni sembah akan yang lain serta Allah. Firman Allah Ta'ala: Bahawasanya Allah Ta'ala tiada mengampunakan orang yang sekutukan dengan Dia dan diampun akan yang lain daripada yang demikian itu bagi orang yang dikehendakiNya. Dan adapun zalim yang tiada ditinggalkan, maka iaitu zalim hamba setengah akan setengahnya, tiada dapat tiada daripada dihisabkan antaranya dan antara orang yang dizalimkannya hingga redha empunyanya. Adapun zalim yang diampunkan, maka iaitu zalim hamba bagi dirinya.*

Dan kata Mu'awiyyah Radiyallahu ‘anhu: Bahawasanya aku sungguhnya terlebih malu bahawa aku zalimkan akan orang yang tiada dapat orang yang menolongkan dia melainkan

Allah Ta'ala.

Kata setengah hukamak: Sebutkan olehmu tatkala engkau menzalimkan seorang akan adil Allah padanya dan pada tatkala kuasa kamu akan kuasa Allah atasmu dan jangan engkau mencengangkan kamu lolos dua tangan kamu, kamu tumpahkan darah, maka bahawasanya baginya yang membunuh lagi akan mati seperti itu jua.

Dan kata Abu Nur bin Yazid: Bermula batu yang dimasukkan di dalam bunyan (bangunan) rumah pada ketiadaan halal ia cekerang binasanya (hampir binasanya).

Dan kata setengah pula: Jikalau bahawasanya syurga dan ia negeri yang kekal dimasukkan satu batu atau sepotong kayu daripada zalim, nescaya aku takut bahawa binasanya yakni sangat hampir binasa rumah yang diambil batu atau kayu yang haram.

Dan cerita bahawasanya Kisra Anu Syirwan (Raja Parsi) adalah baginya guru mengajar ilmu adab akan dia hingga masyhurlah ia pada ilmunya, maka dipukul akan dia oleh gurunya pada satu hari dengan ketiadaan dosa yakni tiada kesalahan, maka menaruh marah ia pada hatinya, maka tatkala naik ia kerajaan baginya, maka berkata ia bagi gurunya: Apa yang menanggungkan dikau atas memukul akan daku pada hari bagian dan bagian dengan zalim jua. Maka kata gurunya: Tatkala ada engkau aku lihat akan dikau sangat gemar pada ilmu, aku harap bagimu kerajaan kemudian daripada bapa engkau, maka aku kasih aku rasakan dikau pada zalim supaya jangan engkau zalim akan seorang, maka berkata ia Anu Syirwan: Zah, zah yakni elok dan elok, maka setengah raja yang dahulu disurat pada hamparannya akan syair ini:

لاَ تَظْلِمَنَّ إِذَا مَا كُنْتَ مُقْتَدِرًا # فَالظُّلْمُ مَصْدَرُهُ يُفْضِى إِلَى النَّدَمِ
تَنَامُ عَيْنَاكَ وَالْمَظْلُوْمُ مُنْتَبِهٌ # يَدْعُوْا عَلَيْكَ وَعَيْنُ اللهِ لَمْ تَنَمِ

Ertinya:
Jangan kamu zalimkan orang apabila ada kamu kuasa, maka zalim itu tempat keluarnya membawa kepada menyesal
Tidur dua mata engkau dan yang kena zalim jaga ia meminta doa atas engkau dan 'ainullah tiada tidur.

Kata syair:

أَتَهْزَأُ بِالدُّعَاءِ وَتَزْدَرِيْهِ # وَمَا تَدْرِى بِمَا صَنَعَ الدُّعَاءُ
سِهَامُ اللَّيْلِ نَافِذَةٌ وَلَكِنْ # لَهَا أَمَدٌ وَلِلأَمَدِ انْقِضَاءُ

Kamu mudah-mudahkan dengan doa dan kamu permain-main akan dia, dan tiada kamu ketahui dengan apa yang memperbuat oleh doa

Anak panah malam sangat lolos dan tetapi, baginya masa dan bagi masa dilalukannya.

Dan tatkala menzalim oleh Ahmad bin Thalun dahulu daripada ia mengerjakan adil, berteriak segala manusia daripada zalimnya dan berhadap mereka itu kepada Saiyidah Nafisah iaitu syarifah yang sangat zahid mengadu orang akan dia, maka berkata ia manakala ia berjalan kata orang esok hari, maka menyurat ia pada kertas dan berhenti ia pada jalan, kemudian lalu ia raja itu dan berkata: "Hai Ahmad bin Thalun!" Maka tatkala melihat ia akan dia, dikenalnya. Maka turun ia daripada kudanya berjalan kaki dan mengambil ia akan kertas itu daripada tangannya dan dibacanya, maka tiap-tiap padanya tersurat dengan katanya: "Manakala kamu milikkan, maka kamu buangkan dan sungguhnya kuasa kamu,

maka kamu keraskan dan memberi nikmat kamu, maka kamu keraskan dan manakala kamu beri nikmat, kamu payahkan dan jika kamu datangkan rezeki, maka kamu putuskan dan sanya telah diketahui kamu sanya anak panah malam sangat lolos tiada tersalah, istimewa pula daripada hati yang telah kamu pediskan (sakitkan) dia dan daripada tubuh yang kamu telanjangkan akan dia. Perbuat oleh kamu apa yang kamu kehendak, maka bahawasanya kami sekalian sabirun dan zalimlah kamu, maka bahawasanya kami dengan Allah minta tolong dan zalimlah kamu, maka bahawasanya kami kepada Allah mengadu akan zalim kamu. Dan lagi akan diketahui oleh mereka itu yang zalim mengata ia di mana berpaling mereka itu." Kemudian katanya, maka ia pun mengadilkan rakyatnya kemudian daripada itu pada ketika itulah dan saat itulah.

Maka tertentulah mengerjakan orang yang aqil bahawa ia menegahkan daripada tangannya daripada zalim dan berjalan ia di atas jalan adil dan melakukan pekerjaannya dengan insaf dan mengintai-intai akan suruhan Allah pada sirnya (ketika sunyi) dan zahirnya dan ketahui pula bahawasanya Allah Ta'ala lagi akan membalas atas segala amal kebajikan dan kejahatan dan diseksakan orang yang zalimin atas zalimnya:

وَاللّٰهُ الْمُوَفِّقُ لِمَنْ يَشَاءُ لاَ يُسْئَلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْئَلُوْنَ، وَصَلَّى اللّٰهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كُلَّمَا ذَكَرَكَ الذَّاكِرُوْنَ وَغَفَلَ عَنْ ذِكْرِكَ الْغَافِلُوْنَ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَعِتْرَتِهِ الطَّاهِرِيْنَ صَلاَةً وَسَلاَمًا دَائِمَيْنِ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ. اللّٰهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ خَيْرَ الْمَسْأَلَةِ وَخَيْرَ الدُّعَاءِ وَخَيْرَ النَّجَاحِ وَخَيْرَ الْعَمَلِ وَخَيْرَ الثَّوَابِ وَخَيْرَ الْحَيَاةِ

وَخَيْرَ الْمَمَاتِ وَثَبِّتْنِي وَثَقِّلْ مَوَازِيْنِي وَحَقِّقْ إِيْمَانِي وَارْفَعْ دَرَجَتِي وَتَقَبَّلْ صَلاَتِي وَاغْفِرْ خَطِيْئَتِي، وَأَسْأَلُكَ الدَّرَجَةَ الْعُلْيَا مِنَ الْجَنَّةِ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ وَتَرْكَ الْمُنْكَرَاتِ وَحُبَّ الْمَسَاكِيْنِ وَأَنْ تَغْفِرَ لِي وَتَرْحَمَنِي وَإِذَا أَرَدْتَ فِتْنَةً بِقَوْمٍ فَتَوَفَّنِي غَيْرَ مَفْتُوْنٍ وَأَسْأَلُكَ حُبَّكَ وَحُبَّ مَنْ يُحِبُّكَ وَحُبَّ عَمَلٍ يُقَرِّبُ إِلَى حُبِّكَ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ إِيْمَانًا لاَ يَرْتَدُّ وَنَعِيْمًا لاَ يَنْفَدُ وَمُرَافَقَةَ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي أَعْلَى جَنَّةِ الْخُلْدِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا وَهَدَانَا إِلَى الإِسْلاَمِ يَا مُقَلِّبَ الْقُلُوْبِ ثَبِّتْ قَلْبِي عَلَى دِيْنِكَ سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُوْنَ وَسَلاَمٌ عَلَى الْمُرْسَلِيْنَ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

Ertinya: *Allah jua yang memberi petunjuk kepada siapa yang Dia kehendaki. Tiada siapa yang mempersoalkan apa yang Dia perbuat, sedangkan mereka dipersoalkan. Rahmat Allah ke atas penghulu kami Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam pada setiap kali para penzikir berzikir kepadaMu dan pada setiap kali pelupa-pelupa itu lupa dari mengingatiMu, juga ke atas ahli keluarganya, sahabat-sahabatnya, keturunannya yang suci dengan rahmat dan kesejahteraan yang berkekalan hingga hari kiamat. Dan pujian itu bagi Allah Tuhan sekalian alam. Ya Allah! Sesungguhnya aku meminta kepadaMu sebaik-baik permohonan, sebaik-baik doa, sebaik-baik kejayaan, sebaik-baik amalan, sebaik-baik pahala, sebaik-baik hidup dan sebaik-baik*

mati.Tetapkanlah daku pada agamaMu, beratkanlah segala timbanganku, perkuatkanlah imanku, angkatkanlah darjatku, terimalah sembahyangku dan ampunilah kesalahanku, Dan aku bermohon kepadaMu darjat yang tinggi dalam syurga. Ya Allah! Sesungguhnya aku bermohon kepadaMu perbuatan yang baik-naik dan meninggalkan yang salah, mengasihi orang-orang miskin dan aku bermohon supaya Engkau mengampuni daku dan mengasihani daku. Dan apabila Engkau hendak mengenakan sesuatu cubaan bala terhadap sesuatu kaum, matikanlah daku tanpa dicubai. Dan aku bermohon kepadaMu supaya aku mengasihi Engkau, mengasihi orang yang mengasihi Engkau dan mengasihi amalan yang mendekatkan kepada mengasihi Engkau. Ya Allah! Sesungguhnya aku bermohon kepada Engkau keimanan yang tidak ragu-ragu, kenikmatan yang tidak akan luput dan persahabatan dengan Nabi kami Muhammad Pesuruh Allah pada kedudukan yang tertinggi dalam syurga al-Khuld. Pujian itu bagi Allah yang mengurniakan nikmat kepada kita dan menunjukkan kita kepada Islam. Hai Tuhan pembalik segala hati, tetapkanlah hatiku pada agamaMu. Maha sucilah Tuhan engkau, Tuhan yang mempunyai kemuliaan dari segala apa yang mereka sifatkan. Dan sejahteralah sekalian Rasul. Dan pujian itu bagi Allah, Tuhan sekalian alam.

Telah selesailah fakir ilallahi Ta'ala Daud bin Abdullah Fatani menterjemahkan risalah yang bernama Munyatul Musalli ini di dalam negeri Mekah al-Musyarrafah pada waktu Dhuha hari Selasa 15 hari bulan Zulhijjah pada hijrah Nabi 1242 عَلَيْهِ أَفْضَلَ الصَّلاَةَ وَأَزْكَى التَّسْلِيْمَ tahun.

الْحَمْدُ لِلّٰهِ أَوَّلاً وَآخِرًا وَظَاهِرًا وَبَاطِنًا وَمُصَلِّيًا وَمُسْلِمًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ تَسْلِيْمًا كَثِيْرٌ.

Pujian bagi Allah pada awal dan akhir, zahir dan batin serta rahmat Allah dan sejahtera ke atas penghulu kami Nabi Muhammad, ahli keluarga dan sahabat-sahabatnya. Ya .Tuhanku! Perkenankanlah

BAHAGIAN KEDUA: RISALAH AL-BAHJAH AL-MARDHIYAH

Inilah risalah yang bernama al-Bahjah al-Mardhiyah pada menyatakan uzur menyalahi makmum daripada Imam karangan Tuan asy-Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani غَفَرَ اللهُ لَهُ وَلِلْمُسْلِمِيْنَ آمين

وَبِهِ نَسْتَعِيْنُ.

DenganNya kami mohon pertolongan

الْحَمْدُ لِلهِ الَّذِي أَوْضَحَ لَنَا أُمُوْرَ الْمَأْمُوْرَاتِ.

Segala puji bagi Allah, Tuhan yang menyatakan bagi kita segala pekerjaan yang disuruh.

وَبَيَّنَ لَنَا أُمُوْرَ الْمَنْهِيَّاتِ.

Dan menyatakan bagi kita segala perkara yang ditegahNya.

وَرَفَعَ عَنَّا عَنَاءَ الْمُشْكِلاَتِ.

Dan diangkatkan daripada kita daripada segala perkara yang musykilat.

وَأُمُوْرَ أَحْكَامِ الْمُشْتَبِهَاتِ.

Dan diangkatkan daripada segala ahkam yang kesamaran.

وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى مَنْ أَتَانَا بِالبَيِّنَاتِ.

Dan rahmat Allah dan salam atas penghulu kita yang mendatangkan akan kita dengan kenyataan.

وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَصْحَابِ الْكَرَامَاتِ.

Dan atas segala keluarganya dan segala sahabatnya yang mempunyai karamat.

وَبَعْدُ. Adapun kemudian daripada itu tatkala adalah setengah daripada saudaraku yang tiada dapat aku menyalahi akan pintanya bahawa menuntut terjemahkan beberapa masa'il yang diuzurkan ketinggalan makmum yang muwafiq dengan imamnya dan yang tiada diuzurkan, maka fakir imtisalkan pintanya kerana yang menunjukkan daripada hadith:

الدَّالُّ عَلَى الْخَيْرِ كَفَاعِلِهِ.

Orang yang menunjukkan kepada kebaikan itu seperti orang yang mengerjakannya.

Maka adalah risalah yang terlebih elok aturannya lagi terlebih nyata bagi maksudnya lagi singkat bicaranya iaitu syarah bagi manzum Al-'Alim al-'Allamah al-Muhaqqiq iaitu Syeikh Azizi yang terkandung bicara yang tersebut itu bagi 'Alim al-'Allamah Al-Syeikh Muhammad Soleh bin Syeikh Ibrahim Rais Rahimahullahu Ta'ala yang sangat banyak manfaatnya bagi awam al-Muslimin dan khawasnya, maka

faqir ilallah Ta'ala hendak terjemahkan daripadanya dengan Bahasa Melayu supaya manfaat bagi orang yang tiada tahu Bahasa Arab dan jika adalah hamba tiada ahlinya pada medan ini tetapi sebab i'timad fakir 'alallah al-Karim (berpegang faqir kepada Allah yang Maha Mulia) bahawa diberi taufiq bagi sawab (yang betul).

وَمَا تَوْفِيْقِي إِلاَّ بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ.

Tiada apa-apa petunjuk kepadaku kecuali daripada Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Besar.

Dan aku namakan terjemah ini:

الْبَهْجَةُ الْمَرْضِيَّةُ # فِيْ عُذْرِ تَخَلُّفِ الْمَأْمُوْمِ عَنِ الإِمَامِ ثَلاَثَةَ أَرْكَانٍ طَوِيْلَةً.

Al-Bahjah al-Mardhiyah (Kecantikan yang disukai) # Pada memaafkan makmum menyalahi imam dengan tiga rukun yang panjang.

Telah berkata Shahib al-Manzumah Syeikh Azizi Radiyallahu 'anhu:

إِنْ شِئْتَ ضَبْطًا لِلَّذِي شَرْعًا عُذِرْ # حَتَّى لَهُ ثَلاَثُ أَرْكَانٍ اغْتُفِرْ.

Jika kamu ingin mengetahui secara pasti yang dimaafkan di sisi syarak sehingga dibenarkan kepada tiga rukun.

Telah berkata syarahnya, ertinya jika berkehendak hai orang yang menuntut bagi mengetahui yang loba ia atas pengetahuan yang lebih daripadanya akan dhabithnya, ertinya pada menghafazkan dia dengan jazam yang putus bagi orang yang muwafiq yakni makmum yang muwafiq

bagi imamnya pada syarak yang diuzurkan dia ketinggalan daripada imamnya hingga tiga rukun yang panjang, diuzurkan dia itu iaitu yang dikehendak rukun yang tiga itu iaitu rukuk dan sujud, maka tiada dikira-kirakan daripadanya rukun yang pendek iaitu iktidal dan duduk antara dua sujud.

Takrif Muwafiq

Dan dikehendak orang yang muwafiq itu mereka yang mendapatkan dia daripada qiam imamnya masa yang dapat membaca fatihah dengan bacaan orang pertengahan tiada diiktibarkan dengan bacaan dirinya dan tiada pula dengan imamnya, maka barang siapa mendapat akan dia masa yang tersebut itu di dalam qiam imamnya sama ada ia dapat pada awal rakaatnya atau lainnya, maka dinamakan dia orang muwafiq, maka diuzurkan dia baginya tiga rukun yang panjang ketinggalannya daripada imamnya, maka selesai ia orang itu bahawa masuk imamnya pada rukun yang keempatnya iaitu membaca tasyahhud akhir atau berdiri imam kepada qiamnya dan tiada mengapanya jika telah mendahulu akan dia duduk istirahah atau barang yang ia menyerupai rupa rukun sekalipun iaitu duduk bagi tasyahhud awal, maka rukuk ia yakni sebelum lagi imamnya masuk pada rukun yang keempat, maka didapat akan rakaatnya dan hendaklah ia mengerjakan aturan sembahyang dirinya.

Dan jika masuklah imamnya pada rukun yang keempat seperti bahawa sampailah imamnya kepada qiamnya yang memadai membaca fatihah padanya atau kepada duduk bagi memadai membaca tasyahhud akhir sekalipun, dan jika adalah makmum yang muwafiq itu yang tersebut belum lagi sempurna baca fatihahnya pada hal imamnya masuk pada rukun yang keempatnya, ertinya sampailah imamnya kepada

tempat yang memadai berdirinya membaca fatihah atau duduk yang memadai membaca ia akan tasyahhud akhir, maka makmum yang tersebut luputlah rakaatnya, tiada boleh lagi ia mengerjakan aturan sembahyang dirinya kerana sudah luput rakaatnya, maka disuruh pilih antara dua pekerjaan, ada kalanya dapatkan rukun yang ada imam padanya, maka ditinggalkan membaca fatihah itu dan daripada mengerjakan aturan sembahyang dirinya kerana rakaatnya sudah luput dan dapat akan imamnya supaya jangan jadi batal sembahyangnya itu sebab tiada diuzurkan lagi iaitu dapat akan imamnya pada qiamnya atau tasyahhudnya, maka hendaklah kemudian daripada salam imamnya tambah serakaat lagi. Dan ada kalanya ia pilih ia niat mufaraqah dengan imamnya, maka tatkala itu ia kerjakan atas aturan sembahyang dirinya, maka memadalah rakaatnya itu dibilangkan dia baginya.

Dan sanya telah menyebut oleh Nazim Rahimahullahu Ta'ala di dalam nizamnya itu delapan masa'il, lima masa'il tiada berlaku khilaf padanya antara ulama muta'akhirin dan tiga masa'il berlaku padanya khilafnya antara mereka itu dan ditinggalkan satu masalah yang kesembilan sebab berlaku padanya khilaf pula, maka lagi akan kamu bicara akan dia di belakangnya. Insya' Allah Ta'ala.

Sebab Jadi Muwafiq

Dan kata Nazim pula:

مَنْ فِي قِرَاءَةٍ لِعَجْزِهِ بَطِى # أَوْ شَكَّ هَلْ قَرَا وَمَنْ لَهَا نَسِى

Orang yang lambat membaca kerana kelemahannya, atau syak adakah dia sudah membacanya, atau orang yang lupa membacanya.

Dan kata syarihnya, telah menyebutkan Nazim pada bait ini tiga masa'il orang yang diuzurkan dia:

Pertamanya: Iaitu orang yang lambat membaca kerana lemah kejadiannya, bukan sebab lambat itu kerana was-was, bersalahan jika lambat kerana was-was, maka tiada boleh ia gugur membaca fatihah daripadanya suatu seperti hukum orang yang menyahaja tinggalkan dia tetapi adalah orang itu jika boleh ia mentamamkan (menyempurnakan) fatihahnya dahulu daripada bahawa turun imamnya kepada sujud, maka didapat rakaat dan jika tiada boleh ia mentamamkan dia fatihahnya sebelum lagi turun imam kepada sujud, wajib ia meniat mufaraqah dan jika tiada niat mufaraqah, batal sembahyangnya.

Dan sayugianya pada orang yang was-was yang sudah jadi seperti kejadiannya sekira-kira tiada boleh lagi tiap-tiap orang yang melihat akan dia, dapat ia meninggalkan dia bahawa kita hubungkan padanya seperti orang yang lambat gerak diamnya seperti barang yang tersebut oleh Syeikh Ibnu Hajar pada Tuhfah.

Keduanya: Daripada tiga masa'il itu iaitu orang yang syak dahulu daripada rukuknya dan kemudian daripada rukuk imamnya, adakah ia sudah membaca fatihah atau belum lagi, maka wajib ia membaca fatihah, maka dimaafkan ketinggalan ia daripadanya tiga rukun yang tersebut itu.

Dan ketiganya: Daripada masa'il yang tersebut itu iaitu mereka yang lupa ia daripada membaca fatihah hingga rukuk imamnya dan sebelum lagi ia rukuk, maka teringat bahawasanya ia belum lagi membaca fatihah, maka wajib ia membaca akan dia, maka dimaafkan ketinggalannya hingga tiga rukun yang panjang-panjang. Maka adalah masalah ini ceraiannya antara masalah yang dahulu bahawasanya yang pertama ia syak adakah ia membaca atau tiada, maka masalah

ini ia yakin akan tiada ia membaca akan dia. Adapun jika syak ia atau teringat ia terkemudian daripada sudah ia rukuk dan rukuk imamnya, maka tiada boleh lagi ia kembali membaca fatihah tetapi wajib berkekalan ia mengikut imamnya dan wajib ia datang kemudian daripada salam imamnya satu rakaat dan jika syak ia kemudian daripada ia rukuk dahulu daripada rukuk imamnya kemudian rukuk imamnya, maka datang syak ia atau teringat ia lupa membaca fatihah, maka wajib ia kembali kepada qiamnya dan membaca fatihahnya, maka diuzurkan dia hingga tiga rukun yang tersebut itu seperti barang yang disebut pada Tuhfah.

Kata Nazim:

وَضِفْ مُوَافِقًا السُّنَّةَ الْعَدْلُ # وَمَنْ لِسَكْتَةِ اِنْتِظَارُهُ حَصَلَ

Hendaklah dikira orang muwafiq bagi mereka yang mementingkan sunat (membaca doa iftitah) dan menunggu saktah (diam) imam hingga tidak sempat membaca fatihah.

Maka kata syarahnya: Telah menyebut Nazim bait ini dua masalah yang diuzurkan ketinggalan tiga rukun:

Pertamanya: Iaitu orang muwafiq meninggalkan fatihah sebab ia membimbangkan membaca doa iftitah, maka rukuk imamnya dahulu daripada bahawa dapat ia mentamamkan membaca fatihahnya sama ada ia dibacanya atau belum lagi dibacanya, maka diuzurkan dia ketinggalan tiga rukun yang tersebut itu, maka disebut oleh Nazim orang muwafiq supaya keluar orang masbuq yang membimbangkan membaca yang sunat akan fatihahnya, maka adalah baginya hukumnya lagi akan datang. Insya' Allah Ta'ala.

Keduanya: Orang yang muwafiq itu sebab menanti akan saktah imamnya sebab menuntut bagi menuntut bagi sunat ia baca fatihah kemudian daripada fatihah imamnya, tiba-tiba

tiada berdiri bagi saktah itu hanya selesai fatihahnya, lalu rukuk atau dibacanya surah yang amat pendek, tiada sempat ia membaca fatihah atau mentamamkan dia, maka diuzurkan ketinggalan tiga rukun itu.

Maka lima surah (gambaran) ini diuzurkan bagi orang yang muwafiq ketinggalan tiga rukun itu, maka adalah pada surah ini tiada ada khilaf antara segala ulama muta'akhirin.

Kemudian kata Nazim:

مَنْ نَامَ فِي تَشَهُّدٍ أَوِ اخْتَلَطْ # عَلَيْهِ تَكْبِيْرُ الإِمَامِ مَا انْضَبَطْ

Makmum yang tertidur dalam tasyahhud akhir atau makmum yang muqtadi yang keliru dengan takbir imamnya bagi qiam.

Kata syarahnya: Inilah masuk Nazim Radiyallahu 'anhu pada menyebut pada masa'il yang khilaf padanya sebut pada bait ini dua masalah:

Pertamanya: Seorang yang sembahyang ia serta imamnya ketidurannya di dalam tasyahhud awal, padahal tetap dua punggungnya kepada tempat duduknya, maka tiada jaga daripada tidurnya melainkan adalah imamnya sudah turun rukuk atau jaga pada akhir qiamnya.

Keduanya: Orang yang muqtadi yakni makmum mendengar akan takbir imamnya bagi qiam, maka sangkanya takbir bagi duduk tasyahhud, maka duduk ia bagi tasyahhud, kemudian maka takbir imamnya bagi rukuk, maka menyangka ia takbir bagi qiamnya daripada tasyahhud awal, kemudian ia ketahui bahawa takbir imamnya itu bagi rukuk, maka adalah pada dua surah ini berlaku khilaf antara al-Syeikh Ibnu Hajar dan Syihab al-Ramli. Kata Syeikh Ramli: Ia daripada orang yang muwafiq jua dimaafkan ketinggalan tiga rukun. Dan kata 'allamah Syeikh Ibnu Hajar: Adalah masalah ini dihubungkan

orang masbuq, maka tiada lazim akan dia tetap dibacanya barang yang dapat jua daripada fatihahnya, maka wajib diikut akan imamnya seperti orang masbuq jika dapat rukuk serta tuma'ninahnya sebelum lagi angkat imam daripada rukuknya didapat rakaatnya dan jika tiada luput rakaatnya seperti yang lagi akan datang bicaranya.

Kemudian menyebut Nazim masalah yang kedelapan iaitu masalah yang ketiga daripada masalah yang ada khilaf padanya dengan katanya:

كَذَا الَّذِي يُكَمِّلُ التَّشَهُّدَا # بَعْدَ إِمَامٍ قَامَ مِنْهُ قَاصِدَا

Demikian juga orang yang hendak menyempurnakan tasyahhud awalnya selepas imam bangkit darinya untuk qiam.

Kata syarahnya: Dan adalah surah masalah ini bahawasanya ia duduk serta imamnya membaca tasyahhud awal, maka tatkala berdiri imamnya daripadanya, maka berhenti makmum daripadanya supaya hendak sempurnakan tasyahhud awalnya, maka tatkala berdiri betul didapat akan imamnya rukuk atau hampir rukuk, maka kata Syeikh Ramli: Ia dihubungkan orang muwafiq jua diuzurkan ketinggalan tiga rukun yang tersebut itu. Dan kata Syeikh Ibnu Hajar: Tetapi ia seperti orang yang ketinggalan dengan tiada uzur, maka tiada diuzurkan dia melainkan barang yang diuzur orang yang muwafiq ia meninggalkan membaca dengan sengaja, tiada diuzurkan ketinggalan tiga rukun, maka jika dapat tamamkan fatihahnya dan rukuk ia dahulu daripada imam turun kepada sujud didapat rakaatnya dan jika tiada ia tamamkan fatihahnya dahulu daripada turun imam kepada sujud, hendaklah ia niat mufaraqah, kemudian ia lakukan aturan sembahyang dirinya, maka jika ia menyalahi akan dia, batal sembahyangnya.

Kemudian mengisyaratkan oleh Nazim Rahimahullahu Ta'ala bagi khilaf masa'il yang tiga yang kemudian itu dengan katanya:

وَالْخُلْفُ فِي أَوَاخِرِ الْمَسَائِلِ # مُحَقَّقٌ فَلاَ تَكُنْ بِغَافِلِ

Bila engkau mengetahui apa yang berlaku padanya, janganlah engkau lupakan, khilaf pada tiga masalah terakhir adalah nyata.

Dan menyebut syarihnya: Dan sungguhnya telah engkau ketahui barang yang padanya, maka jangan engkau lupa dan dihubungkan aturan dua masalah yang pertama daripada masa'il yang tiga itu, masalah yang ketiga yang berlaku padanya itu khilaf iaitu orang lupa keadaannya ia mengikut imam padahal ia di dalam sujud umpamanya, kemudian maka teringat ia akan dirinya makmum, maka tiada ia berdiri daripada sujudnya melainkan adalah imamnya telah rukuk atau hampir hendak rukuk, maka berkata 'allamah Syeikh Ramli seperti orang muwafiq jua hukumnya. Dan kata 'allamah Syeikh Ibnu Hajar: Ia adalah seperti orang masbuq. Inilah sekaliannya hukum orang muwafiq.

Hukum Orang Masbuq Dan Sebabnya

Maka sekarang hendak masuk pada bicara hukum orang masbuq pula. Maka adalah orang masbuq itu lawan orang muwafiq iaitu orang yang tiada dapat serta imam di dalam qiam imamnya masa yang dapat padanya membaca fatihah yang pertengahan, tiada nisbah bacaan dirinya dan tiada pula bacaan imamnya sama ada pada rukuk yang pertama imam atau yang lainnya kerana dapat tasawwurkan orang masbuq itu pada tiap-tiap daripada empat rakaat seperti sebab sesak

atau sebab lambat gerak diamnya.

Maka setengahnya orang yang muwafiq yang telah terdahulu apabila lalu ia sebab mengerjakan atas aturan sembahyangnya, maka tiada bangun ia kepada qiamnya melainkan adalah imamnya itu telah rukuk atau hampir ia kepada rukuk, maka diberi hukum orang masbuq jua.

Dan setengah daripadanya pula, diberi hukum masbuq pula barang yang jatuh daripada kebanyakan daripada a'immah bahawasanya mereka itu bersegera mereka itu membaca akan qira'ahnya, maka tiada dapat makmum kemudian daripada berdiri qiamnya daripada sujud membaca fatihah dengan sempurnakan dia, maka sudah rukuk imamnya, maka wajib atas makmum itu ia rukuk sertanya kerana ia seperti ia orang masbuq, maka didapatnya ia rakaatnya dan jika jatuh seperti yang demikian itu pada tiap-tiap rakaatnya sekalipun.

Perhatian:

* Dan jikalau ketinggalan makmum itu sebab ia hendak tamamkan (sempurnakan) fatihahnya hingga rukuk imamnya dan bangkit imamnya daripada rukuknya atau ia rukuk serta imamnya tetapi belum lagi ia dapat tuma'ninah dahulu daripada bangkit imam daripada rukuk dalam sekurang-kurang rukuk, maka luputlah rakaatnya, maka hendaklah ia mengikut akan imamnya barang yang ada imam padanya, kemudian hendaklah ia datang akan serakaat lagi kemudian daripada salam imamnya seperti barang yang disebut akan dia oleh 'allamah Syubramilsi.

* Bermula yang sunat bagi orang yang masbuq bahawa jangan ia membimbangkan dengan membaca zikir yang sunat tetapi hendaklah ia kemudian daripada takbirnya ia membaca

fatihah jua melainkan bahawa sangka ia dapat membaca fatihah serta dibaca zikir yang sunat itu, maka hendaklah didatangkan zikir yang sunat kemudian dibaca fatihah.

* Dan apabila rukuk imam dan sebelum lagi ia membaca orang masbuq itu akan fatihah, maka tiada ia membimbangkan membaca yang sunat seperti dibacanya fatihah kemudian daripada takbir umpamanya, maka hendaklah ia tinggalkan bacaannya dan wajib ia mengikut imamnya rukuk hal keadaannya wajib mengikut imamnya rukuk, maka ditanggung fatihahnya atau setengahnya oleh imamnya.

* Dan jika adalah makmum yang masbuq lambat bacaannya, maka tiada wajib membaca akan barang yang lainnya daripada yang didapatnya di sini. Bersalahan pada barang yang telah terdahulu pada orang yang muwafiq di sana kerana barang yang ada di sini dimudahkan dia, maka patutlah dipeliharakan halnya tiada yang lainnya, bersalahan pada orang yang muwafiq.

* Barang yang disebut akan dia masalah ini pada fatihah dan memadalah didapat bacaan ini akan dia dan gugur daripada fatihah itu. Maka ia hukumnya seperti orang yang mendapat kemudian daripada takbir imamnya ia di dalam rukuk, wajib ia rukuk didapatnya, maka orang yang masbuq itu wajib mengikut imamnya pada rukuknya sama ada dapat membaca sesuatu daripada fatihah atau tiada dapatnya sesuatu, dapatlah rakaatnya. Maka jika adalah masbuq tiada dapat membaca fatihah atau dapat setengahnya jua, maka ditanggung fatihah itu oleh imamnya dengan syaratnya.

* Jika adalah imamnya مُتَطَهِّرٌ (suci) dan bukan pada rakaat yang lebih seperti rakaat yang kelimanya dan syarat lagi ia dapat rukuk itu tuma'ninah sebelum lagi ia bangkit imamnya

sekurang-kurang rukuk, maka jika terkemudian ia sebab membaca fatihah hingga bangkit imamnya kepalanya daripada rukuk, maka luputlah rakaatnya.

* Dan jika masyghul ia dengan membaca zikir yang sunat, wajib dibaca fatihah kadar huruf membaca zikir yang sunat yang membimbangkan dia atau kadar masa diamnya, jika ia diam dan hendaklah ia ijtihad pada yang demikian itu dengan sekira-kira ghalib zhannya sama ada pada surah (gambaran) ini membaca daripada fatihahnya sesuatu atau tiada, maka jika membaca ia akan kadar yang diwajib atasnya dan wajib ia rukuk serta dapatnya akan imamnya di dalam rukuk dan dapat ia tuma'ninahnya dengan yakin, maka didapatnya ia akan rakaatnya. Dan jika mengangkat oleh imamnya akan kepalanya daripada rukuk dan ia tamamlah bacaan fatihah atau tiada dapatnya akan imam di dalam rukuknya tuma'ninah sertanya pada rukuk, maka luputlah rakaatnya, maka hendaklah ia datangkan serakaat lagi kemudian daripada salam imamnya.

* Dan jika angkat imam akan kepalanya daripada rukuk pada hal ia belum lagi sempurna lagi membaca fatihahnya, lazimlah ia niat mufaraqah jua seperti barang yang dii'timad (dipegang) akan dia oleh Syeikh Ibnu Hajar pada Minhajul Qawim dan Khatib Syarbini pada Mughni dan Syeikh Ramli pada Nihayah. Dan berlaku Syeikh al-Islam bahawasanya ia tiada lazim mufaraqah dan boleh pula mengikut imamnya turun sujud, ditinggalkan rukuknya. Maka mafhum kalam Syeikh al-Islam, makmum itu khiyar (pilih) antara niat mufaraqah dan antara tinggalkan aturan sembahyang dirinya dan ia mengikut akan imamnya turun sujud.

Dan telah cenderung i'timadnya oleh Syeikh Ibnu Hajar pada dua Syarah Irsyad bahawasanya adalah dihubungkan

orang yang ketinggalan dengan uzur, maka diuzurkan ketinggalannya itu hingga tiga rukun yang panjang-panjang. Dan telah dinaqal pada Tuhfah daripada kebanyakan ulama, orang yang masbuq yang membimbangkan membaca zikir yang sunat itu apabila rukuk imamnya, tiada lazim ia bahawa membaca akan kadar barang yang luput sebab baca yang sunat itu tetapi hendaklah mengikut imamnya pada rukuknya. Katanya: Inilah yang dipilih tetapi telah merajihkan dia perhimpunan ulama muta'akhirin dan telah memanjangkan mereka itu pada mengambil istidlal baginya dan bahawasanya kalam Syeikhaini menghukumkan dia hingga akhir barang yang ada padanya dan adalah kalamnya yakni Syeikh Ibnu Hajar seperti ia taraddud antara kata ini dan antara kalam Syeikh al-Islam dan antara barang yang terdahulu daripada Minhajul Qawim dan cenderung ia kepadanya terlebih hampir.

تَتْمِيْمُ الْمَسْأَلَةِ

(Kesempurnaan Masalah)

Jika syak ia adakah orang muwafiq atau ia daripada orang masbuq, maka berlaku pada Tuhfah bahawasanya lazimlah ia ihtiyath, maka ia takhalluf kerana mentamamkan baca fatihah dan tiada dapatnya rakaatnya dan dengan dia telah mengetahui akan dia Syeikh al-Islam dan atasnya jikalau tiada tamamkan fatihahnya hingga berkehendak imam itu turun kepada sujud, maka tatkala itu lazimlah ia niat mufaraqah, maka jika tiada dikerjanya seperti yang demikian itu, batal sembahyangnya seperti bandingnya barang yang telah tersebut dan yang dii'timad khatib Syarbini dan Syeikh Ramli

bahawasanya ia seperti orang yang muwafiq, maka diberi hukumnya hendak ia lakukan atas tertib sembahyang dirinya dan didapatnya ia rakaatnya selama belum lagi lalu imamnya terlebih daripada tiga rukun yang panjang-panjang. Dan dengan dia telah memfatwa Syihab al-Ramli dan yang zahir kalam Imdad cenderung kepadanya. Wallahu Subhanahu wa Ta'ala a'lam.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ أَوَّلاً وَآخِرًا وَظَاهِرًا وَبَاطِنًا وَمُصَلِّيًا وَمُسَلِّمًا عَلَى أَفْضَلِ الْمَخْلُوْقَاتِ كُلَّمَا ذَكَرَهُ الذَّاكِرُوْنَ وَكُلَّمَا غَفَلَ عَنْ ذِكْرِهِ الْغَافِلُوْنَ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَأَهْلِ بَيْتِهِ الطَّاهِرِيْنَ سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُوْنَ، وَسَلاَمٌ عَلَى الْمُرْسَلِيْنَ، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

Rahmat dan sejahtera Allah ke atas penghulu kami Nabi Muhammad, ahli keluarga dan sahabat-sahabatnya. Dan pujian itu bagi Allah pada awal dan akhirnya, zahir dan batinnya, pemberi rahmat dan sejahtera ke atas sebaik-baik makhluk pada setiap kali para penzikir menyebutnya dan pada setiap kali pelupa-pelupa itu lupa menyebutnya dan juga ke atas ahli keluarganya, sahabat-sahabatnya, isteri-isterinya dan keturunannya yang suci. Maha suci Tuhan engkau, Tuhan yang mempunyai kemuliaan daripada apa yang mereka sifatkan. Dan selamat sejahteralah sekalian Rasul. Dan pujian itu bagi Allah, Tuhan sekalian alam.

Telah selesailah faqir Daud bin Abdullah al-Fatani daripada menterjemah risalah ini pada waktu Asar hari

Selasa 14 haribulan Syawal pada hijrah Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam 1259 pada negeri Mekah al-Musyarrafah شَرَّفَهَا اللّٰهُ تَعَالَى آمين.